

## **BAB 1:**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Islam telah berkembang dengan pesat ke seluruh pelusuk dunia yang mempunyai latar belakang sosio-budaya masyarakat yang berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain.<sup>1</sup> Berdasarkan hakikat tersebut, para ulama atau fuqaha perlu sentiasa berijtihad bagi memastikan hukum yang dikeluarkan mengikut tertib pengeluaran hukum sebenar (*uṣūl al-fiqh*),<sup>2</sup> selari dengan keperluan masyarakat setempat<sup>3</sup> dan *maṣlaḥah* yang ingin dicapai dalam suatu pensyariatan hukum (*maqāṣid al-syarī‘ah*).<sup>4</sup> Salah satu aspek di dalam usaha ijtihad tersebut ialah amalan fatwa.<sup>5</sup> Walaupun fatwa bukan suatu kewajipan bagi para

---

<sup>1</sup> Amir Husin Mohd Nor (2000), Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula, *Jurnal Syariah*, jil. 8, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 44.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Din ‘Abd al-Rahman (2003), *al-Asybāh wa al-Naẓāir*, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 121.

<sup>4</sup> ‘Izzuddīn ‘Abd al-Salām (2000), *Qawā'id al-Aḥkām fī Islāh al-Anām*, Juz 1, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 14. Lihat sebagai contohnya Abdul Karim Ali, “Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia Yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum, dlm. Paizah Ismail (2001), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 65-69.

<sup>5</sup> Noor Naemah Abdul Rahman (2001), Fatwa dan Realitinya Pada Zaman Rasulullah, *Jurnal Syariah*, jil. 9, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 15.

fuqaha, fatwa yang ingin dikeluarkan harus melalui proses ijтиhad walaupun dalam tahap yang paling minimum.<sup>6</sup>

Merujuk latar belakang sistem perundangan Islam, fatwa sering dirujuk kepada apa sahaja kenyataan atau jawapan terhadap persoalan hukum yang dikeluarkan oleh ulama yang diiktiraf keilmuan agamanya oleh masyarakat.<sup>7</sup> Usaha ijтиhad yang dilakukan mereka juga berbeza-beza mengikut tahap persoalan dan keilmuan. Pada zaman Rasulullah s.a.w yang juga merupakan mufti pertama di dalam Islam,<sup>8</sup> fatwa-fatwa Baginda sentiasa benar kerana berada di bawah bimbingan wahyu Allah s.w.t. walaupun kadang kala Baginda berijтиhad dengan keupayaan baginda.<sup>9</sup> Pada zaman *khulafā' al-Rāshidīn*, para Sahabat dalam kalangan fuqaha (*fuqahā' al-saḥābah*) mempunyai metode ijтиhad yang pelbagai walaupun paksi fatwa mereka masih kepada al-Quran dan al-Sunnah.<sup>10</sup> Metode ijтиhad yang

---

<sup>6</sup> Terdapat 3 peringkat ijтиhad, ijтиhad *Insyā'i*, *Tarjīhi* dan *Mutaghayyirat*, lihat Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Nor Hashri Junoh (2003), Pendekatan Ijтиhad Tarjih Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an. *Jurnal Syariah*, jil. 11, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya h. 28, <http://myais.fsktm.um.edu.my/7522/>, dilayari pada 2 Februari 2010.

<sup>7</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1996), *Uṣūl Fiqh al-Islāmī*, jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr al-Ma`āṣir, h. 1156.

<sup>8</sup> Muḥammad Abū Syahbah (2003), *al-Sīrah al-Nabawiyyah fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, jil. 1, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 279.

<sup>9</sup> Ijтиhad Rasulullah s.a.w. dinamakan *fiqh al-wahy*, lihat Noor Naemah Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h. 14. Contoh popular ijтиhad yang dilakukan Baginda ialah mengenai tawanan perang Badar. Rasulullah s.a.w telah berijтиhad dengan memilih pandangan Abū Bakar al-Ṣiddīq yang mencadangkan supaya mengambil fidyah daripada tawanan-tawanan perang Badar, lalu datang wahyu menegur tindakan Baginda tersebut. Lihat surah al-Anfāl (8): 67.

<sup>10</sup> Al-Syalabī, 'Alī Muḥammad (2006), *Tārīkh al-Khulafā' al-Rāshidīn*, jil. 2, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, h. 94.

pelbagai dalam berfatwa kemudiannya diteruskan oleh generasi terkemudian hingga ke hari ini walaupun usaha ijтиhad telah mengalami pasang surut perkembangannya.<sup>11</sup>

Setelah perkembangan Islam begitu meluas dan sistem pentadbiran negara-negara berorientasikan Islam semakin sistematik, keperluan kepada menginstitusikan fatwa telah dianggap relevan oleh pemerintah umat Islam. Di Malaysia, perkembangan fatwa berlaku serentak dengan perkembangan Islam. Namun secara rasminya telah bermula pada zaman pentadbiran Inggeris.<sup>12</sup> Walaupun fatwa telah diinstitusikan dengan sistematik, hakikatnya aktiviti berfatwa dalam erti kata literalnya masih terus berlaku dengan rancak dalam kalangan para fuqaha yang diiktiraf keilmuannya oleh masyarakat. Bezanya dalam konteks Malaysia, ianya tidak dinamakan dengan ‘fatwa’, tetapi istilah lain seperti ‘Soal Jawab Agama’ dan sebagainya.<sup>13</sup> Di Malaysia setelah fatwa diinstitusikan, mana-mana kenyataan atau jawapan hukum tidak lagi mengikat masyarakat jika ianya dikeluarkan tidak mengikut prosedur tertentu yang diiktiraf oleh undang-undang.<sup>14</sup> Fatwa dari konteks istilah semasa ini pastinya berbeza daripada istilah ‘fatwa’ pada asal penggunaannya.

---

<sup>11</sup> Ijтиhad berlaku rancak selari dengan perkembangan Islam sehingga kurun keempat hijrah apabila pintu ijтиhad dikatakan telah tertutup. Lihat Mohamed Azam Mohamed Adil (1996), Pintu Ijтиhad: Persoalan Tentang Penutupannya, *Jurnal Syariah*, jil. 4, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 51.

<sup>12</sup> Zulkifli Mohamad (2004), *Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*, Tesis Ph.D, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Islam Malaysia, Pulau Pinang, h. 5.

<sup>13</sup> Setelah fatwa dinstitusikan di Malaysia, fatwa hanya merujuk kepada kenyataan mufti yang telah diwartakan. Selain daripada cara tersebut, tidak lagi dinamakan fatwa, tetapi pendapat berkaitan agama. Lihat Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2004), Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia, *Jurnal Syariah*, jil. 12, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 89-91, <http://myais.fsktm.um.edu.my/6978/>, dilayari pada 13 Februarai 2010.

<sup>14</sup> Ahmad Hidayat Buang (2002), Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia, *Jurnal Syariah*, jil. 10, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 40, <http://myais.fsktm.um.edu.my/7490/>, dilayari pada 13 Februari 2010.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Berlatar belakangkan ‘urf Malaysia masa kini secara kontekstual, istilah ‘fatwa’ secara tidak rasmi tidak lagi digelar ‘fatwa’ oleh masyarakat, tetapi dikenali dengan soal jawab agama atau soal jawab hukum. Soal jawab agama dalam konteks tersebut sememangnya berlaku dengan begitu rancak apabila turut dibantu oleh perkembangan pesat sains dan teknologi maklumat. Hakikat ini dapat dilihat dengan kemunculan begitu banyak blog-blog individu serta kumpulan yang menyediakan ruangan soal jawab agama kepada pengunjung di samping laman-laman web rasmi jabatan mufti negeri, institusi awam serta swasta yang turut menyediakan ruangan yang sama.<sup>15</sup> Turut tidak ketinggalan ialah media bercetak seperti akhbar, majalah serta media elektronik seperti televisyen dan radio yang turut menyediakan ruangan interaksi persoalan agama Islam.<sup>16</sup> Hakikat ini membuktikan walaupun negara Malaysia mempunyai mufti rasmi yang ramai, aktiviti soal jawab agama masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam.

Menyorot pandangan para ulama, seseorang individu yang ingin menjadi *mujtahid* perlu menguasai beberapa aspek penting sebelum layak mengeluarkan sebarang fatwa.

---

<sup>15</sup> Antara istilah popular yang digunakan untuk ruangan soal jawab tersebut adalah *Soal Jawab Agama*, *Kemusykilan Agama*, *Bank Kemusykilan* dan *Soal Jawab Islam*.

<sup>16</sup> Antara media semasa yang menyediakan ruangan soal jawab agama ialah akhbar *Berita Harian*, *Harian Metro*, *Harakah*, dan *Mingguan Warta Perdana*, radio *IKIM.fm* dan Radio Malaysia negeri, rancangan ‘Tanyalah Ustaz’ dan *Halaqah* (TV9), *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* (RTM), *al-Kuliyyah* (TV3), *Anjakan Paradigma Bersama Dr. Fadzilah Kamsah*, *Bicara Kifayah* dan *Rawat Hatinya Bangunlah* (Astro Oasis).

Antara asas terpenting ialah memahami al-Quran, al-Sunnah,<sup>17</sup> mahir dalam bahasa Arab,<sup>18</sup> mengetahui hukum *Ijmā'*,<sup>19</sup> memahami *Uṣūl al-Fiqh*, *al-Qiyās*,<sup>20</sup> *Maqāṣid al-Syari‘ah*<sup>21</sup>, mengenal realiti persekitaran (*fiqh al-Wāqi‘*),<sup>22</sup> mengetahui keutamaan (*fiqh al-Awlawiyyat*)<sup>23</sup> serta bersifat taqwa dan adil.<sup>24</sup> Perbincangan yang panjang di dalam soal tersebut oleh para ulama menunjukkan bukan semua individu mampu untuk berijtihad atau berfatwa. Hanya orang yang berkeahlian mempunyai autoriti tersebut kerana penguasaan sesuatu ilmu adalah berbeza dengan kefahaman biasa atau melalui ingatan.<sup>25</sup> Justeru, pengeluaran fatwa atau jawapan hukum sepatutnya menjadi eksklusif bagi golongan yang mempunyai keahlian sahaja.

Selain penguasaan ilmu untuk berijtihad mengeluarkan sesuatu jawapan hukum, faktor realiti Islam di Malaysia turut relevan untuk diberikan perhatian. Ini kerana terdapat banyak sudut pemerhatian yang mencetus perbahasan berkait. Antaranya persoalan budaya,

<sup>17</sup> Imam Ahmad telah meletakkan syarat seorang mufti perlu menghafal 400 ribu hadis sebelum layak mengeluarkan fatwa. Lihat, al-Jauziyyah, Ibn Qayyim (1423h), *I'lām al-Muwāqi'iñ 'an Rab al-'Alamīn*, Arab Saudi: Dār Ibn al-Jauzī, hh. 83-84. Lihat juga, al-Qaraḍawī, Yūsuf (1996), *al-Ijtihād fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalam, hh. 5-6.

<sup>18</sup> Kamarul Shukri Mohd Teh (2005), *Tatabahasa Arab Dan Pembinaan Hukum Daripada Al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.

<sup>19</sup> Ibn Rusyd (2003), *Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihayah al-Muqtashid*, jil. 1, Beirut: Dār al-Kutb al-Islāmiyyah, h. 3. Lihat juga al-Syīrāzī, Abī Ishāq Ibrāhīm, Yūsuf 'Alī Baiḍawi, Mahyuddin Dib Mastu (ed.) (2002), *al-Lumā' fī Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, h. 179.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 1.

<sup>21</sup> Paizah Ismail (2004), *Maqāṣid al-Syari‘ah dalam Pengajian Uṣūl al-Fiqh*, Kertas Kerja Persidangan Seminar Kebangsaan Usul Fiqh, Kajang: Kolej Universiti Islam Malaysia.

<sup>22</sup> Al-Qārāḍawī, Yūsuf, *op.cit.*, h. 56.

<sup>23</sup> Al-Wakīlī, Muḥammad (1997), *Fiqh al-Awlawiyyāt*, Virginia: Ma‘had al-‘alāmī li al-Fikr al-Islāmī, h. 29.

<sup>24</sup> Afzalur Rahman (1995), *Islam and The Way of Life*, London: The Muslim Schools Trust London, h. 44.

<sup>25</sup> Ibn Khaldun (2006), *Mukadimah Ibn Khaldun*, (ter.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 540.

sosiologi, geografi, juga sains dan teknologi.<sup>26</sup> Peranan realiti tersebut bukan sahaja menyumbang secara langsung terhadap perkembangan hukum Islam di Malaysia,<sup>27</sup> malah menjadi faktor terhadap kerancakan aktiviti soal jawab agama serta bentuk-bentuk jawapan yang terbit daripadanya.

Ruangan soal jawab agama di Malaysia dikendalikan oleh pelbagai ‘mufti’ tidak rasmi yang mempunyai latar belakang akademik, *world view* (sudut pandang), tahap kefahaman dan metode yang berbeza di dalam mengistinbāt atau menjawab sesuatu persoalan hukum. Oleh yang demikian, telah lahir pelbagai pandangan yang berbeza dalam kalangan mereka di dalam mengupas suatu persolan yang sama. Pandangan-pandangan mereka juga pastinya mempunyai nilai dari segi tahap ijтиhad yang dilakukan sama ada hanya bersifat nukilan, pentarjihān ataupun *istinbāt* dari sumber yang asal (al-Quran dan al-Sunnah).<sup>28</sup>

Jawapan-jawapan yang bersifat pelbagai ini walaupun boleh dilihat positif dari aspek tertentu, ianya turut mengundang polemik amalan beragama dalam kalangan masyarakat bahkan pernah mengundang kontroversi yang boleh mengelirukan pandangan terhadap Islam.<sup>29</sup> Justeru itu, ruangan soal jawab agama dipandang secara sinikal kerana autoriti serta kepentingannya terus dipertikai, walhal jawapan-jawapan tentang agama di

<sup>26</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran*, dlm. Paezah Ismail & Ridzwan Ahmad (ed.) (2000), *Fiqh Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 14-17

<sup>27</sup> Al-Zarqā’, Muṣṭafā Aḥmad (1998), *al-Madkhal al-Fiqh al-‘Ām*, jil.1, Damsyik: Dār al-Qalm, h. 102.

<sup>28</sup> Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Nor Hashri Junoh (2003), *op.cit.*

<sup>29</sup> Fatwa kontroversi Mashitah Ibrahim yang menghukum dimaafkan wanita menjual diri akibat ‘darurat’, rujuk Harian Metro, 19 Jun 2005, h. 38.

ruangan sebeginilah yang paling hampir dengan masyarakat Islam di Malaysia berbanding fatwa-fatwa rasmi oleh mufti rasmi kerajaan.

Berhadapan dengan permasalahan tersebut, suatu kajian yang bersifat komprehensif amat diperlukan. Kajian ini menggunakan dua pendekatan yang utama. Pertamanya, penilaian terhadap latar belakang panelis ruangan soal jawab agama yang terlibat untuk mengetahui kelayakan serta autoriti untuk dikaitkan dengan metode pengeluaran hukum yang diaplikasikan. Keduanya, analisis mengikut disiplin berfatwa di dalam Islam, merujuk kepada metode berfatwa yang digunakan semasa mengistinbāt sesuatu jawapan hukum. Ianya juga merupakan topik utama yang dibincangkan di dalam kajian ini.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Proses interaksi hukum yang berlaku di antara sarjana hukum dan masyarakat di dalam ruangan soal jawab agama sememangnya sesuatu yang positif. Ianya merupakan cara yang mudah dan efektif untuk menjawab satu persoalan hukum di samping memberikan pengetahuan umum tentang persoalan isu tersebut kepada seluruh masyarakat. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, untuk menjawab atau mengeluarkan sesuatu jawapan hukum, seseorang mufti harus menguasai ilmu metodologi pengeluaran hukum Islam iaitu *uṣūl al-fiqh*. Penguasaan mendalam ilmu tersebut begitu signifikan kerana ianya bakal mencorak hukum yang bakal terhasil. Merujuk ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro, ianya dikendalikan oleh dua individu yang mempunyai

perbezaan latar belakang keilmuan.<sup>30</sup> Perbezaan ini secara hipotesisnya sudah pasti mengundang justifikasi pengeluaran hukum yang berbeza. Oleh yang demikian, persoalan timbul tentang sejauh manakah panelis ruangan soal jawab agama Harian Metro yang bertindak selaku mufti ini memenuhi kelayakan yang diperlukan untuk menjawab persoalan-persoalan hukum yang diutarakan secara tepat.

Kelayakan tersebut pula bakal mempengaruhi metode atau cara panelis menangani setiap permasalahan hukum yang diutarakan. Ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro terbahagi kepada ruangan “Anda Musykil Dr. Mashitah Jawab” dan ruangan “Fikrah Dr. Salam” yang terbuka kepada pembaca untuk mengajukan apa sahaja soalan berkaitan Islam. Oleh yang demikian, timbul persoalan apakah metode yang digunakan oleh panelis untuk menjawab setiap persoalan terbabit dan adakah ianya menepati metode pengeluaran hukum yang sebenar dalam Islam?

Selain metode yang bersesuaian, hukum yang dikeluarkan perlulah menepati beberapa neraca penilaian untuk menepati *maqāṣid al-syari‘ah* yang ditafsirkan daripada nas. Untuk mencapai objektif tersebut, panelis perlu memahami dengan mendalam persoalan yang diajukan serta memahami faktor-faktor luar yang akan terkesan dengan hukum yang bakal dihasilkan. Kebiasaanaya panelis ruangan soal jawab agama akhbar

---

<sup>30</sup> Mashitah Ibrahim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Tafsir dan Hadis) dari Universiti al-Azhar, Sarjana Pengajian Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (Tafsir dan Hadis) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Doktor Falsafah (Tafsir dan Hadis) dari Universiti Darul Ulum, Kaherah. Lihat <http://www.lib.iiu.edu.my/mom2/cm/content/view/view.jsp>, dilayari pada 23 Februari 2010. Abdul Salam Muhamad Shukri berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dari Universiti Malaya, Sarjana Persuratan Universiti St. Andrews dan Doktor Falsafah dari Universiti St. Andrews (Pemikiran Islam). Lihat <http://www.lib.iiu.edu.my/mom2/cm/content/view/view.jsp>.

Harian Metro menjawab sesuatu soalan dengan ringkas dan padat kerana limitasi kolumnya yang diberikan. Justeru, ianya menimbulkan persoalan sejauh mana hukum itu bertepatan dengan nas mahupun aspek-aspek lain seperti yang penulis nyatakan?

Di samping permasalahan utama yang dinyatakan, penulis turut mencari jawapan bagi persoalan cabaran, kekurangan serta kelebihan yang dimiliki ruangan persoalan agama di akhbar Harian Metro tersebut. Dengan yang demikian, kajian ini bukan sahaja mampu mengkaji metode pengeluaran hukum, malah turut menjawab faktor luaran yang mempengaruhi ruangan soal jawab agama tersebut.

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, kajian terhadap ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro ini cuba mencapai beberapa objektif, iaitu:

- 1- Menghuraikan prosedur teknik penerimaan soalan dan pengeluaran jawapan hukum ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro.
- 2- Menilai sejauh mana latar belakang kesarjanaan panelis mempengaruhi ketepatan hukum melalui metode yang diguna pakai dalam ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro.
- 3- Menjelaskan metode pengeluaran jawapan hukum yang diamalkan oleh panelis ruangan soal jawab agama berdasarkan neraca *usūl al-fiqh*.

## **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Ruangan soal jawab agama berpotensi besar sebagai bahan rujukan utama masyarakat untuk mendapatkan jawapan hukum yang mudah. Oleh yang demikian, kajian secara akademik sebegini pastinya penting untuk dilaksanakan agar masyarakat dapat mengetahui secara terperinci realiti sebenar amalan soal jawab agama yang berlaku khususnya di ruangan akhbar Harian Metro.

Antara sumbangan utama kajian ini ialah dapat menambahkan pengetahuan masyarakat tentang hukum Islam (fiqh) dan metodologi hukum Islam (*uṣūl al-fiqh*) yang merupakan dua perkara pokok di dalam proses penetapan hukum Islam, menggunakan latar belakang ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro. Masyarakat akan dapat meneliti secara ilmiah kebenaran dan kesalahan segala tohmahan buruk yang dinisbah kepada perundangan Islam amnya dan panelis soal jawab agama khususnya.

Selain berperanan penting terhadap masyarakat, kajian ini juga dapat memperincikan sumbangan bermakna yang telah dimainkan oleh panelis ruangan soal jawab agama di dalam memberikan kefahaman hukum Islam disamping dapat membuka suatu lembaran baru kajian berkaitan analisis ‘fatwa’ atau soal jawab agama dan realitinya untuk pengkaji-pengkaji terkemudian mengembangkannya ke bidang-bidang lain.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Persoalan ‘fatwa’ atau soal jawab berkaitan agama jika dinilai dari sudut pengistilahan asal, sangat luas untuk dibincangkan. Realiti semasa yang berlaku menunjukkan terdapat banyak ruangan soal jawab agama yang disediakan oleh organisasi-organisasi rasmi, tidak rasmi dan individu perseorangan. Kajian ini hanya memfokuskan terhadap ruangan soal jawab agama yang disediakan di dalam akhbar Harian Metro pada setiap hari Ahad. Pemilihan akhbar Harian Metro dibuat kerana ia akhbar tunggal arus perdana yang menyediakan ruangan khas soal jawab agama.

Ruangan soal jawab agama tersebut pula terbahagi kepada dua, iaitu ruangan ‘Anda Musykil Dr. Mashitah Jawab’, dan juga ‘Fikrah Dr. Salam’. Kajian ini merangkumi kedua-dua bahagian tersebut untuk dianalisis. Analisis hanya terhadap jawapan hukum atau fatwa-fatwa yang disiarkan pada tahun 2010 sahaja. Limitasi tahun terpaksa dibuat kerana terdapat terlalu banyak jawapan yang disiarkan pada setiap tahun didasarkan faktor tidak kurang daripada empat persoalan dijawab oleh kedua-dua panelis terbabit setiap minggu.

Tema utama kajian ini ialah persoalan metode yang digunakan oleh panelis ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro untuk mengeluarkan sesuatu jawapan hukum. Disamping menganalisis menggunakan metode berfatwa yang diaplifikasi daripada kaedah-kaedah dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*, kajian ini turut menghuraikan prosedur teknikal yang diamalkan dalam ruangan soal jawab agama terbabit.

## 1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan definisi istilah ‘Soal Jawab Agama’ sangat sinonim dengan ‘fatwa’ di dalam perundangan Islam seperti yang pernah penulis sebutkan sebelum ini, skop perbincangan kajian ini tidak dapat lari daripada menyorot kajian-kajian lepas berkaitan fatwa khususnya yang melibatkan kajian penganalisaan metode. Terdapat dua jenis kajian yang menyumbang secara langsung terhadap pemilihan tajuk kajian ini. Pertamanya ialah kajian-kajian analisis fatwa secara umum yang turut menyentuh soal metode di dalam sub tema kajian. Keduanya ialah kajian-kajian khusus yang membincangkan secara terperinci tentang metode pengeluaran fatwa.

Kajian-kajian secara tidak langsung yang menyentuh persoalan metodologi fatwa boleh dibahagiakan kepada dua jenis. Pertamanya kajian yang menjurus khusus kepada elemen-elemen yang terdapat di dalam tema metode berfatwa di dalam Islam. Kajian Saipul Anuar Mohd Yusof<sup>31</sup> misalnya telah mengkaji tentang pengaplikasian doktrin *sadd al-dharī'ah* di dalam fatwa-fatwa di negeri Selangor sama seperti kajian yang telah dilakukan oleh Noor Naemah Abd Rahman bersama Mohd Akram Dahaman<sup>32</sup>. Mereka telah meneliti faktor pengubah hukum yang wujud di Malaysia dan Singapura untuk diberi perhatian oleh institusi fatwa di kedua-dua negara terbabit. Kemudian kajian yang

---

<sup>31</sup> Saipul Anuar Mohd Yusof (1999), *Sadd al-Dharī'ah Sebagai Sumber Fatwa: Kajian Terhadap Pemakaianya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>32</sup> Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Akram Dahaman (2009), “*Pengaruh Keperluan Semasa dan Setempat Dalam Fatwa: Faktor-Faktor Pengubah Dalam Konteks Malaysia dan Singapura*”, Kertas Kerja Persidangan Simposium Kebangsaan Fiqh Sains dan Teknologi di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 10-11 Disember 2009.

dilakukan oleh Umar M. Hasbi<sup>33</sup> membincangkan tentang sejauh mana 'illah berperanan sebagai sandaran di dalam fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia. Disamping itu, kajian lain yang menyentuh tentang elemen metodologi khusus di dalam aktiviti berfatwa ialah kajian oleh Abdul Hamid @ Yusuff Yunus, Noor Naemah Abd Rahman, Mohd Nor Hashri Junoh, Mohd Marbawi Taha, Rahimin Affandi Abdul Rahim *et.al.*, serta Noor Naemah Abd Rahman dan Mohd Nor Hashri Junoh.<sup>34</sup> Kajian-kajian mereka telah membincangkan fungsi ijтиhad secara khusus di dalam institusi fatwa di Malaysia dan cadangan-cadangan tertentu bagi memantapkan kualiti institusi tersebut. Terdahulu sebelum kajian mereka, terdapat kajian di Indonesia yang membincangkan persoalan metodei fatwa menerusi doktrin ijтиhad. Kajian oleh Fathurrahman Jamil<sup>35</sup> telah mengkaji metode ijтиhad yang telah diaplikasikan di dalam Majlis Tarjih Muhammadiyah dan telah membuat kesimpulan bahawa badan fatwa tersebut tidak terikat dengan doktrin mana-mana mazhab secara rigid.

---

<sup>33</sup> Umar, M. Hasbi (2003), *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia: Analisis Terhadap 'Ilat al-Hukm Dalam Fatwa-Fatwa Majlis Ulama Indonesia*, Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>34</sup> Abdul Hamid @ Yusuff Yunus (1991), *Ijtihad dan Amalannya dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia*, Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Noor Naemah Abd Rahman (2002), Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran, *Jurnal Syariah*, jil. 10, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Mohd Nor Hashri Junoh (2003), *Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Mohd Marbawi Taha (2006), *Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Rahimin Affandi Abdul Rahim *et.al.* (2009), Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia, *Jurnal Syariah*, bil.1, jil. 17, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Nor Hashri Junoh ((2003) *Pendekatan Ijtihad Tarjihi Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an.*, *Jurnal Syariah*, jil. 11, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>35</sup> Fathurrahman Jamil (1995), *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyyah*, Jakarta: Logos Publishing House.

Skop yang kedua ialah kajian-kajian yang menyentuh tentang metode fatwa tetapi perbincangan terhadap metode berfatwa hanya secara umum kerana disertai oleh perbincangan-perbincangan lain. Kajian di bawah skop ini adalah seperti kajian oleh Ahmad Zaharuddin Mohd Alias dan Mohamad Nabil Mohamad Shukri.<sup>36</sup> Manakala kajian oleh Noor Naemah Abd Rahman<sup>37</sup> pula telah membincangkan secara terperinci tentang metode tetapi tidak bersifat khusus terhadap metode semata-mata. Kajian beliau turut membincangkan peranan serta sumbangan fatwa yang dimainkan selain aspek teknikal pengeluaran oleh institusi fatwa di peringkat negeri Kelantan.

Kajian-kajian yang menjurus khusus terhadap persoalan metode fatwa pula adalah seperti kajian yang mengkaji metode fatwa yang digunakan oleh institusi fatwa negeri-negeri di Malaysia. Kajian yang telah dilakukan oleh Alias Azhar, Akram Dahaman, Amir Fazlim Jusoh dan Zulkifli Mohamad<sup>38</sup> telah mengkaji secara kritis metode yang telah digunakan oleh jawatankuasa fatwa negeri dengan melihat aspek realiti teknikal serta metode *istinbat* setiap hukum yang digunakan. Kemudian kajian mereka telah membuat

---

<sup>36</sup> Ahmad Zaharuddin Mohd Alias (2004), *Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 Hingga 1997: Satu Analisis*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Mohamad Nabil Mohamad Shukri (2006), *Fatwa Negeri Kelantan Dalam Ibadat: Satu Analisis*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>37</sup> Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis*, Tesis phD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>38</sup> Alias Azhar (2001), *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Zulkifli Mohamad, *op.cit.*; Mohd Akram Dahaman @ Dahlam (2005), *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Amir Fazlim Jusoh (2006), *Metode Kompromi: Satu Analisa Terhadap Fatwa Fuqaha*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

analisis perbandingan antara dapatan rasmi dengan realiti pengamalannya disertai huraian sejauh mana keterikatan terhadap mazhab berlaku. Terdahulu sebelum kajian-kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan di Indonesia oleh Dede Rosyada.<sup>39</sup> Beliau telah membincangkan di dalam tesisnya tentang metode kajian hukum yang telah digunakan oleh Dewan Hisbah Persis di Indonesia dan telah membuat kesimpulan tentang pendekatan yang digunakan di dalam amalan fatwa institusi tersebut. Kajian-kajian lepas dari skop tersebut dilihat tersebut dilihat paling hampir dengan kajian yang dilakukan oleh penulis.

Berdasarkan senarai kajian lepas berikut, penulis telah membuat kesimpulan bahawa kajian terhadap metode fatwa memang telah banyak dilakukan oleh pengkaji akademik sebelum ini tetapi kajian khusus berkaitan amalan soal jawab agama di Malaysia masih belum pernah dilakukan. Oleh yang demikian, ianya telah membuka suatu ruang buat penulis untuk mengkaji persoalan tersebut dengan mendalam berpandukan metodologi kajian yang bersesuaian.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dalam penulisan ini, metodologi yang digunakan penulis terbahagi kepada dua iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

---

<sup>39</sup> Dede Rosyada (1999), *Metode Kajian Hukum Dewan Hisbah Persis*, Jakarta: Logos Publishing House.

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini merupakan suatu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpul data dan membuat tafsiran terhadap data yang telah dikumpulkan. Penggunaan data yang tepat dan benar akan dapat menghasilkan suatu kajian yang lebih bernilai. Dengan ini penulis telah mengambil beberapa inisiatif dengan menggunakan beberapa metode yang tepat bagi memperolehi data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Dalam proses pengumpulan data bagi melakukan penelitian terhadap kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode yang dirasakan sesuai. Antaranya:

#### **1.7.1.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Penulis telah menggunakan metode ini yang kebanyakannya bergantung kepada bahan primer dan bahan sekunder. Pemilihan yang rapi terhadap keautoritian dalam pemilihan kedua-dua bahan ini yang terdapat di beberapa perpustakan yang terpilih. Antara bahan-bahan primer tersebut ialah:

1. Bahan kajian yang ditulis oleh para *uṣuliyyūn* dan fuqaha mengenai konsep dan metodologi fatwa menurut Islam.
2. Bahan kajian yang menjadi latar belakang kajian penulis iaitu koleksi akhbar Harian Metro keluaran hari Ahad bermula 3 Januari 2010 hingga 26 Disember 2010.

Selain itu, bahan sekunder digunakan juga oleh penulis, antaranya:

1. Bahan kajian yang ditulis oleh sarjana Islam menyentuh persoalan fatwa secara umum dan khusus.
2. Bahan kajian yang berbentuk serial merangkumi jurnal akademik, majalah bibliografi yang terpilih di dalam bidang yang dikaji.
3. Tesis, Disertasi dan laporan penyelidikan membabitkan tema fatwa yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia.

#### **1.7.1.2 Penyelidikan Lapangan**

Di samping kajian kepustakaan, penulis juga menggunakan kaedah lapangan yang menggunakan kaedah khusus untuk mendapatkan data-data kajian yang lebih seimbang dan bersesuaian dengan konteks kajian. Metode yang penulis gunakan ialah:

#### **1.7.1.3 Metode Temubual (*interview*)**

Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab 3 dan 4 untuk mendapatkan maklumat secara lebih tepat dan terperinci. Penulis menggunakan metode ini untuk menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung mengenai persoalan kajian penulis. Bagi memastikan metode ini lebih objektif dan sistematik, beberapa teknik telah dilakukan, antaranya:

1. Penulis mengaturkan temujanji terlebih dahulu dengan responden yang terlibat iaitu panelis ruangan soal jawab agama Harian Metro;
  - a. Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bekas Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
  - b. Prof. Madya Dr. Abdul Salam Muhamad Shukri (Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
  - c. Encik Roslan Ibrahim (Pengarang Rencana Akhbar Harian Metro)
2. Penulis mengadakan temubual bersama 2 panelis yang terlibat iaitu Abdul Salam Muhamad Shukri dan Mashitah Ibrahim. Temubual ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu (i) sesi pengenalan yang menjelaskan maksud atau tujuan kajian secara langsung dan (ii) sesi temubual sebenar yang lebih serius dan fokus kepada isi kandungan kajian yang dibuat. Soalan yang disediakan penulis bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkisar mengenai latar belakang akademik dan pengetahuan tentang fatwa dan ilmu asas berkaitannya. Manakala bahagian kedua pula menjurus kepada aspek teknikal perjalanan ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro, penggunaan sumber hukum, pendekatan (*tajdīd*, *tarjīh* atau *taqlīd*), aspek lain penilaian panelis sebelum sesuatu hukum dikeluarkan serta cabaran atau masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang menjadi panelis di dalam kolumn soal jawab agama tersebut. Kedua-kedua panelis terlibat adalah responden bagi kajian ini dan struktur soalan yang direka untuk mereka berdua adalah sama.

3. Penulis juga melakukan temubual dengan Pengarang Rencana akhbar Harian Metro, Encik Roslan Ibrahim untuk mendapatkan maklumat sebenar berkenaan prosedur teknikal ruangan soal jawab agama yang diamalkan oleh pihak akhbar berkenaan.
4. Temubual-temubual ini dijalankan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman bagi merekod segala maklumat dan kemudiannya penulis akan mengubahkannya dalam bentuk penulisan.
5. Penyediaan soalan-soalan yang rapi, terancang dan dihantar lebih awal daripada waktu janji temu telah menjadikan perjalanan temubual lebih bersistematis. Di samping itu, terdapat juga soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang telah diberikan oleh responden.

Walau bagaimanapun, penulis hanya berkesempatan mengadakan temubual secara langsung dengan seorang panelis sahaja iaitu Abdul Salam Muhammad Shukri. Kesibukan dan tanggungjawab besar Mashitah Ibrahim sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyukarkan penulis untuk menemubual beliau mengikut perancangan yang telah diatur. Temubual secara talian juga dilakukan bersama Encik Roslan Ibrahim kerana soalan-soalan yang diajukan kepada beliau bersifat berkenaan aspek teknikal dan tidak memerlukan penulis untuk bersemuka secara langsung. Namun demikian, maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pihak-pihak yang terlibat berdasarkan soalan-soalan yang telah dihantar awal tetap membantu penulis dalam menyiapkan kajian ini.

## **1.7.2 Metode Analisa Data**

Setelah memperolehi data-data dan maklumat yang mencukupi dengan menggunakan metode-metode yang dinyatakan, maklumat dan data-data tersebut dikumpul seterusnya dianalisa serta dinilai menggunakan metode-metode yang tertentu. Berikut adalah metode-metode yang digunakan oleh penulis untuk mengolah maklumat tersebut:

### **1.7.2.1 Metode Induktif**

Metod ini penulis gunakan untuk membentangkan konsep-konsep berkaitan kajian, seperti konsep amalan fatwa di dalam Islam dan kaitannya dengan soal jawab agama, sejarah metodologi fatwa di dalam Islam, konsep masyarakat majmuk dan sebagainya. Penulis juga menggunakan metode ini dalam membuat kesimpulan pada setiap bab. Contohnya dalam bab 4, setelah teks-teks jawapan hukum di dalam ruangan soal jawab agama dianalisis satu persatu secara khusus, maka penulis kemudiannya merumuskan beberapa kesimpulan umum.

### **1.7.2.2 Metode Deduktif**

Penulis telah menggunakan metode ini dalam menganalisis hampir kesemua data yang diperoleh. Dalam hal ini, penulis menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuk sendiri untuk melihat fenomena yang berlaku. Penulis menggunakan metode ini dalam menerangkan teori dan konsep berfatwa di dalam Islam serta kaitannya dengan

pengamalannya di Malaysia. Teori tersebut telah disesuaikan dengan realiti yang diamalkan dalam ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro.

### **1.7.2.3 Metode Komparatif**

Metode ini lebih banyak digunakan dalam bab empat iaitu analisis data. Disamping mengkaji metode yang digunakan oleh panelis untuk menjawab persoalan hukum, penulis telah menggunakan metode komparatif untuk membandingkan kaedah-kaedah tersebut dengan metode pengeluaran hukum yang telah digunakan oleh mufti-mufti besar dunia Islam serta fatwa-fatwa rasmi kerajaan seperti yang telah dikaji sebelum ini. Selain itu, penulis turut membandingkan metode yang diguna pakai oleh Mashitah Ibrahim dan Abd Salam Muhammad Shukri untuk melihat perbezaan pendekatan mereka. Dengan cara berikut, barulah kesimpulan yang bersifat kolektif serta komprehensif dapat dibuat.

Dengan bantuan metode-metode inilah, penulis mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dan seterusnya melakukan penganalisaan dan pemprosesan data agar segala permasalahan kajian terungkai dan matlamat penulis dapat dicapai dan difahami oleh pembaca.

## **1.8 SISTEMATIKA PENULISAN**

Dalam menyusun atur kajian ini, penulis telah membahagikannya kepada empat bahagian utama, iaitu:

**a. Bahagian Awal.**

Bahagian ini mengandungi keterangan umum tentang persoalan tajuk disamping beberapa panduan dalam meneliti kandungan kajian. Ia terdiri daripada abstrak, penghargaan, dedikasi, daftar isi, transliterasi, jadual, lampiran dan senarai kependekan.

**b. Bahagian Isi.**

Bahagian ini terdiri daripada lima bab sebagaimana berikut:

**BAB SATU:** Ia merupakan bab pendahuluan yang memuatkan pengenalan tajuk dari segi latar belakang kajian, permasalahan kajian, serta objektif kajian yang ingin dicapai. Selain itu turut dimuatkan bentuk-bentuk metode pengumpulan dan penganalisaan data yang diaplikasikan oleh penulis semasa menyiapkan kajian ini.

**BAB DUA:** Bab ini merupakan landasan teori yang diaplikasikan oleh penulis di dalam kajian ini. Penulis telah memilih teori metodologi berfatwa di dalam Islam sebagai landasan yang sesuai bagi membincangkan berkenaan disiplin pengeluaran hukum seperti yang dituntut oleh agama. Penulis membahagiakan perbincangan mengupas landasan tersebut dari 3 sudut perbincangan, iaitu konsep fatwa, metode berfatwa dalam perundangan Islam dan metode berfatwa dalam realiti Islam di Malaysia.

**BAB TIGA:** Memberikan maklumat secara khusus tentang ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro dan realiti soal jawab agama di Malaysia amnya. Penerangan secara terperinci menyentuh soal latar belakang ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro dan latar belakang panelis yang terlibat. Kemudian perbincangan terus menjurus persoalan

metode pengeluaran hukum yang digunakan, menyentuh aspek teknikal perjalanan ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro, penggunaan sumber hukum, pendekatan serta cabaran atau masalah yang dihadapi.

**BAB EMPAT:** Merupakan analisa terhadap data-data yang diperolehi dari metode kajian perpustakaan serta lapangan yang telah dijalankan. Penulis meneliti secara terperinci mekanisme dan metode berfatwa yang digunakan oleh dua orang panelis akhbar tersebut dengan merujuk kepada jawapan hukum mereka di dalam akhbar sepanjang tahun 2010. Ianya dibahagikan kepada empat pembahagian yang utama, (i) pembahagian persoalan mengikut bidang, (ii) penggunaan kaedah *tajdīd*, *tarjīh* atau *taqlīd* dalam penetapan hukum yang dikeluarkan serta (iii) sumber hukum. Kemudian penulis akan menganalisis dalam sub tema yang khusus tentang sejauh mana panelis-panelis menepati metode berfatwa dalam Islam seperti yang digariskan dalam bab 2 dengan realiti pengamalan soal jawab hukum dalam ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro.

**BAB LIMA:** Memuatkan kesimpulan secara terperinci keseluruhan kajian. Penulis turut memberikan beberapa saranan serta cadangan bagi menambah baik sistem soal jawab agama di Malaysia. Selain itu juga, penulis turut mencadangkan langkah yang difikirkan relevan untuk dipraktik atau dinilai semula sebagai pembetulan mahupun penambahan dalam kajian berkaitan analisis fatwa di Malaysia.

### c. Bahagian Akhir.

Bahagian ini mengandungi bibliografi serta lampiran-lampiran yang berkaitan dengan tajuk kajian.

## **BAB 2:**

### **METODOLOGI FATWA MENURUT ISLAM**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Metodologi yang sistematik dan efektif dapat menjamin keberhasilan sesuatu pekerjaan atau perbuatan. Tidak terkecuali bidang fatwa atau pengeluaran jawapan hukum, metode yang digunakan oleh mereka yang berautoriti seperti mufti akan menentukan gaya persembahan dan kesannya terhadap kelangsungan aktiviti beragama masyarakat Islam. Sejarah perundangan Islam telah membuktikan bagaimana metode yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan ajaran Islam bukan hanya berjaya mencapai objektif umumnya, malah turut mendidik sebuah masyarakat yang jahil menjadi semulia-mulia umat disamping disegani dan dihormati hingga ke hari ini.<sup>40</sup> Oleh yang demikian, penulisan di bab ini akan cuba membincangkan tentang metode yang relevan untuk dijadikan landasan mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran jawapan hukum. Penting diperhatikan dalam bab ini penulis menggantikan istilah ‘jawapan hukum’ dan ‘panelis’ kepada istilah asalnya dalam perundangan Islam iaitu ‘fatwa’ dan ‘mufti’ bagi menggambarkan aspirasi yang sama walaupun kedua-dua istilah disebut berbeza. Perbincangan meliputi tiga perkara utama iaitu konsep metodologi fatwa, metode berfatwa dalam perundangan Islam dan metode berfatwa dalam realiti masyarakat Islam Malaysia.

---

<sup>40</sup> Zainal Abidin Ahmad (1977), *Sejarah Islam dan Umatnya Sampai Sekarang*, c. 1, Jakarta: Bulan Bintang, h. 70-71; Afzalur Rahman (1980), *Islam Ideology and The Way of Life*, London: The Muslim School Trust, h. 374.

## 2.1 KONSEP FATWA DALAM ISLAM

Secara umumnya menurut al-Qarađawī<sup>41</sup> dan al-Zuhailī,<sup>42</sup> fatwa merujuk kepada apa sahaja jawapan hukum terhadap apa jua persoalan tentang agama sama ada secara individu atau berkumpulan. Fatwa adalah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata *fatā-yastū-fatwān*. Mengikut Ibn Manzur<sup>43</sup> dan Khalid Ramadhan Hasan,<sup>44</sup> *futyan* dan fatwa ialah dua kata nama yang digunakan bagi *al-iftā'* yang membawa maksud perbuatan menetapkan sesuatu fatwa yang dilakukan oleh mufti tentang sesuatu hukum atau satu kepentingan hukum yang dikeluarkan oleh *faqīh*.<sup>45</sup> Sesetengah ulama seperti al-Baiḍāwī<sup>46</sup> dan al-Badakhshi<sup>47</sup> memberikan definisi kerautoritian berfatwa kepada mereka yang bergelar *mujtahid*.

---

<sup>41</sup> Al-Qarađawī, Muhammad Yūsuf (1988), *al-Fatwā Baina al-Inqibāt wa al-Tasayyub*, Kaherah: Dār al-Sahwah li al-Nasyar wa al-Tauzī` , c. 1, h. 11.

<sup>42</sup> Al-Zuhailī, Wahbah (1996), *Uṣūl Fiqh al-Islamī*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr al-Ma`āṣir, h. 1156.

<sup>43</sup> Ibn al-Manzūr, Abū al-Fadl Jamal al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram (1956), *Lisān al-`Arab*, j. 15, Beirut: Dār al-Sadīr, hh. 147-148

<sup>44</sup> Khalid Ramadān Hasan (1997), *Mu`jam Uṣūl al-Fiqh*, Mesir: Dār al-Ṭarābisyi, h. 205

<sup>45</sup> Lihat Hasanain Muḥammad Makhluf (1965) *Fatāwā Syar`iyah wa Buḥūth Islamiyyah*, j.1, Kaherah: Dār al-Kutb al-`Arabi, hh. 12-19; Zulkifli Mohamad al-Bakri (2008), *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, h. 4; Abdul Munir Yaacob & Wan Roslili Abdul Majid (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara- Negara Asean*, c.1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 2; Istilah “*Faqīh*” merujuk kepada orang yang mahir dalam kefahaman (fiqh) hukum Islam. Ciri dan kelebihan *faqīh* boleh dilihat dlm. al-Baghdādī, Abī Bakar Ahmad, *Kitāb al-Faqīh wa al- Mutafaqqih*, j. 1, hh. 72-85.

<sup>46</sup> Al-Baiḍāwī (685H), *Minhāj al-Wuṣūl fi Ma`rifah `Ilm al-Ūṣūl*, Mesir: Maktabah wa al-Matba`ah al-Maḥmūdiyyah, h. 74.

<sup>47</sup> Al-Badakhshi (1953), *Sharh al-Badakhshi Manāhij al-`Uqūl*, j. 3, Kaherah, h. 210.

Kekuatan sesuatu fatwa adalah dinilai berdasarkan keautoritian mufti,<sup>48</sup> kekuatan hujah berdasarkan dalil syarak melalui metode *istinbāt* tertentu yang diaplikasikan.<sup>49</sup> Dengan demikian bermaksud andainya sesuatu fatwa dikeluarkan oleh mereka yang tidak berkeahlian, menurut hawa nafsu, akal fikiran semata-mata atau bertentangan dengan dalil syarak,<sup>50</sup> maka ia bukanlah fatwa dalam pengertian yang sebenar.<sup>51</sup> Istilah lain yang berkaitan dalam pendefinisian fatwa ialah “*mustaftī*” iaitu orang yang bertanya, dan perbuatan menjawab yang dinamakan “*istiftā*”.<sup>52</sup>

Dalam al-Quran perkataan fatwa telah disebut sebanyak sebelas kali dalam sembilan ayat yang berbeza. Penggunaan-penggunaan tersebut adalah berdasarkan kepada maksud dan tujuan yang berlainan.<sup>53</sup> Dalam erti kata lain, masing-masing membawa maksud yang bergantung kepada konteks ayat dan penggunaannya. Penggunaan pertama merujuk kepada maksud meminta penjelasan atau jawapan hukum yang akan menghasilkan aplikasi hukum.<sup>54</sup> Penggunaan kedua pula merujuk kepada maksud meminta penjelasan dan penghuraian yang tidak melibatkan persoalan hukum<sup>55</sup>, manakala penggunaan ketiga pula berbentuk arahan terhadap Rasulullah s.a.w supaya tidak meminta fatwa dari golongan

<sup>48</sup> Penganalisis barat seperti Joseph Schacht menerangkan bahawa “A mufti is a specialist on law who can give an authoritative opinion on points of doctrine; his considered legal opinion is called fatwa”.<sup>48</sup>

<sup>49</sup> Shmuel Bar (2005), *Jihad Ideology in Light of Contemporary Fatwas*, Washington: Hudson Institute, h. 2.

<sup>50</sup> Lihat contohnya dlm. Al-Qāsimī (1986), *al-Fatwā fi al-Islām*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyyah, h. 8.

<sup>51</sup> Mohammad Saedon A. Othman (1996), *Institut Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 143-144; Hasanain Muhammad Makhluf, *op.cit.*, h. 6.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Noor Naemah Abdul Rahman (2001), “Fatwa Dan Realitinya Pada Zaman Rasulullah”, dlm. *Jurnal Syariah*. Jil. 9, bil. 1, h. 15.

<sup>54</sup> Rujuk Surah al-Nisā’ (4): 127 dan 126.

<sup>55</sup> Rujuk Surah Yūsuf (12): 41, 43, 46 dan Surah al-Naml (27): 32.

yang tidak beriman dan meminta fatwa dari mereka dengan tujuan untuk mencabar dan memperlekehkan pegangan mereka.<sup>56</sup>

Mengenai perkaitan fatwa dengan al-Sunnah pula, fatwa merupakan salah satu komponen yang utama. Selaras dengan pengertian fatwa sebagai jawapan hukum, maka baginda Rasulullah s.a.w yang berperanan sebagai penjelas hukum merupakan mufti pertama yang diiktiraf dalam Islam.<sup>57</sup> Dari sudut lain, fatwa Rasulullah adalah sebahagian al-Sunnah kerana sunnah itu bermaksud segala ucapan, perbuatan dan pengakuan hukum yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w.<sup>58</sup>

## 2.2 METODOLOGI FATWA

Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut tentang metode berfatwa menurut Islam, aspek terpenting yang perlu difahami ialah persoalan terminologi ‘metodologi’ itu sendiri kerana ia merupakan tahap permulaan untuk memahami metode berfatwa secara keseluruhannya. Disini penulis menjelaskan pendefinisan metodologi, metode dan istilah-istilah berkaitannya.

---

<sup>56</sup> Rujuk Surah al-Khaf (18): 22, Surah al-Şaffāt (37): 11 dan 149. Huraian lanjut sila rujuk, Noor Naemah Abd Rahman, *op.cit.* hh. 15-21.

<sup>57</sup> Noor Naemah Abd Rahman (2001), *op.cit.* h.22.

<sup>58</sup> *Ibid*, Lihat juga al-Zuhailī, Wahbah (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 104; Surah al-Najm (53): 3-4.

Imam Barnadib memberikan pengertian metodologi sebagai “ilmu tentang mengadakan penelitian”. Ia berasal daripada perkataan Yunani, *methodos* yang bererti cara-cara dan *logos* pula bererti ilmu.<sup>59</sup> Menurut Koentjaraningrat, metodologi memberi maksud suatu ilmu tentang cara.<sup>60</sup> *Kamus Dewan* pula memberikan takrif metodologi sebagai “sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan”.<sup>61</sup>

Metode pula menurut takrifan Kamus Dewan ialah “cara melakukan sesuatu atau sistem”.<sup>62</sup> Perkataan ‘metode’ itu diambil daripada bahasa Inggeris ‘*method*’ yang membawa erti sistem aturan atau kaedah. Ini bererti perkataan ‘metode’ dalam bahasa Melayu adalah sama erti dengan penggunaannya dalam bahasa Inggeris.<sup>63</sup> Takrifan-takrifan di sini memperlihatkan penggunaan perkataan ‘metode’ lebih dekat dengan kajian penulis kerana ianya lebih menjurus berbanding istilah ‘metodologi’ yang digunakan secara umum.

Dari segi bahasa Arab pula, terdapat beberapa perkataan yang mempunyai pengertian yang sangat dekat dengan ‘metode’. Perkataan-perkataan tersebut ialah *uslūb*, *manhaj*, dan juga *waṣīlah*. ‘*Uslūb*’ bererti gaya bahasa, rupa bentuk, corak, jalan atau cara,

---

<sup>59</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-JKIP, h.51.

<sup>60</sup> Koentjaraningrat (1977), (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbitan PT Gramedia, h.16.

<sup>61</sup> Sheikh Othman Sheikh Salim *et.al.* (ed.), *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1030.

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Ab. Aziz Mat Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.1.

‘*waṣīlah*’ juga bererti jalan,<sup>64</sup> manakala ‘*manhaj*’ bererti jalan yang terang.<sup>65</sup> Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh Ab. Aziz Mat Zin tentang persoalan metodologi dakwah, perkataan ‘*uslūb*’ dan ‘*manhaj*’ dari segi istilah penggunaannya sangat dekat dengan perkataan ‘metode’ dalam bahasa Melayu kerana ‘*uslūb*’ merupakan cara melakukan dakwah secara umum dan khusus manakala ‘*manhaj*’ pula menepati pengertian ‘*uslūb*’ dalam makna umum.<sup>66</sup>

Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa metodologi berfatwa ialah suatu ilmu yang merangkumi kaedah dan prinsip yang berkaitan dengan fatwa manakala metode berfatwa pula ialah cara atau kaedah-kaedah tertentu yang digunakan untuk berfatwa merujuk kepada isi, sasaran dan cara penyampaian. Kaedah-kaedah ini umumnya didasari kepada *uṣūl al-fiqh*, kemudiannya dihuraikan oleh penulis berpandukan pendapat ulama-ulama dan kaedah-kaedah tertentu untuk diaplikasikan dalam berfatwa.

### 2.3 METODE BERFATWA DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Menelusuri jalur sejarah fatwa dalam perundangan Islam, penulis dapat membahagikannya kepada 5 zaman yang utama, iaitu zaman Rasulullah, zaman para sahabat *khulafā’ al-Rāsyidīn*, zaman *tābi’īn*, zaman *tābi’ tābi’īn* dan zaman *taqlīd*. Pembahagian ini dibuat

<sup>64</sup> Al-Marbawi, Muḥammad Idrīs ‘Abd Rauf (t.t), *Kamūs al-Marbawi*, c.4. Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, h. 389; Hussain Unang (2008), *Kamūs al-Tullāb*, c. 3, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, h. 84.

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 983.

<sup>66</sup> *Uslūb* dakwah dengan makna umum melibatkan pemilihan isi untuk disesuaikan dengan sasaran, manakala *uslub* dakwah dengan makna khusus merujuk kepada cara penyampaian atau bentuk persembahan isi kandungan. Untuk maklumat lanjut sila lihat, Ab. Aziz Mat Zin (2005), *op.cit.*, hh. 1-2.

berdasarkan tahap perkembangan ajaran Islam yang secara langsung mempengaruhi tahap pengeluaran fatwa dan perkembangan metodologinya.

Semasa hayatnya Rasulullah s.a.w, baginda mempunyai peranan yang sangat penting dan sentral kepada umat Islam. Disamping berperanan sebagai *mubayyin* terhadap hukum hakam Allah, baginda juga mempunyai kedudukan *tanfizi* untuk melaksanakan syariat itu sendiri. Oleh kerana itu, terdapat dua asas sumber hukum di dalam iaitu Al-Quran dan al-Sunnah.<sup>67</sup>

Tempoh dakwah zaman Rasulullah s.a.w merupakan peringkat pertama perkembangan perundangan Islam khususnya amalan fatwa. Pada peringkat ini, amalan fatwa tidak menghadapi banyak masalah kerana segalanya bersandarkan wahyu Allah melalui Rasulullah s.a.w sama ada melalui al-Quran mahupun al-Sunnah. Ianya lebih berbentuk praktikal dengan Rasulullah bertindak sebagai penyampai risalah, seorang ketua atau pemimpin, seorang qadi yang bijaksana, serta seorang mufti yang mendapat limpahan ilmu dari Allah s.w.t. Dengan demikian, sebarang fatwa yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w tidak dipertikaikan oleh umat Islam kerana ianya bersumberkan wahyu.

Namun demikian, pada masa tersebut tidak semua fatwa yang dikeluarkan oleh Rasulullah s.a.w bersifat mengikat secara mutlak. Fatwa-fatwa yang melibatkan soal fungsi akal (*ijtihad*) baginda sendiri tetap tergantung kepada perakuan wahyu daripada Allah

---

<sup>67</sup> Mannā` Al-Qattān (2001), *Tārīkh al-Tasyrī al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah Wahbah, c. 5, h. 32; Lihat juga `Abd al-Wahhāb Khallāf (1943), *`Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Mesir: Maktabah Da`wah al- Islāmiyyah, h. 39.

untuk membenar atau menolaknya.<sup>68</sup> Manakala fatwa baginda dalam bentuk *ijtihād* yang tidak ditegur wahyu pula membuktikannya adalah dalil syarak yang diperakui. Kesimpulannya disini, terdapat perbezaan di antara fatwa dan dalil syarak.<sup>69</sup> Dalil syarak bersifat mutlak yang tidak mungkin wujud sebarang kesilapan manakala fatwa bersifat *ijtihād* yang tergantung kepada perakuan nas untuk mengiktirafnya.

Walau bagaimanapun, secara ringkasnya metode berfatwa pada zaman Rasulullah s.a.w adalah berpandukan kepada petunjuk wahyu.<sup>70</sup> Walaupun *ijtihād* diamalkan oleh Rasulullah kerana baginda ingin melatih para Sahabat mengaplikasikannya,<sup>71</sup> namun neraca terakhir kebenaran *ijtihād* tersebut masih tergantung kepada wahyu dengan merujuk langsung kepada Rasulullah s.a.w.<sup>72</sup> Ini jelas menunjukkan tidak timbul sebarang masalah besar terhadap proses interaksi hukum yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam pada ketika itu kerana ianya di bawah naungan wahyu.

---

<sup>68</sup> Noor Naemah Abdul Rahman (2001), *op.cit.*, h. 14; Contohnya ialah semasa baginda ditanya mengenai tawanan perang Badar. Rasulullah s.a.w telah berijtihad dengan memilih pandangan Abū Bakar al-Šiddīq yang mencadangkan supaya mengambil *fidyah* daripada tawanan-tawanan perang Badar dan menolak pandangan ‘Umar al-Khaṭṭāb yang mencadangkan agar tawanan-tawanan tersebut dibunuh. Kemudian turun wahyu menegur fatwa Rasulullah s.a.w tersebut, lihat Ibn Kathīr, Ismā’īl ‘Umar (774H), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j.2, hh. 1257-1258; Contoh lain teguran Allah s.w.t terhadap fatwa Rasulullah s.a.w adalah seperti kisah pengekalan sahabat yang tidak menyertai peperangan Tabuk terus mendiami Madinah. Dengan ber*ijtihād* baginda menerima sebab keuzuran para sahabat tersebut sedangkan mereka berdusta lalu turun wahyu menegur *ijtihād* baginda tersebut, lihat Ibn Kathīr, Ismā’īl ‘Umar (774H), *ibid*, h. 1304.

<sup>69</sup> Imran Ahsan Khan Nyazee (2002), *Theories of Islamic Law: The Methodology of Ijtihad*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 287.

<sup>70</sup> Badrān, Abū al-‘Ainain, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, hh. 42-43; Ngainun Naim (2006), *Sejarah Pemikiran Hukum Islam*, Surabaya: Penerbit eLCAF, h. 51.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Mustafa Zaid (2006), *al-Maṣlaḥah fī al-Tasyrī al-Islāmī*, Mesir: Dār al-Yasar, c. 3, hh. 40-41.

Merujuk kepada pendekatan berfatwa pula, Rasulullah s.a.w merupakan mufti yang paling bijak membaca sasaran. Dari sudut ini secara umumnya pendekatan fatwa boleh dibahagiakan kepada dua peringkat yang utama, iaitu semasa di Mekah yang banyak menekankan soal akidah dan membina akhlak masyarakat yang rosak. Kemudian peringkat kedua fatwa Rasulullah s.a.w di Madinah selepas peristiwa hijrah. Di peringkat ini fatwa-fatwa baginda lebih menekankan soal hukum-hakam Islam dan tanggungjawab individu untuk membina sebuah masyarakat Islam yang mulia.<sup>73</sup> Contoh kronologi fatwa yang berlaku pada peringkat ini boleh dilihat dalam proses pengharaman arak.<sup>74</sup>

Perkembangan fatwa selepas kewafatan Rasulullah s.a.w menjadi lebih ketara seiring penyebaran Islam dan keterbukaan ruang untuk *berijtihād*. Sebagaimana dimaklumi, teks kandungan al-Quran dan al-Sunnah sangat terbatas dari segi jumlahnya, sedangkan persoalan masyarakat yang timbul semakin hari semakin bertambah.<sup>75</sup> Oleh yang demikian, ianya telah mendesak para sahabat menggunakan daya intelek masing-masing untuk menangani setiap permasalahan hukum baru yang timbul.<sup>76</sup> Tokoh-tokoh sahabat yang banyak memberikan fatwa adalah seperti para *Khulafā' al-Rāsyidīn* iaitu 'Abū Bakar,

<sup>73</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *op.cit.*, h. 57.

<sup>74</sup> Rujuk Surah al-Nahl (16): 67, al-Baqarah (2): 219, al-Nisā' (4): 43 dan al-Māidah (5): 90-91.

<sup>75</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim *et. al.* (2009), “Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis”, dlm. *Jurnal Syariah*, jil. 17, bil. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 197-198, <http://myais.fsktm.um.edu.my/9943/>, dilayari pada 18 Oktober 2010; Ibn Khaldun (2006), *Mukadimah*, (terj. t.n.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 589.

<sup>76</sup> Nur 'Abdī Judlī (2006), *Manāhij al-Fuqahā' al-Arba'ah*, Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd, hh. 26-27.

‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī.<sup>77</sup> Begitu juga para sahabat lain seperti ‘Abdullah ibn ‘Abbās, ‘Abdullah ibn Mas’ūd, ‘Abdullah ibn ‘Umar, ‘Āisyah dan lain-lain.<sup>78</sup>

Secara umumnya metode berfatwa atau *istinbāt* hukum para sahabat adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Para sahabat akan merujuk langsung kepada al-Quran jika terdapat sebarang permasalahan disusuli rujukan kepada al-Sunnah jika permasalahan tersebut tidak terdapat atau tidak diperincikan dalam al-Quran.<sup>79</sup> Namun, dalam merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, para sahabat tidak dapat lari dari perselisihan pendapat sesama mereka apatah lagi perkara yang bersifat *ijtihādiyyah*.<sup>80</sup> Keadaan ini adalah kerana masing-masing mempunyai metode pentafsiran al-Quran dan al-Hadith yang berbeza di antara satu sama lain.<sup>81</sup>

Walaupun para *fuqahā'* dalam kalangan sahabat<sup>82</sup> mempunyai metode pengeluaran hukum yang tertentu, pada zaman tersebut belum terdapat sebarang usaha menyusunnya secara terperinci untuk dijadikan satu rujukan khusus metode *istinbāt* hukum.<sup>83</sup> Keadaan ini mungkin disebabkan faktor mereka hidup bersama-sama dengan Rasulullah, mengetahui *asbāb al-nuzūl* ayat, mengetahui rahsia-rahsia sebuah ayat serta mengetahui *maqāṣid* dari

<sup>77</sup> Othman Ishak (1981), *op.cit.*, h. 2-4.

<sup>78</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri (2005), *Menyelusuri Ikhtilaf Mazhab: Antara Keterikatan & Keterbukaan, Perpaduan & Perpecahan*, Kajang: Darul Fuqaha, h.13.

<sup>79</sup> ‘Abd al-Wahhab Khallaf (t.t.), *Khulāṣah Tārīkh al-Tasyrī al-Islāmi*, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 33.

<sup>80</sup> Zahari Mahad Musa (2007), “Zaid B. Thabit dan Pendiriannya Dalam Kes-kes Fara’id Tertentu”, dalam *Jurnal Syariah*, j. 15, bil. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 154, <http://myais.fsktm.um.edu.my/5908/>, dilayari pada 18 Oktober 2010; al-Qattan, Manna’, *op.cit.*, h. 218.

<sup>81</sup> Muhammad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdīd Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 5-10.

<sup>82</sup> Tidak semua sahabat mampu berijtihad dan mengeluarkan fatwa, lihat Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 570.

<sup>83</sup> *Ibid*, h. 589.

ayat tersebut.<sup>84</sup> Selain itu, mereka juga berbangsa Arab, selalu menggunakan bahasa Arab yang merupakan bahasa al- Quran dan al-Sunnah, mengetahui *nasakh*, *mansūkh* dan juga menguasai kaedah *istinbāt*.<sup>85</sup> Hakikat tersebut menyebabkan keperluan penyusunan sebuah metode tertentu tidak dirasakan perlu kerana aktiviti *istinbāt* hukum dapat diselesaikan oleh mereka tanpa perlu menggunakan kaedah- kaedah *uṣūliyyah* tertentu.<sup>86</sup>

Walaupun tiada sebarang penyusunan metode *istinbāt*, para sahabat sangat aktif ber*ijtihād* untuk menyelesaikan masalah umat Islam.<sup>87</sup> Sikap aktif dalam berijtihad walaubagaimanapun tidak menggambarkan sikap mereka terhadap fatwa. Para sahabat secara umumnya tidak berani berfatwa secara bersendirian kecuali setelah berbincang secara *syūra* dengan para sahabat yang lain.<sup>88</sup> Kesimpulan yang telah dilakukan daripada perbincangan para sahabat inilah (*ijtihād ijtimā`i*) kemudiannya menjadi *ijmā`* yang diiktiraf sebagai salah satu sumber utama hukum Islam.<sup>89</sup>

---

<sup>84</sup> Al-Āmidī, `Alī Ibn Muhammad (2003), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-chnittāt*, Riyādh: Dār al-Shamī`ī, Juz. 1, c. 1, h. 6.

<sup>85</sup> `Abd al-Karīm Zaidān (2006), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah Nasyīrūn, h. 15.

<sup>86</sup> Al-Zuhailī, Wahbah (1999), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mā`āṣir, hh. 15-16; al-Āmidī, *op.cit.* h. 6.

<sup>87</sup> Nūr `Abdī Judlī, *op.cit.*;

<sup>88</sup> Mannā` al-Qaṭṭān, *op.cit.*, h. 189.

<sup>89</sup> *Ibid.*; Rahimin Affandi Abdul Rahim (1993), “Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan”, dlm. *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 2, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 155; al-Thā`alabī (t.t.), *al-Fikr al-Samī` fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, j.1, (t.tmp):(t.p.), h. 65-66; al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, h. 21.

Perkembangan fatwa di era *tābi`īn* juga tidak mempunyai banyak perbezaan. Walaupun aktiviti *ijtihad* dilihat semakin rancak,<sup>90</sup> belum terdapat sebarang usaha untuk mengodifikasi metode *istinbāt* hukum.<sup>91</sup> Keadaan ini adalah kerana para *tābi`īn* mendapat didikan secara langsung daripada para sahabat.<sup>92</sup> Sikap para ulama *tābi`īn* terhadap fatwa pula masih sama seperti guru-guru mereka di kalangan sahabat. Ulama terkemuka di era ini seperti Sa`īd ibn al-Musayyib, al-Qāsim ibn Muḥammad dan al-Sya`bī misalnya mengambil pendekatan seboleh mungkin mengelak dari berfatwa kerana bimbang jika tersalah dalam menjawab persoalan melibatkan ajaran syarak.<sup>93</sup> Apa yang ketara di era ini ialah kesinambungan dua aliran pemikiran hukum yang muncul sejak zaman sahabat iaitu *madrasah al-Hadīh* yang berorientasikan nas di Hijaz dan *madrasah al-ra'y* yang berorientasikan *maslahah* di Iraq.<sup>94</sup> Perkembangan dua aliran ini secara langsung menyumbang terhadap metode *istinbāt* dan fatwa *fuqahā'* yang lahir dari madrasah masing-masing hingga ke zaman berikutnya.<sup>95</sup>

Setelah perkembangan Islam menjadi semakin rancak di era *tābi`ītābi`īn* dan selepasnya, khususnya setelah berlakunya asimilasi budaya dan perkembangan ilmu pengetahuan antara tamadun berbeza yang semakin meluas, keperluan mengodifikasi metode pengeluaran hukum atau kaedah *istinbāt* dilihat semakin mustahak.<sup>96</sup> Imām al-

<sup>90</sup> Para ulama *tābi`īn* melakukan *ijtihād* sekiranya mendapati tiada hukum dalam al-Quran, al-Sunnah dan tidak disebut oleh para sahabat. Lihat Othman Ishak (1981), *op.cit.*, h. 4.

<sup>91</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1999), *op.cit.*, h. 16.

<sup>92</sup> `Abd al-Karīm Zaidān (2006), *op. cit*, h. 16.

<sup>93</sup> Al-Qaraḍawī, Yūsuf (1988), *op.cit.*, hh. 21-22.

<sup>94</sup> Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Fī Tārīkh al-Mazhāhib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: hh. 11-12; Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 571.

<sup>95</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid & Paizah Ismail, *op.cit.*, h. 139-143.

<sup>96</sup> Al-Āmidī, *op.cit.* h. 7.

Syāfi`ī diiktiraf kebanyakan ulama sebagai pelopor dalam menyusun ilmu *uṣūl al-fiqh*.<sup>97</sup> Gabungan aliran-aliran pemikiran hukum yang dipelajari daripada guru-guru beliau<sup>98</sup> akhirnya membentuk satu aliran baru yang lebih sistematik.<sup>99</sup> Penyusunan metode-metode *istinbāt* yang diusahakan beliau juga begitu signifikan kerana telah dijadikan satu panduan bagi pengikut mazhab-mazhab besar lain yang wujud pada masa dan selepas itu<sup>100</sup> menyusun metode-metode *istinbāt* yang digunakan oleh guru-guru mereka dalam bentuk penulisan bersistematik walaupun guru-guru mereka hanya menyatakan sumber hukum dipegang atau hukum yang dikehafal melalui lisan sahaja.<sup>101</sup>

Legasi fatwa yang dikeluarkan oleh tokoh-tokoh utama *tābi`i tabi`īn* seperti imam mazhab yang empat diteruskan oleh anak-anak murid mereka yang terkemudian. Kebanyakan fatwa guru mereka akan dipegang, tetapi tetap berijtihād dalam beberapa persoalan yang tidak terdapat dalam nas al-Quran dan hadis mahupun fatwa guru

---

<sup>97</sup> Al-Rāzī, Abū `Abdullah Muḥammad (t.t.), *Manāqib al-Imām al-Syāfi`ī*, Kaherah: Maktabah al-`allāmah, hh. 11-13.

<sup>98</sup> Guru-guru Imam Syāfi`ī begitu ramai, namun terdapat 19 orang yang tersohor. Di Mekah, guru beliau ialah Sufyān ibn `Uyainah, Muslim ibn Khālid al-Zanji, Sa`īd ibn Sālim al-Qaddah, Dāud ibn Aburrahāman al-Āthār dan `Abd al-Ḥamīd ibn `Azīz al-Rawwād. Di Madinah pula, Imām Mālik ibn Anās, Ibrāhīm ibn Sa`ad al-Anṣārī, `Abd al-`Azīz ibn Muḥammad al-Darwardī, Ibrāhīm ibn Abī Yaḥyā al-Asamī, Muḥammad ibn Abī Sa`īd ibn Abī Fudaik dan `Abdullah ibn Nāfi` al-Syaigh. Gurunya di Yaman pula ialah Muthraf ibn Mazīn, Hisyām ibn Yūsuf, `Umar ibn Abī Salamah dan Yaḥyā ibn Ḥassan. Guru beliau dari Iraq pula ialah Wāqi` ibn al-Jarrah, Abū `Usāmah Aḥmad ibn `Usāmah, Ismā`il ibn `Āliah, `Abd al-Wahhāb ibn `Abd al-Majīd dan Imām Muḥammad ibn Ḥassan al-Syaibānī. Lihat Muhammad Abu Zahrah (2007), Abdul Syukur & Ahmad Rivai Uthman (terj.), *Imam Syāfi`ī*, Jakarta: Penerbit Lentera, hh. 70-71.

<sup>99</sup> *Ibid*, hh 74-108.

<sup>100</sup> Huraian lanjut sila lihat Ibn Khaldun, *op.cit.*, hh. 570-591.

<sup>101</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2004), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, c. 6, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hh. 149-150.

bersandarkan metode yang telah disusun.<sup>102</sup> Dari segi pentadbiran pula, pada zaman ini mula wujud Jabatan Mufti dan Jawatan *Iftā'* secara rasmi yang terkenal sebagai Dār al-Iftā'. Keadaan ini jelas menggambarkan metodologi berfatwa pada era ini mengalami zaman keemasan berdasarkan realiti perkembangannya yang subur dan tersusun.<sup>103</sup>

Pada akhir zaman pemerintahan 'Abbāsiyyah, perkembangan hukum Islam dilihat mengalami zaman kemerosotan yang ketara. Zaman ini yang digelar sebagai zaman *taqlīd* memperlihatkan *ijtihād* tidak lagi berperanan sebagai metode mengeluarkan fatwa kecuali dalam beberapa masalah *fūrū'* sahaja kerana umat Islam merasai sudah selesa dengan pegangan mazhab masing-masing.<sup>104</sup> Pada kurun ke-6 hijrah, serangan Mongol terhadap Baghdād yang menjadi pusat pemerintahan Islam pada masa itu menjelaskan perkembangan hukum Islam. Para pemikir Islam mementingkan keharmonian kehidupan sosial umat sehingga meninggalkan aspek pembaharuan dan pemikiran baru. Justeru itu, fatwa-fatwa yang terhasil juga bersifat *taqlīd* kepada pandangan mazhab pegangan masing-masing.<sup>105</sup>

Sesungguhnya budaya *taqlīd* tidak terhenti impaknya pada zaman tersebut sahaja, malah turut memberikan implikasi negatif dan positif hingga ke zaman moden institusi fatwa kini. Tidak terkecuali di Malaysia, aplikasi amalan berfatwa adalah selari dengan

<sup>102</sup> Alias Azhar, *op. cit.*, hh. 12-13.

<sup>103</sup> Pada zaman ini fiqh dan fatwa dibukukan, kaedah-kaedahnya (*uṣūl al-fiqh*) dimantapkan, penulisan-penulisan yang berselerak dihimpunkan, fiqh dan ilmu berkaitan telah meningkat tinggi darjatnya. Lihat Mohd Salleh Hj. Ahmad (1999), *Pengantar Syariat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 78.

<sup>104</sup> Alias Azhar, *op. cit.*, h. 21.

<sup>105</sup> *Ibid.*, h. 22.

aliran anutan hampir keseluruhan masyarakat Islam secara tradisi iaitu ajaran *ahli Sunnah wa al-Jamā`ah* yang bermazhab Syāfi`ī.<sup>106</sup> Walaupun terdapat aliran-aliran kepercayaan lain, ianya masih belum mampu menggugat dominasi aliran tradisi tersebut.<sup>107</sup> Walaubagaimanapun, masih wujud di sana ruang-ruang untuk berijtihād sama ada dalam lingkungan mazhab atau melangkaui sempadannya dengan syarat-syarat tertentu. Penulis akan menghuraikan struktur amalan institusi fatwa di Malaysia diterangkan dalam sub topik berikutnya.

## 2.4 METODE BERFATWA DALAM REALITI SEMASA DI MALAYSIA

Perbincangan di dalam sub topik ini dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang latar belakang amalan fatwa di Malaysia, manakala bahagian kedua pula menilai metode berfatwa yang bersesuaian dengan realiti semasa di Malaysia.

### 2.4.1 Latar Belakang Amalan Fatwa Di Malaysia

Berdasarkan amalan institusi fatwa di Malaysia, fatwa boleh dikategorikan kepada dua iaitu fatwa rasmi dan fatwa tidak rasmi. Namun secara terperincinya fatwa juga boleh

---

<sup>106</sup> Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran-Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan, hlm. 1.

<sup>107</sup> Buktinya dapat dilihat dlm. enakmen fatwa setiap negeri kecuali negeri Perlis yang meletakkan rujukan kepada mazhab Syafi`ī sebagai dasar utama. Jasni Sulong (2008), “Kedudukan Mazhab Syafi`ī Dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia”, dlm. *Jurnal Syariah*, j. 16, bil. 1, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 164.

dikategorikan kepada tiga bentuk<sup>108</sup> iaitu fatwa yang diwartakan, fatwa yang tidak diwartakan dan pandangan mufti. Fatwa yang diwartakan merujuk kepada fatwa rasmi yang telah diputuskan oleh mufti atau jawatankuasa mufti setelah mendapat perkenan sultan atau sultan. Manakala di sesetengah negeri lain ianya mendapat kelulusan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri mewartakannya melalui warta kerajaan. Sesuatu fatwa yang diwartakan akan menjadi undang-undang dan semua orang Islam di negeri di mana fatwa diwartakan terikat dengan fatwa tersebut.<sup>109</sup>

Fatwa yang tidak diwartakan pula merujuk kepada jawapan kepada persoalan sahaja tanpa ada persetujuan untuk tujuan sebarang pewartaan. Ia agak sukar untuk dilaksanakan dan dikuatkuasakan kerana ia tidak mendapat pengiktirafan daripada mana-mana mahkamah. Tidak semua persoalan yang dibawa kepada jawatankuasa fatwa atau mufti diwartakan menjadi undang-undang. Namun apabila sesuatu fatwa itu dipohon secara rasmi melalui surat atau pertanyaan, maka ianya dianggap sebagai dokumen kerajaan dan tertakluk kepada peraturan yang berkaitan dengannya. Oleh itu, sesetengah fatwa ini dianggap sulit dan tidak boleh didedahkan kepada masyarakat awam. Termasuk dalam kategori ini Muzakarah Fatwa Kebangsaan di mana agenda perbincangan muzakarah ini dianggap sulit sungguhpun dari segi undang-undang ia tidak mempunyai sebarang kuasa.<sup>110</sup>

---

<sup>108</sup> Ahmad Hidayat Buang (2000), “ Analisis Fatwa-fatwa Semasa Di Malaysia” (Kertas kerja Seminar Kakitangan Jabatan Syariah Dan Undang-undang di APIUM, 9 September 2000), h. 4.

<sup>109</sup> Lihat Enakmen Melaka (No.5/1991), s.30(2); Negeri Sembilan (No.1/1991), s.30(2); Pahang (No.3/1991), s.36 (1); Perak (No.2/1995), s.34(2); Pulau Pinang (No.7/1993), s.36(2); Sabah (No.13/1992), s.35(2); Selangor (No.2/1989), s.31(2); Wilayah Persekutuan [Akta 505], s.34(2).

<sup>110</sup> Ahmad Hidayat Buang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2004), “Bentuk Dan Statistik Fatwa” dlm. Ahmad Hidayat Buang. (ed.), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah Dan Undang-undang APIUM, h. 124.

Fatwa jenis pertama dan kedua ini adalah melibatkan isu-isu besar dalam masyarakat yang tidak terdapat jawapan yang pasti tentangnya dalam mana-mana sumber rujukan Islam.

Kategori ketiga pula merujuk kepada pandangan mufti samada secara bertulis atau lisan berdasarkan pendapat peribadi melalui soal jawab agama dalam suatu majlis atau melalui telefon. Fatwa jenis ini tidak mengikat mana-mana orang Islam secara khusus kerana ia hanya bersifat pandangan peribadi mufti tanpa melibatkan mana-mana mesyuarat bersama ahli jawatankuasa. Fatwa jenis ini adalah tidak rasmi terutama sekiranya dibuat secara lisan. Justeru, fatwa jenis ini boleh diterbitkan untuk rujukan masyarakat umum. Contohnya Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan yang disiarkan dalam majalah Pengasuh sekitar tahun 1920-an.<sup>111</sup>

Berdasarkan realiti amalan fatwa di Malaysia yang telah dinyatakan, kajian metode berfatwa penulis lakukan dilihat lebih dekat dengan kategori fatwa yang ketiga, iaitu jawapan hukum secara peribadi bersifat tidak rasmi oleh mufti yang tidak mengikat mana-mana pihak melalui kuasa undang-undang. Oleh yang demikian metode berfatwa yang penulis akan senaraikan selepas ini lebih menjurus kepada *manhāj* yang sepatutnya digunakan oleh mufti, panelis atau sarjana hukum tempatan bagi menjawab persoalan biasa tentang agama, bukan persoalan kritikal yang biasanya diselesaikan oleh jawatankuasa fatwa yang ditubuhkan.

---

<sup>111</sup> *Ibid.*, h. 125

## 2.4.2 Metode Berfatwa Dalam Realiti Semasa Di Malaysia

Merujuk jalur sejarah amalan fatwa sejak zaman Rasulullah, *Khulafā' al-Rāsyidīn*, *tābi`īn*, *tābi` tābi`īn*, zaman *taqlīd* hingga kini, metodologi fatwa memang memainkan peranan yang cukup besar kepada perkembangan hukum Islam. Menurut Yūsuf al-Qaraḍawī di dalam bukunya *al-Fatāwā Bayn al-İndibāt wa al-Tasayyub*, amalan fatwa di zaman moden ini memerlukan suatu panduan metodologi yang lebih teratur, berdisiplin dan bersistematis.<sup>112</sup> Tidak terkecuali ruangan soal jawab agama yang berkait rapat dengan fatwa, metodologi yang komprehensif bakal mencorak hukum yang tepat dan berkesan untuk diamalkan oleh masyarakat.

Secara umumnya, metodologi yang dimaksudkan boleh dipecahkan kepada 2 bahagian utama, iaitu metode pengeluaran dan metode penyampaian. Metode pengeluaran dibahas serta diuraikan dalam kitab-kitab *uṣūl-fiqh* berkaitan kaedah untuk *istinbāt*, manakala metode penyampaian pula diperincikan dalam kitab-kitab berkaitan fatwa, mufti dan sejarah Islam.

Dalam kajian ini, penulis tidak bercadang untuk menghuraikan semula perbincangan berkenaan kaedah *istinbāt* hukum yang telah dibahaskan dalam penulisan-penulisan *uṣūl al-fiqh*. Akan tetapi kajian ini akan lebih memberikan fokus kepada metode penyampaian sesuatu jawapan hukum atau kaedah terbaik untuk berfatwa kepada masyarakat awam. Hakikatnya metode penyampaian juga merupakan cabang-cabang perbahasan ilmu *uṣūl al-fiqh* yang jarang diketengahkan berbanding cabang-cabang

---

<sup>112</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, h. 107.

perbahasan yang lain. Berdasarkan analisa terhadap saranan ulama-ulama *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* yang pakar dalam bidang fatwa atau jawapan hukum,<sup>113</sup> penulis memperincikan metode penyampaian fatwa adalah seperti berikut:

### **Memahami Realiti *Mustaftī* dan Masyarakat**

Kefahaman terhadap realiti yang dimaksudkan ialah memahami soalan, latar belakang kebudayaan *mustaftī* dan masyarakat disamping penilaian semasa kondisi hidup mereka.<sup>114</sup> Menyentuh lebih lanjut, kepentingan memahami realiti soalan dan *mustaftī* ini diadaptasi daripada beberapa peristiwa yang dikisahkan melalui hadis Rasulullah s.a.w. Antaranya, Abū Hurairah r.a pernah meriwayatkan:

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمُبَاشَرَةِ لِلصَّائِمِ فَرَحَّصَ لَهُ، وَأَتَاهُ آخَرُ شَابٌ فَسَأَلَهُ فَنَهَاهُ فَإِذَا الَّذِي رَحَصَ لَهُ شَيْخٌ وَالَّذِي نَهَاهُ

Maksudnya:

*“Pernah seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. bertanya tentang hukum bercumbu dengan isteri sedang dia dalam keadaan berpuasa, lalu Nabi s.a.w membolehkan perbuatan tersebut. Sebaliknya Rasulullah pernah melarang perbuatan demikian dari dilakukan oleh seorang lelaki lain.”*

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Keadaan ini berlaku kerana lelaki pertama yang bertanyakan Rasulullah adalah seorang yang tua dan uzur sementara lelaki kedua seorang yang masih muda belia.<sup>115</sup>

<sup>113</sup> Antara rujukan utama ialah Noor Naemah Abd Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis*, Tesis phD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 76-94; al-Harrānī, Ahmad Ibn Hamdan (1380H), *al-fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī*, j.1, Damsyik: Mansyūrat al-Maktab al-Islamī, hh. 29-67; al-Mughnī, Muhammad ibn 'Alī ibn Ḥussain (t.t.), *Dawabiq al-Fatwā*, Mesir: Dār al-Furqān, hh.

<sup>114</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid (2000), *op. cit.*, h. 14.

<sup>115</sup> Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *op.cit.*,h. 81.

Contoh di atas memperlihatkan bagaimana baginda Rasulullah s.a.w benar-benar memahami soalan dengan memberikan jawapan yang berbeza-beza untuk satu soalan yang sama kerana perbezaan latar belakang *mustaftī*. Jawapan yang diberikan adalah sesuai dan munasabah dengan kedudukan *mustaftī* tersebut. Gambaran tersebut dengan jelas menunjukkan bahawa kedudukan latar belakang orang yang bertanya mempengaruhi kefahaman terhadap soalan dan jawapan hukum yang bakal diberikan.<sup>116</sup>

Selain daripada itu, realiti lain yang perlu diperhatikan oleh seseorang mufti ialah realiti masyarakat. *Mustaftī* yang bertanya bukan sekadar mewakili dirinya sendiri, tetapi turut berada dibelakangnya sejumlah ahli masyarakat yang turut berkongsi permasalahan yang sama. Sejarah perundangan Islam telah mencatatkan bahawa sesuatu hukum itu boleh mengalami perubahan bersandarkan tuntutan realiti setempat. Contoh yang paling jelas ialah apabila sejarah perkembangan *fiqh al-Imām al-Syāfi`ī* mengalami perubahan berdasarkan nilai realiti tempatan. Kewujudan *qawl jadīd* semasa beliau berada di Mesir menggambarkan berlakunya penilaian semula pandangan atau *qawl qadīm* semasa beliau di Iraq.<sup>117</sup> Penilaian semula yang dilakukan Imām al-Syāfi`ī terhadap pandangan tersebut

---

<sup>116</sup> A. Zameno (2008), “The Story in The Fatwas and The Fatwas in History”, in Baudouin Dupret *et.al.* (ed.), *Narrative of Truth in Islamic Law*, New York: I.B Tauris & co. Ltd., h. 47.

<sup>117</sup> Abd Karim Ali *et. al.* (2008), “Faktor Perubahan Peendapat Imam al-Shafi’I Dari *Qawl Qadīm* kepada *Qawl Jadīd*”, dlm. *Jurnal Syariah*, jil.16, bil. 2, <http://myais.fsktm.um.edu.my/7560/>, dilayari pada 20 Mei 2010.

adalah berasaskan kepada perbezaan tempat, zaman, ‘urf dan penemuan sesebuah hadis yang beliau tidak ketahui sebelum ini.<sup>118</sup>

Masyarakat Islam di Malaysia diwakili oleh masyarakat Melayu sejak zaman kedatangan Islam ke alam Melayu.<sup>119</sup> Secara tradisi masyarakat Melayu, dari segi tauhidnya mereka mengikuti ajaran *Ash`āriyyah* atau *ahli Sunnah wal Jamā`ah*, dari segi pegangan fiqhnya ialah mazhab al-Syāfi`ī dan amalan tasawuf mengikuti ajaran al-Ghazzālī disamping tarekat-tarekat tertentu.<sup>120</sup> Menyentuh mengenai cara hidup atau budaya orang Melayu pula, ianya mempunyai ciri tersendiri yang memberbezakannya dengan kebudayaan umat Islam di tempat lain seperti cara berpakaian, cara bergaul, adat istiadat, hubungan kekeluargaan, bahasa, sastera kesenian dan seumpamanya.<sup>121</sup> Punca utama kepada ciri-ciri tersebut yang dikenalpasti ialah orang Melayu mendiami kawasan yang beriklim sederhana yang kemudiannya telah melahirkan manusia yang berjiwa lembut berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.<sup>122</sup>

---

<sup>118</sup> Lihat Siti Khurshiah bt. Mohd Mansor (2001), “Faktor-faktor Perubahan *Qawl Qadīm* Kepada *Qawl Jadīd* Imām al-Shāfi`ī: Hubungannya Dengan Fiqh Kontemporari”, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, UM; Shihabuddin Huhaemin (2005), “Pandangan al-Shāfi`ī Dalam *Qawl Qadīm* dan *Qawl Jadīd*: Satu Analisis”, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>119</sup> Ratna Roshida Abd Razak & Nor Shakirah Md Akhir (2006), “Islam dan Budaya Tempatan”, dlm. Md. Salleh Md. @Ahmad *et.al.* (ed.), *op.cit.*, hh. 81-82.

<sup>120</sup> Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran-Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan, h. 1.

<sup>121</sup> Lihat Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hh. 83-120.

<sup>122</sup> Ibn Khaldūn (t.t), *Muqaddimah al-`Allāmah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Fikr, hh. 82-95.

Selain tuntutan ‘urf masyarakat Melayu-Islam secara khusus, fatwa yang hendak dikeluarkan juga haruslah menilai sensitiviti masyarakat Malaysia secara umum. Peruntukan Perlembagaan Malaysia telah menjelaskan<sup>123</sup> kepada kita bahawa orang Melayu-Islam di Malaysia hidup dalam sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai latar budaya dan keagamaan.<sup>124</sup> Kondisi ini juga bermaksud, walaupun masyarakat Melayu merupakan bangsa majoriti, penguasaan mutlak mereka hanya terhadap perkara yang berkaitan hal ehwal adat Melayu dan agama Islam sahaja.<sup>125</sup> Perlu difahami di sini, apa yang dimaksudkan penulis bukanlah hukum hakam Islam terpaksa tunduk kepada tuntutan minoriti masyarakat, tetapi pertimbangan sewajarnya terhadap reaksi masyarakat perlu ditekankan sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan untuk diterima untuk diamalkan.

Dengan huraian berikut, jelas kelihatan faktor realiti masyarakat Islam di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting menentukan jawapan hukum atau fatwa. Tinjauan umum juga telah membuktikan wujud isu-isu hukum yang benar-benar bersifat semasa dan setempat di Malaysia yang tidak wujud di masa lalu dan dalam kitab fiqh silam.<sup>126</sup> Oleh yang demikian menjadi tugas mufti berijtihād mencari jawapan hukum terbaik terhadap persoalan yang diajukan dengan berhikmah disamping tidak menggadaikan prinsip-prinsip yang telah digariskan syarak.

---

<sup>123</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (1): “Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”

<sup>124</sup> Idris Awang, dlm. Md. Salleh Md. @Ahmad *et. al.* (ed.), *op.cit.*, h. 55.

<sup>125</sup> Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned (1999), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 28, 38 dan 53.

<sup>126</sup> Antara isu yang hangat dibincangkan ialah muamalat semasa, Islam liberal, hukuman jenayah Islam, gejala sosial, murtad, kekeluargaan Islam, kongsi raya dan lain-lain. Huraian lanjut sila lihat Mat Saad Abd Rahman (2008), *Isu-isu dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*, Kuala Lumpur: IBook Publications Sdn Bhd.

## Bebas dari Bersifat *'Asābiyyah* dan *Taqlīd*

Pada dasarnya umat Islam sewajarnya menghormati nilai-nilai keilmuan yang ditinggalkan oleh para ulama silam yang telah membina aliran fiqh masing-masing. Ini kerana sejarah telah membuktikan bahawa kearifan mereka di samping sikap hati-hati dalam mengeluarkan sesuatu fatwa mengatasi ulama zaman kini.<sup>127</sup> Walau bagaimanapun, fatwa juga mengalami perubahan berdasarkan beberapa aspek tertentu.<sup>128</sup> Memandangkan fatwa adalah bersifat *ijtihādiyyah*, maka sudah tentu ianya bersifat relatif yang mempunyai kaitan dengan zaman, tempat dan situasi. Ini adalah kerana hukum itu terbina berdasarkan kewujudan *'illah*. Apabila *'illah* berubah, sesuatu hukum turut berubah seiring realiti *'illahnya*.<sup>129</sup>

Dalam hal ini kita seharusnya memahami bahawa cara untuk menghormati dan menyanjung sumbangan para *fuqahā'* dan imam-imam mazhab terdahulu bukan dengan mengikat diri dan bertaqlīdkan kepada pandangan-pandangan mereka secara membuta tuli, tetapi dengan menjadikan kaedah dan metode *ijtihād* serta penyelidikan hukum yang telah mereka hasilkan sebagai bahan rujukan yang sangat berfaedah.<sup>130</sup> Dengan cara tersebut,

<sup>127</sup> Noor Naemah Abd. Rahman, Abdul Karim Ali, & Ridzwan Ahmad (2004), *Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syāfi'i: Analisis Terhadap Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Kertas kerja persidangan Seminar Kebangsaan Uṣūl Fiqh 2004. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.), h. 178.

<sup>128</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *op.cit.*, j.3. h. 5.

<sup>129</sup> Al-Zuhailī, Wahbah (1986), *op.cit.*, h. 651, lihat juga al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsa (t.t), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, (t.p), j. 2, h. 442; Badrān, Abū al-'Ainain Badrān (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariyah: Mu'assasat Thaqāfah al-Jamī`iyah, hh. 169-172.

<sup>130</sup> Noor Naemah Abd Rahman (2003), *op.cit.*, h. 86; Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1996), *al-Ijtihād fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalm, hh. 96-97.

perbincangan hukum *fiqh* tidak lagi bersifat statik tetapi fleksibel dan memenuhi *maṣlaḥah* semasa berpandukan metodologi yang diiktiraf Islam.<sup>131</sup>

Namun, perlu dijelaskan di sini maksud bebas daripada keterikatan atau bersifat *taqlīd* hanya khusus kepada sarjana hukum yang berkeahlian. Istilah bermazhab sendiri bermaksud *bertaqlīd* terhadap mazhab. *Kamus Dewan* menjelaskan istilah mazhab berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud: “cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam,<sup>132</sup> iaitu seperti: mazhab Hanafī, Mālikī, Syāfi‘ī dan Hanbalī”. Manakala perkataan bermazhab (*mazhabiyah*) sebagaimana yang ditakrifkan oleh Sa‘id Ramaḍān al-Būṭī membawa maksud seseorang awam atau orang yang tidak sampai ke tahap *mujtahid* berpegang atau mengikut (*taqlīd*) mana-mana aliran imam *mujtahid* samada dia berpegang dengan seorang *mujtahid* sahaja atau berpindah-pindah antara satu *mujtahid* ke *mujtahid* yang lain dalam ikutannya itu.<sup>133</sup> Takrif ini adalah hampir sama dengan takrif *taqlīd* dalam pengajian *uṣūl al-fiqh* iaitu mengambil pandangan orang lain tanpa mengetahui dalil.<sup>134</sup> Kesimpulannya adalah seperti yang dijelaskan oleh Dr. Luqman Abdullah dan Dr. Nima Jihatea;

*“Ijtihad adalah tidak dilarang manakala taqlid adalah haram ke atas para mujtahid. Manakala orang awam yang tidak berkeahlian berijtihad sekalipun seorang yang alim adalah wajib bertaqlid. Pandangan ini merupakan*

---

<sup>131</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid (1997), *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., hh. 9-10.

<sup>132</sup> Kamus Dewan, *op.cit.*, h. 871.

<sup>133</sup> Al-Būṭī, Sa‘id Ramaḍān (1985), *Alla Mazhabiyah*, Damsyiq: Dār al-Farābi, h. 14.

<sup>134</sup> Al-Zuhailī, Wahbah (1996), *Uṣūl al-Fiqh al-Īslāmī*, Damsyiq: Dār al-Fikr, Jil. 2, h. 1120.

*pandangan jumhur ulama dan inilah pandangan yang ditarjihkan oleh kebanyakan ulama semasa*”.<sup>135</sup>

Perkembangan dunia moden yang semakin berkembang hari demi hari menunjukkan betapa pentingnya keperluan sarjana hukum yang berkeahlian untuk berijtihād dan membebaskan diri dari bersifat *taqlīd*.<sup>136</sup> Ini kerana seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat banyak kes-kes baru yang muncul belum pernah ada dalam khazanah penulisan-penulisan terdahulu yang memerlukan kajian mendalam untuk menyelesaiakannya.<sup>137</sup> Menurut al-Qaraḍawī, untuk memenuhi keperluan ini tidak semestinya menuntut seseorang mencapai taraf seorang *Mujtahid Mutlaq*,<sup>138</sup> namun cukup dengan memenuhi beberapa keperluan seperti berkeupayaan memahami dalil dan melakukan *istinbāt*, berkemampuan melakukan *tarjīh* (penilaian) antara pendapat-pendapat yang pelbagai dengan menggunakan kaedah dan metode tertentu sebagaimana yang telah disusun oleh para sarjana perundangan Islam dan mempunyai kepakaran dan kelayakan melakukan *ijtihād juz’ī* pada isu-isu baru yang masih belum terdapat ketentuan hukumnya.<sup>139</sup>

Dalam mengisi keperluan *ijtihād* semasa, kebanyakan ulama *muta’akhirīm* mengemukakan saranan supaya ianya dilakukan secara kolektif atau dikenali sebagai

<sup>135</sup> Luqman Abdullah & Nima Jihatea (2007), *Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan Dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syāfi’ī Masyarakat Melayu*, Kertas kerja persidangan Seminar Hukum Islam Semasa V, anjuran Jabaan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 22-23 Ogos 2007, h. 3.

<sup>136</sup> Muḥammad Sayyid Tanṭawī (2009), *al-Ijtihād fī al-Ahkām al-Syar‘iyah*, Safri Mahayedin (terj.), c. 2, h. 130.

<sup>137</sup> Al-Qāsimī, Jamal al-Dīn (1986), *al-Fatwāfī al-Islām*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.1.

<sup>138</sup> Pembahagian jenis mufti boleh dilihat dalam Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op.cit.*, j.4, h. 454.

<sup>139</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1996), *op.cit.*, hh. 61-62.

sebagai *ijtihād jamā`ī*. Dengan cara demikian, ilmuwan daripada pelbagai bidang akan dapat dihimpunkan untuk berkongsi ilmu bagi menyelesaikan masalah baru yang timbul.<sup>140</sup> Bila ini boleh didapati tidak ada sebab mengapa harus terus menerus bertaqlīd kerana Ralulullah s.a.w sendiri amat menggesa supaya usaha ber*ijtihād* sentiasa berterusan dalam kehidupan umat Islam.<sup>141</sup>

### **Memudahkan Dan Tidak Menyusahkan**

Sesungguhnya Islam itu sebuah agama yang mudah, praktikal dan relevan sepanjang zaman. Bertepatan dengan hakikat tersebut, pihak yang terlibat dengan amalan fatwa dianjurkan supaya bersikap memudahkan dan meringankan dalam berfatwa,<sup>142</sup> bukannya mempersulit dan menyusahkan manusia agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab agama dengan mudah dan bertepatan dengan *maqāṣid al-syar`iyyah*.

Istilah “tidak menyusahkan” yang digunakan penulis bermaksud tidak sempit dan tidak membebangkan. Ianya juga merupakan ciri-ciri perundangan Islam itu sendiri.<sup>143</sup> Terdapat banyak sekali ayat al-Quran dan al-Sunnah yang menekankan tentang perkara ini. Antaranya ialah firman Allah s.w.t:

---

<sup>140</sup> Noor Naemah Abd Rahman (2003), *op.cit.*, h. 86.

<sup>141</sup> Lihat al-Bukhārī, Abī `Abdullah Muḥammad, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, kitab al-Itiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, bāb Ajr al-Hakīm Izā Ijtahada fa Aṣoba aw Akhto’, no. Hadis 7352, dlm. Salleh Abd ‘Aziz (1999), *Mausū’ah al-Hadīth al-Syarīf*, hh. 611-612.

<sup>142</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1996), *Fī Fiqh al-Awlawiyyat wa Dirāsah al-Jadīdah fī Dau’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hh. 83-84.

<sup>143</sup> Amir Husin Mohd Nor *et.al.* (2002), *Falsafah Perundangan Islam*, Selangor: Mahzum Book Services, hh. 127-128.

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

“Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama satu kesempitan”.

(Surah al-Hajj (22): 78)

Firmannya lagi:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya:

“Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan Dia tidak menghendaki kesukaran bagi kamu”.

(Surah al-Baqarah (2): 185)

Sementara itu hadis-hadis Rasulullah s.a.w juga banyak menyentuh asas tersebut.

Antaranya sabda Baginda Rasulullah s.a.w:

بَشِّرُوا وَلَا تُنَفِّرُوا وَيَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا

Maksudnya:

“Berikanlah khabar gembira dan jangan membuatkan orang lari daripadamu, permudahkanlah olehmu jangan mempersulitkan,”

(Hadis Riwayat Muslim)

Dalil-dalil tersebut boleh diperkuatkan lagi dengan kenyataan bahawa penurunan al-Quran dan pengaplikasiaan hukum hakam di dalamnya dilakukan secara beransur-ansur bagi memudahkan urusan beribadat umat manusia.<sup>144</sup> Atas kedudukan ini juga dapat kita lihat baginda Rasulullah s.a.w membantah mereka yang bersikap melampaui batas dalam perkara agama dengan mengambil amalan-amalan yang sukar dan sulit dalam masalah ibadat dan kehidupan mereka.<sup>145</sup> Sabda Rasulullah s.a.w:

<sup>144</sup> Al-Şobūnī, Muḥammad Ḥasan (2007), *Sejarah dan Dasar Pengajaran Ilmu al-Quran*, M. Junaid al Hashimi (ed.), Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, h. 54.

<sup>145</sup> Al-Bughā, Muṣṭafā & Muhyiddin Misto (2004), *al-Wāfi: Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*, Mohd Asri Hashim et.al. (terj.), Mesir: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir, hh. 74-75.

مَا نَهِيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَبُوهُ وَمَا أَمْرُكُمْ بِهِ فَأَثْوَاهُ مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya:

“Sesuatu yang aku larang kamu lakukannya, maka hendaklah kamu jauhinya dan apa yang aku perintahkan kepada kamu, maka hendaklah kamu lakukannya sekadar kemampuan”

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dari kenyataan-kenyataan tadi menjelaskan bagaimana Islam menganjurkan supaya umatnya tidak mempersulit urusan agama mereka sehingga boleh menyebabkan kesempitan dan kesukaran. Ini juga menunjukkan *mustafti* atau masyarakat Islam turut berperanan menjadikan urusan agama tidak diberatkan selaras dengan firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْ أَشْيَاءَ إِنْ تُبَدِّلَ لَكُمْ سُؤْكُمْ وَإِنْ تَسْأَلُوا عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ  
الْقُرْءَانُ تُبَدِّلَ لَكُمْ عَفَا اللَّهُ عَنْهَا وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu bertanyakan (kepada nabi) perkara-perkara Yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara-perkara itu (yang tidak dinyatakan di Dalam Al-Quran); kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar”

(Surah al-Maidah (5): 101)

Perlu dijelaskan juga, meskipun disebutkan bahawa prinsip mempermudahkan ini suatu yang dituntut namun ia tidak bermaksud keringinan untuk mengambil mudah dengan peruntukan nas-nas syarak yang telah jelas peruntukan kewajipannya. Ini kerana *maqāsid* atau tujuan syarak yang sebenar adalah menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.<sup>146</sup> Adalah tidak wajar untuk melanggar prinsip-prinsip hukum Islam yang telah sedia termaktub dengan niat mempermudahkan perlaksanaan tanggungjawab

<sup>146</sup> Al-'Ālim, Yūsuf (1994), *al-Maqāsid al-Āmmah li al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Amerika Syarikat: al-Maahad al-'Āli li al-Fikri al-Islāmī, c. 2, h. 79.

agama,<sup>147</sup> kerana ianya sama sekali menyalahi prinsip kelonggaran yang dibenarkan dan tujuan penciptaan manusia.<sup>148</sup>

### **Mengemukakan Fatwa Yang Jelas Dan Rasional**

Berdasarkan sifat fatwa sebagai jawapan hukum atau penjelas kepada dalil syarak, fatwa hendaklah dijelaskan dengan secukupnya dalam bahasa yang difahami *mustaftī* dan masyarakat agar ianya dapat difahami dengan maksud yang sebenar.<sup>149</sup> Mengikut kajian yang dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Noor Naemah Abd Rahman, penulisan-penulisan yang membahaskan persoalan fatwa memperlihatkan suatu persepakatan supaya fatwa diolah dalam bentuk yang ringkas dan padat tanpa perincian.<sup>150</sup> Sebab itulah bagi mereka fatwa selalunya hanya diungkap dengan perkataan seperti boleh, tidak boleh, halal atau haram dan seumpamanya tanpa perincian.<sup>151</sup>

Al-Qaraḍawī dalam membincangkan masalah ini mengatakan beliau tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut. Beliau berpendapat mufti bukan hanya penyampai jawapan, malah turut berperanan sebagai guru, pembimbing, pemimpin, doktor dan penyuluhan jalan

---

<sup>147</sup> Contohnya meminda hukuman Hudud yang telah disebut secara *qat’ī* di dalam dalil-dalil syarak. Sejarah juga telah membuktikan undang-undang Islam pernah dilaksanakan di negara ini. Huraian lanjut sila lihat Abdul Monir Yaacob (2000), “Kedudukan dan Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia”, dlm. Abdul Munir Yaacob & Sarina Oyhman (ed.), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia., hh. 81-115.

<sup>148</sup> Khaidzir Ismail (2009), *Psikologi Islam*, Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 34.

<sup>149</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, h. 115.

<sup>150</sup> Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *op.cit.*, h. 87; lihat juga Ibn Hamdan, Ahmad (1934), *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī*, Beirut: Al-Maktab al-Islamī, h. 60.

<sup>151</sup> J.R Walsh, “Fatwa”, dlm *The Encyclopedia Of Islam*, New Edition, j.2, Leiden: B.J. Brill, h. 867.

kepada masyarakat.<sup>152</sup> Oleh yang demikian, seorang mufti mestilah menjelaskan sesuatu fatwa itu dengan jelas dan sempurna agar ianya memberi manfaat lebih besar kepada *mustafti*<sup>1</sup> dan juga masyarakat.

Pedoman al-Sunnah juga memperlihatkan bagaimana Rasulullah s.a.w menerima asas ini sebagai satu metode dalam berfatwa, sehingga baginda mengulangi fatwanya untuk memastikan orang yang bertanya benar-benar jelas terhadap butiran fatwanya.<sup>153</sup> Rasulullah bukan sekadar menjawab persoalan yang ditanya malah telah mengemukakan perkara lain yang ada kaitan secara tidak langsung bagi tujuan memberikan kefahaman yang lebih kepada para sahabat baginda.<sup>154</sup>

Ini memperlihatkan sikap Rasulullah s.a.w yang memberikan penjelasan tidak hanya bersifat jawapan terus kepada soalan yang ditanya bahkan turut membuat penambahan fakta dan keterangan apabila ia dirasakan perlu dan sesuai. Kedudukan ini semua menggambarkan bahawa kesesuaian dan keperluan menentukan sama ada jawapan fatwa itu perlu diperincikan mahupun diringkaskan kerana kedua-duanya mempunyai sandaran dan asas masing-masing.

Dari segi kredibiliti pula, sesuatu fatwa itu hendaklah jelas, menarik dan rasional, dikemukakan dengan hujah dan dalil yang boleh menyokong kewajaran fatwa yang

---

<sup>152</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, h. 130.

<sup>153</sup> Lihat contohnya dlm. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad ibn ‘Alī (t.t), *Fath al-Bārī*, Beirut: Dār al-Fikr, j.1, hh. 547-548.

<sup>154</sup> Lihat contohnya dlm. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op.cit.*, j. 4, h. 414; Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, hh. 130-131.

diputuskan.<sup>155</sup> Apabila terdapat pandangan yang berbeza dalam isu yang dikemukakan, pihak yang mengeluarkan fatwa sewajarnya memberikan alasan kenapa pandangan tertentu menjadi pilihan.<sup>156</sup> Kaedah ini adalah untuk memastikan fatwa diterima dengan penuh keyakinan terutama dalam menangani isu yang kritikal dan kontroversi. Tambahan pula dalam menghadapi zaman moden yang serba mencabar yang di mana penyelesaian Islam sentiasa dilihat sebagai jumud dan tidak realistik. Oleh itu sebarang ulasan, dalil, alasan dan hujah amat patut dikemukakan bagi menyokong dan mengukuhkan penyelesaian yang dipilih.

Di samping itu, penghasilkan fatwa boleh menjadi lebih menarik dan bermanfaat adalah dengan menyatakan hikmat dan *'illah* yang menjadi asas penentuan sesuatu hukum.<sup>157</sup> Kerana dengan demikian keputusan tersebut akan lebih kukuh dan mudah diterima umum kerana masyarakat moden mementingkan logik akal untuk menerima sesuatu perkara. Metode ini sebenarnya telah digunakan dalam al-Quran itu sendiri apabila Allah telah mengarahkan Rasulullah supaya menjelaskan *'illah* dan hikmat kenapa mereka dilarang mendekati isteri dalam tempoh haid. Firman Allah s.w.t:

وَسَأَلُوكُنَّكُمْ عَنِ الْمَحِি�ضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَاعْتَرُلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِি�ضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ  
حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأَتُوْهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ التَّوَبَّينَ وَتُحِبُّ  
الْمُتَطَهِّرِينَ

<sup>155</sup> Hasnan Kasan (2008), *Institusi Fatwa di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 147; Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *op.cit.*, h. 90.

<sup>156</sup> Ibn Ḥamdaṇ, Aḥmad (1934), *op.cit.*, h. 44.

<sup>157</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op.cit.*, j. 4, h. 417; Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *op.cit.*; Mohd Daud Bakar (1995), “Teori dan Amalan Tarjih Dalam Mazhab Syāfi’ī”, dlm. *Jurnal Syariah*, j. 3, bil. 2, h. 169.

Maksudnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: “haid itu adalah suatu kotoran”. Oleh itu hendaklah kamu menjauhkan diri daripada perempuan pada waktu haid, dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat, dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri”

(Surah al-Baqarah (2): 222)

Dengan penjelasan demikian lebih mudah mendorong masyarakat menerima ketentuan tersebut kerana masing-masing merasa jijik dengan kekotoran.<sup>158</sup> Berdasarkan kebijaksanaan al-Quran tersebut, dapat kita fahami bahawa apa yang perlu diberikan perhatian oleh seseorang mufti ialah kebijaksanaan menggunakan pendekatan psikologi untuk memberikan penerangan dan kefahaman kepada masyarakat.<sup>159</sup> Contoh lain ialah apabila persoalan yang ditanya oleh *mustafti* melibatkan ketentuan hukum yang agak asing, mufti dianjurkan supaya mengajukan pendahuluan iaitu penerangan asas berkaitan tajuk yang boleh dianggap sebagai pembuka bicara atau pengenalan kepada fatwa yang dikemukakan. Ini bertujuan menarik perhatian orang yang bertanya sehingga sentiasa bersedia menerima fatwa dengan mudah dan lapang dada.<sup>160</sup>

Seseorang mufti juga dianjurkan supaya mengemukakan alternatif kepada fatwa-fatwa yang diputuskan terutamanya kepada isu yang melibatkan kontradiksi.<sup>161</sup> Jika mufti mendapati bahawa perkara yang ditanyakan oleh *mustafti* itu adalah haram, mufti perlu

---

<sup>158</sup> Ibn Kathīr, Ismā`īl `Umar, *op.cit.*, hh. 361-363.

<sup>159</sup> Azizi Yahaya *et.al.*, (2004), *Psikologi Sosial*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 27.

<sup>160</sup> Noor Naemah Abd Rahman (2003), *op.cit.*, h. 92.

<sup>161</sup> *Ibid.* h. 93.

bijak menerangkannya sambil memberikan alternatif lain yang ada.<sup>162</sup> Dengan cara ini seseorang *mustaftī*<sup>1</sup> akan berpuas hati disamping dapat membuktikan kepada masyarakat umum bahawa Islam merupakan agama yang praktikal dan sesuai sepanjang zaman.

## 2.5 KESIMPULAN

Fatwa merupakan sebuah komponen yang penting dalam ajaran Islam. Menelusuri sejarah perundangan Islam secara *holistic*, pelbagai aliran dan metodologi telah mencorak amalan fatwa dalam sesebuah zaman. Fatwa didapati memainkan peranan yang sangat penting membimbing dan menerangkan kepada masyarakat seluruhnya tentang hukum hakam Islam dalam semua kegiatan hidup masyarakat sama ada yang bersifat semasa atau yang berkaitan masa hadapan. Oleh kerana ia merupakan jawapan dan reaksi kepada persoalan-persoalan dalam kehidupan seharian daripada aspek agama, maka fatwa adalah sesuatu yang hidup, dinamik, berkembang dan merupakan tindak balas kepada pemikiran dan keintelektualan masyarakat semasa.<sup>163</sup> Namun, ianya bukan suatu yang mudah dan boleh dilakukan sewenang-wenang tanpa autoriti, kredibiliti disamping kajian mendalam. Oleh yang demikian, metode berfatwa yang diiktiraf agama dan bertepatan dengan realiti semasa seperti yang telah penulis nyatakan mampu dijadikan garis panduan sesuai dengan objektif fatwa untuk menjamin hormonisasi serta kelangsungan amalan syariat Islam.<sup>164</sup>

---

<sup>162</sup> *Ibid.* Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, hh. 133-135.

<sup>163</sup> Wael B. Hallaq (1997), *A History of Islamic Legal Theories*, United Kingdom: Cambridge University Press, h. 208.

<sup>164</sup> Zulkifli Mohammad al-Bakri (2004), *op.cit.*, h. 24.

## **BAB 3:**

### **LATAR BELAKANG DAN SENARIO RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA AKHBAR HARIAN METRO**

#### **3. 0 PENDAHULUAN**

Ruangan soal jawab agama merupakan salah satu medium menyampaikan maklumat tentang Islam melalui saluran yang dinamakan media massa. Media massa seperti akhbar, televisyen, radio, internet dan lain-lain bukan sahaja berperanan sebagai agen penyampaian maklumat, malah lebih dari itu turut menjana nilai intelektual, kesedaran dan jatuh bangun sesuatu masyarakat. Sejarah telah membuktikan media massa khususnya akhbar telah menyumbang jasa yang besar kepada masyarakat Malaysia satu masa dahulu bukan hanya kepada pembangunan roh kemerdekaan, malah nilai-nilai dakwah yang jitu. Ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro tidak dapat lari daripada kesan signifikannya tersebut. Walaupun ruangannya ringkas, jawapan dan permasalahan yang diutarakan bukan sahaja mampu memberikan gambaran realiti masalah yang dihadapi baik dari sudut penyoal (masyarakat) mahupun panelis (tokoh agama) yang menjawab malah turut membawa mesej agama Islam. Bagi menggambarkan dengan lebih jelas apa yang dinyatakan, dalam penulisan bab ini, penulis akan membincangkan tentang peranan media massa sebagai medium maklumat hukum Islam kontemporari: latar sejarah, latar belakang akhbar Harian Metro, latar belakang panelis ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro dan perjalanan teknikal proses soal jawab tersebut.

### **3.1 RELEVANSI AKHBAR DAN MEDIA MASSA SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN MAKLUMAT HUKUM ISLAM: LATAR SEJARAH**

Bagi membincangkan relevansi akhbar dan media massa yang lain sebagai medium dakwah, penulis membahagikan perbincangan kepada 3 bahagian iaitu hubungan antara dakwah dan media massa, peranan yang dimainkan oleh akhbar di Tanah Melayu sebelum merdeka dan prospek ruangan soal jawab agama di dalam akhbar pada masa kini.

#### **3.1.1 Dakwah dan Media Massa**

Agama Islam amat mementingkan ilmu agar dikuasai oleh setiap individu Muslim sehingga membentuk masyarakat yang kaya maklumat. Walaupun istilah media massa atau *wasā'il i'lām* masih baru dalam kehidupan umat Islam tetapi sejarah penggunaan media bagi menyampai mesej Islam mempunyai sandaran yang cukup kuat.<sup>165</sup> Perkataan *rasala*, *nabi*, *naba'*, *khabar* dan sebagainya telah termaktub dalam al-Qur'an dan al-Sunnah menggambarkan betapa aktiviti penyebaran atau difusi mesej dakwah cukup penting dalam ajaran Islam. Terdapat 138 tempat dalam al-Quran yang berasal dari perkataan *naba'* yang bermaksud berita. 51 tempat merujuk kepada tindakan menyampaikan berita, 53 tempat pula merujuk kepada para nabi dan rasul a.s. sebagai pembawa berita. Begitu juga yang menggambarkan Allah sebagai *Khabir*, iaitu Yang Empunya Berita, manakala nabi ialah pembawa berita.<sup>166</sup>

---

<sup>165</sup> Zulkiple Abd. Ghani (2001). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd., h. 26.

<sup>166</sup> Pasha Syed H. (1993), "Towards a Cultural Theory of Political Ideology and Mass Media in The Muslim World" dlm. *Media, Cultural and Society*, j. 15. h. 1.

Peranan dakwah atau menyampaikan mesej Islam turun temurun sejak kewafatan baginda Rasulullas s.a.w dipelopori oleh para ulama yang merupakan golongan intelektual agama Islam. Pelbagai pendekatan digunakan sepanjang sejarah penyebaran ajaran Islam dengan buku dilihat menjadi instrumen atau media utama disamping pendekatan lisan.<sup>167</sup> Peranan yang dimainkan oleh buku atau tulisan sebagai alat sampai ilmu yang utama dilihat bertepatan dengan nilaiyan wahyu<sup>168</sup> dan terus kekal sepanjang zaman. Namun, disamping buku yang bersifat kompleks dan lisan yang bersifat terbatas sebarannya, tamadun ilmu masyarakat dunia terus mengalami kemajuan dalam banyak aspek termasuk sistem komunikasi dan penyampaian maklumat.<sup>169</sup> Kini para ulama tidak lagi hanya terlibat menyampaikan kuliah ataupun menulis buku, tetapi turut serta dalam pelbagai bentuk pendekatan dakwah seperti di media-media massa.

Media massa dapat diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak terdiri daripada sumber bertulis seperti surat khabar, majalah, buku, novel, dan bahan bertaip yang lain. Manakala media elektronik pula terdiri daripada televisyen, radio, internet, blog, telefon bimbit, dan sebagainya.<sup>170</sup> Media massa merupakan sumber primer dalam komunikasi massa. Fungsi atau proses komunikasi secara

---

<sup>167</sup> Mat Saat Abd Rahman (1983), *Penulisan Fiqh al-Shafī'i: Pertumbuhan dan Perkembangannya*, Bangi: Ikatan Studi Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 14-15.

<sup>168</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (2001), *Tafsīr al-Waṣīṭ*, juz. 3, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āşir, h. 2902; kebanjiran kitab keilmuan Islam dari Timur Tengah ke rantau alam Melayu satu ketika dahulu turut menjadi bukti, lihat Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 120-123.

<sup>169</sup> Lim Kim Hui & Har Wai Mun (2007), *Globalisasi, Media dan Budaya: Antara Hegemoni Barat Dengan Kebangkitan Asia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 87-89.

<sup>170</sup> Noresah Baharom (2002), *Kamus Dewan*, ed. 3, c. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 872.

umumnya adalah untuk memberitahu, mendidik, memujuk serta menghibur.<sup>171</sup> Oleh yang demikian, media massa merupakan instrumen yang berperanan penting menyebarkan maklumat kepada orang ramai dalam proses komunikasi. Tanpa adanya media massa, masyarakat sukar untuk mengetahui pelbagai maklumat yang baru termasuk dari dalam dan luar negara.

Memandangkan akhbar mempunyai ciri-ciri media massa, maka kajian terhadap media tertua ini menjadi agak popular dalam kalangan pengkaji komunikasi. Antara ciri yang terdapat pada akhbar adalah seperti bersifat sehala, komunikator yang berinstitusi, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan sesuatu maklumat kepada khalayak yang banyak dan mempunyai mesej-mesej yang tersendiri.<sup>172</sup> Akhbar turut berperanan mengutarakan kritikan dan tempat aduan masyarakat, mencerminkan pemikiran golongan tertentu, pusat dialog dan forum hal-ehwal semasa serta sebagai alat propaganda, semboyan, pembangkit kesedaran dan agen perubahan masyarakat yang berkesan.<sup>173</sup> Oleh kerana sifatnya yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap sesetengah isu, maka pengkaji media mula mengkaji keupayaan akhbar dan media dalam membentuk pendapat umum.<sup>174</sup> Sejak sekian lama media telah menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai maklumat serta mempunyai pengaruh dan peranannya yang tersendiri dalam kalangan masyarakat.

---

<sup>171</sup> Samsuddin A. Rahim (2003), *Komunikasi Asas*, Kuala Lumpur: Dewana Bahasa dan Pustaka, hh. 12-18.

<sup>172</sup> Mohd Asri Mohamad (2002), *Pengaruh Golongan Elit Pemerintah Dalam Pemaparan Berita-berita Etnik. Analisis Kandungan Terhadap Pelaporan Berita Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian Sejurus Sebelum dan Selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia*, Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia, hh. 1-2.

<sup>173</sup> Siti Zahrah Mahfood (2010), (Kertas Kerja Persidangan, Seminar Pendidikan Islam Serantau 2010), Holiday Inn, Subang Jaya, 24-25 Julai 2010.

<sup>174</sup> Mohd Asri Mohamad, *op.cit.*

### **3.1.2 Peranan Akhbar di Tanah Melayu Sebelum Merdeka**

Menyentuh secara langsung tentang fungsi akhbar sebagai alat menyampaikan maklumat, tidak dapat dinafikan ianya telah terbukti memainkan peranan yang cukup penting dan berpengaruh. Sejarah menjadi saksi peranan akhbar yang bermula pada penghujung abad ke-19 telah berjaya mencetuskan impak yang besar di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Sejarah awal akhbar di Tanah Melayu dipelopori oleh orang Inggeris yang menerbitkan *The Government Gazette*<sup>175</sup> dan pada akhir abad tersebut barulah muncul akhbar berbahasa Melayu yang pertama iaitu *Jawi Peranakan* di Singapura.<sup>176</sup> Kemudian pada abad ke-20 barulah kemunculan akhbar serta majalah berbahasa Melayu menjadi semakin rancak walaupun kebanyakan laporan pada masa tersebut berasaskan sentimen perkauman dan prejedis yang menebal.<sup>177</sup> Sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, akhbar-akhbar Melayu telah memainkan peranan yang cukup penting dalam mewujudkan kesedaran sosial dalam diri orang Melayu dan menyemarakkan lagi semangat orang Melayu yang telah sedar untuk membela nasib mereka. Peranan penting tersebut dapat digambarkan dengan tujuan penerbitan akhbar *Al-Imam* itu sendiri iaitu “*mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur*

---

<sup>175</sup> Akhbar berbahasa Inggeris ini telah diterbitkan pada tahun 1806 di Pulau Pinang. Ianya diusahakan oleh pencetak berbangsa Inggeris iaitu A.B. Bone, lihat Lihat Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 314.

<sup>176</sup> Akhbar ini diterbitkan pada tahun 1876 yang merupakan perintis dalam kegiatan penerbitan akhbar Melayu di Negeri-negeri Melayu, lihat Kassim Thukiman (2002), *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 59. Melalui akhbar ini berita-berita dari luar dan dalam negeri dimuatkan di samping menggalakkan pendidikan Melayu dan pembicaraan tentang Bahasa Melayu. Lihat juga Yahaya Ismail (1986), *Ke Mana Melayu Pulau Pinang?*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd., h. 18.

<sup>177</sup> Mohd Asri Mohamad, *op. cit.*, hh. 6-9.

*dan menundukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan.”<sup>178</sup>*

Pada awal abad ke-20, kedudukan sosio ekonomi masyarakat Melayu adalah begitu daif dan mundur dalam semua aspek berbanding dengan masyarakat lain. Untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang Melayu, akhbar-akhbar Melayu telah menyiaran rencana-rencana pengarangnya yang menyentuh tentang keadaan dan nasib bangsa Melayu. Contohnya puisi yang bertajuk “Tanahairku” oleh Ibrahim Yaakob telah disiarkan dalam *Warta Negeri* bertarikh 3 Februari 1930 yang berbunyi:<sup>179</sup>

*Ayuhai Semenanjung tanahairku,  
Tempatku besar didiknya ibu,  
Ilahi ra 'bi-bi tolonglah bangsaku,  
Tinggal di belakang memakan debu.  
Ayuhai Semenanjung tanahairku,  
Tempatku duduk setiap hari,  
Bangsaku miskin sudahlah tentu,  
Keadaannya lemah tidak berdiri.  
Ayuhai Semenanjung tanahairku,  
Tempat bermain di dalam puri,  
Tidakkah belas amboi bangsaku,  
Melihat harta terlepas di jari.*

---

<sup>178</sup> Lihat Abdullah Zakaria Ghazali (1988), “Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu”, dlm. Adnan Nawang (edit.), *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 165.

<sup>179</sup> Lihat Abdul Latiff Abu Bakar (1991), *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 103.

Dalam puisi “Mempertahankan Hak Kita”<sup>180</sup> yang disiarkan dalam *Warta Jenaka* pula, orang Melayu diingatkan tentang bahayanya orang asing di Tanah Melayu. Selain *Warta Negeri* dan *Warta Jenaka* tersebut, banyak lagi akhbar-akhbar Melayu yang menyiaran penulisan atau rencana-rencana yang menyentuh perihal orang Melayu bagi menimbulkan kesedaran di kalangan mereka. Rangkaian akhbar-akhbar Melayu seperti *Pengasuh* (1917-1940), *Idaran Zaman* (1925-1930), *Warta Malaya* (1930-1941) dan *Majlis* (1931-1941, 1945-1955) turut memainkan peranan tersendiri membicarakan isu-isu penting yang menyentuh kepentingan semasa dan masa hadapan orang Melayu dalam kemelut politik dan sosial yang sedang mereka hadapi lantas mencetus semangat nasionalisme yang kuat.<sup>181</sup>

Akhbar-akhbar Melayu juga menjadi medium popular kepada golongan terpelajar atau intelektual untuk menyebarkan pemikiran, idea, fahaman dan pendapat mereka terhadap isu dan permasalahan yang menyelubungi orang Melayu pada masa itu. Tokoh-tokoh seperti Muhammad Yunus Abdullah, Muhammad Yunus Abdul Hamid, Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Onn Jaafar, Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Haji Yaakob dan Ishak Haji Muhammad yang bertugas sebagai pengarang atau pembantu pengarang telah menggunakan peluang ini untuk menyampaikan rasa tidak puas hati mereka dan serta

---

<sup>180</sup> Puisi ini dikarang oleh Harun Mohd. Amin yang mempunyai rasa tidak puas hati dengan sikap tauke-tauke dan wakil-wakil Cina dalam majlis-majlis mesyuarat. Mereka mendakwa bahawa merekaalah yang telah banyak berjasa dan memberikan kemakmuran kepada Tanah Melayu. Oleh itu, mereka menuntut persamaan hak seperti kerakyatan, tanah, dan kemudahan lain dengan alasan mereka telah membantu penjajah British memajukan Tanah Melayu. Harun juga beranggapan bahawa orang Cina gembira kerana orang Melayu ketinggalan dalam semua aspek akibat kedatangan orang asing di Tanah Melayu. *Ibid*, hh. 103-104.

<sup>181</sup> Lihat Abdul Rahman Ismail (2005), *Malaysia, Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 229.

menyeru orang Melayu bangun memperbaikkan keadaan dari setiap segi termasuklah politik.<sup>182</sup> Sebagai contoh, Abdul Rahim Kajai yang bertugas sebagai pengarang akhbar *Majlis*, *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* telah menggunakan ruangan rencana pengarang sebagai medan mengkritik penjajah British, orang asing dan membela nasib orang Melayu untuk mencapai kemajuan.<sup>183</sup>

Di samping itu, akhbar-akhbar Melayu turut memberi perhatian kepada isu pergerakan politik orang Melayu. Antara akhbar Melayu yang menyentuh hal ini ialah *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Warta Malaya*, dan *Majlis*. Sebagai contoh pada 11 September 1926, *Idaran Zaman* melalui rencananya yang bertajuk “Persatuan Melayu” telah bersetuju terhadap penuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Rencana seperti ini turut memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca terutamanya orang Melayu akan perlunya diwujudkan persatuan politik seperti KMS di Tanah Melayu.<sup>184</sup> Akhbar *Saudara* pada tahun 1931, telah mencadangkan supaya diadakan kongres di kalangan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu<sup>185</sup> dan mencadangkan penuhan Persekutuan Melayu.<sup>186</sup> Cadangan yang dikemukakan oleh akhbar *Saudara* ini telah mendapat respon yang positif daripada akhbar-akhbar Melayu yang lain, contohnya sebagaimana sokongan yang diberikan oleh

---

<sup>182</sup> *Ibid*, h. 300.

<sup>183</sup> Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *op. cit*, h. 105.

<sup>184</sup> *Ibid*, hh. 105-106, lihat juga Azmah Abdul Manaf, *op.cit.*, h. 337.

<sup>185</sup> Tiap-tiap negeri dikehendaki menghantar wakil-wakil mereka di perhimpunan besar kongres Melayu. Dalam perhimpunan ini, orang Melayu dikehendaki mengemukakan masalah yang mereka dihadapi. Abdul Rahim Kajai sebagai pihak *Saudara* mencadangkan supaya Kongres Melayu ini diadakan di Johor Bharu kerana merupakan kawasan yang maju dan moden..

<sup>186</sup> Persekutuan Melayu yang dicadangkan ini adalah ‘berhaluan kanan’ iaitu mengikut undang-undang negeri dan patuh kepada raja-raja Melayu dan kerajaan British. Persekutuan ini cuba membantu kerajaan British memajukan orang Melayu dan cuba mengatasi kemajuan bangsa asing di Tanah Melayu. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *op. cit*, h. 107.

akhbar *Warta Malaya* dan *Majlis*.<sup>187</sup> Keadaan ini jelas menunjukkan akhbar-akhbar Melayu telah menggunakan kelebihan mereka ini untuk berkomunikasi sesama mereka dan juga berkomunikasi dengan orang Melayu.

Kebebasan bersuara yang dimiliki oleh akhbar-akhbar Melayu telah memberikan ‘tiket’ kepada mereka untuk menegur segala ‘kepincangan’ kepimpinan yang wujud dalam mana-mana pihak tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Onn Jaafar yang merupakan pengarang *Warta Malaya* telah menyatakan rencananya dalam akhbar tersebut, rencana yang membidas raja-raja Melayu yang telah gagal menjadi sebenar-benar pemimpin kepada orang Melayu. Dalam banyak hal, raja-raja Melayu tidak lagi melindungi rakyatnya, tetapi bertindak menekan mereka. Onn Jaafar menyatakan bahawa raja-raja Melayu sepatutnya melahirkan rasa hormat dan sayang mereka kepada rakyat dan bukan sebaliknya.<sup>188</sup> Penyiaran rencana seperti ini oleh akhbar Melayu setidak-tidaknya dapat menyedarkan orang Melayu bahawa pemimpin yang dipercayai dapat membela nasib mereka tidak dapat berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Golongan ini lebih suka berdiam diri dan mengikut telunjuk penajah walaupun dalam keadaan terpaksa demi menjaga kepentingan mereka berbanding membela nasib rakyat. Akhbar *Al-Imam* juga ada menyeru raja-raja dan orang-orang besar Melayu supaya menukuhan persatuan dengan tujuan untuk meninggikan pelajaran, ekonomi dan kesedaran orang Melayu. Akhbar ini turut menggalakkan orang Melayu melanjutkan pelajaran keluar negeri.<sup>189</sup>

---

<sup>187</sup> Cadangan ini turut mendapat sokongan daripada majalah *Malaya* melalui rencananya yang bertajuk “Kongres Bagi Umat Melayu Dalam Negeri”, *ibid*.

<sup>188</sup> Kenyataan ini ada disiarkan dalam *Warta Malaya* pada tahun 1930-an. Untuk keterangan lanjut sila lihat Ramlah Adam (1994), *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42

<sup>189</sup> Lihat Adnan Nawang, *op. cit.*, hh. 165-167.

Di samping itu, akhbar-akhbar Melayu juga berperanan sebagai alat menyebarkan ilmu pengetahuan<sup>190</sup> dan menyampaikan maklumat semasa kepada para pembaca. Akhbar-akhbar Melayu dalam penerbitannya turut menyelitkan berita-berita dan peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar negeri. Ia juga membincangkan tentang hukum-hakam agama, memberikan nasihat berunsur agama, membicarakan tentang dunia Islam dan umatnya yang ketinggalan dan mundur berbanding dengan orang lain, cerita-cerita nabi dan rasul dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan agama.<sup>191</sup> *Idaran Zaman* sebagai contohnya telah menekankan perpaduan melalui agama<sup>192</sup> dan akhbar *Saudara* yang meneruskan pemikiran Islah (pembaharuan) Islam yang dicetus *Al-Imam* sebelum diikuti akhbar-akhbar sealiran dengannya yang lain.<sup>193</sup>

Berita-berita dan rencana-rencana yang disiarkan oleh akhbar-akhbar Melayu telah memberikan maklumat semasa kepada para pembaca akhbar tentang dunia di luar kawasan orang Melayu. Orang Melayu yang tidak tahu membaca juga tidak ketinggalan dalam mengikuti peristiwa-peristiwa semasa melalui bantuan orang yang tahu membaca.<sup>194</sup> Mereka yang boleh membaca akan membacakan berita-berita yang disiarkan dalam akhbar di hadapan orang-orang yang tidak tahu membaca. Golongan yang tidak tahu membaca dan menulis ini akan mendengarnya dengan teliti seterusnya sama-sama berbincang dan memberikan pendapat mereka dengan golongan yang tahu membaca. Hal ini dapat

---

<sup>190</sup> Lihat William R. Roff (2003), *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 174.

<sup>191</sup> Lihat Azmah Abdul Manaf, *op. cit.*, h. 326.

<sup>192</sup> Lihat Adnan Nawang, *op. cit.*, h. 167.

<sup>193</sup> Azlizan Mat Enh (2009), *Isu-isu Terpilih Dalam Sejarah Pemikiran*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., hh. 83-85.

<sup>194</sup> Untuk keterangan lanjut sila lihat William R. Roff, *op. cit.*, h. 177 & 184.

menghindarkan setiap golongan orang Melayu tidak ketinggalan dalam mengikuti arus perkembangan semasa dan dapat mempelajari sedikit sebanyak akan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam.

### **3.1.3 Prospek Ruangan Soal Jawab Agama Dalam Akhbar**

Berdasarkan realiti sejarah yang penulis nyatakan, jelas menunjukkan bahawa akhbar telah memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk perjalanan sesebuah masyarakat dan negara. Justeru tidak hairan mengapa ramai pengkaji media memberikan fokus yang lebih terhadap akhbar.<sup>195</sup> Malah perhatian tersebut turut melibatkan pihak yang dilabel sebagai musuh utama Islam iaitu Zionis Yahudi. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh H.M Tuah Iskandar,<sup>196</sup> beliau mendapati bahawa pertubuhan Zionis telah menganggap akhbar (termasuk media massa lain) sebagai suatu senjata yang cukup ampuh untuk mempengaruhi masyarakat dunia. Mereka telah menggariskan 24 protokol rancangan masa panjang untuk menguasai dunia yang mana antara lain menjadikan akhbar sebagai salah satu daripada medium utama. Menurut H.M Tuah Iskandar lagi, teori akhbar Yahudi menganjurkan antara lain supaya;

- Menjadikan akhbar-akhbar alat propaganda untuk maksud politik bagi kepentingan Yahudi.
- Mengatur strategi melalui akhbar supaya melumpuhkan pergerakan Islam dan agama-agama lain di seluruh dunia.<sup>197</sup>

---

<sup>195</sup> Mohd Asri Mohamad, *op.cit.*

<sup>196</sup> H.M.Tuah Iskandar (1990), *Kewartawanan Islam: Dicabar, Tercabar, Mencabar*, Kuala Lumpur: Karya Media Publisher, hh. 173-174.

<sup>197</sup> *Ibid.*

Menyedari hakikat bahawa akhbar dan media massa begitu berpengaruh, ruangan soal jawab agama yang terdapat dalam media massa umumnya dan akhbar Harian Metro khasnya turut mempunyai peluang yang sama untuk menjana nilai kefahaman agama di kalangan masyarakat. Jika dikendalikan dengan baik dan maksimum, ruangan tersebut boleh menjadi satu medan dakwah yang sangat kompeten dan efektif. Ini adalah kerana ia bukan hanya berperanan menerangkan hukum hakam kepada masyarakat Islam, malah turut membawa suara agama dalam menyampaikan mesej dakwah kepada pembaca bukan Islam.<sup>198</sup> Kemudahan untuk segenap lapisan masyarakat mencari maklumat dengan mudah dan pantas sepatutnya menjadi kelebihan bagi panelis dan pengendali ruangan-ruangan soal jawab memberikan maklumat terbaik tentang Islam.

Namun terdapat beberapa persoalan yang menjadi kebimbangan, iaitu adakah ruangan soal jawab agama berperanan sama seperti media massa tidak berautonomi lain yang kandungannya boleh disunting untuk disesuaikan dengan tuntutan tempatan dan pemerintah,<sup>199</sup> serta sejauh mana sumber maklumat yang terdapat di dalamnya dapat lari daripada kawalan kuasa pemilik ruangan tersebut.<sup>200</sup> Apa yang dimaksudkan penulis disini ialah adakah ruangan soal jawab agama turut terikat dengan disiplin media massa biasa atau mempunyai kuasa autonomi menghasilkan jawapan mengikut neraca agama yang sebenar. Selain itu, perkara yang turut menjadi kebimbangan ialah sejauh mana ruangan

<sup>198</sup> Noor Shakirah Mat Akhir (2006), “Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat”, dlm. Mohamad Md. Yusoff *et. al.* (eds.), *Isu Dan Cabaran Media Di Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia, h. 2.

<sup>199</sup> L. John Martin & Anju Grover Chaudhary (1997), “Tujuan dan Peranan Media Massa”, dlm. *Sistem Media Massa, Suatu Perbandingan*, Bukhori Ismail (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 14-15.

<sup>200</sup> Azman Azwan Azmawati (2006), “Media dan Sumber”, dlm. Mohamad Md. Yusuff *et. al.*, *Dinamika Media dan Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hh. 75-77.

soal jawab agama dalam akhbar dapat ‘hidup’ dan memberikan impak yang sama seperti laporan sisipan yang lain. Untuk mengetahui dengan jelas perjalanan dan pengendalian ruangan soal jawab agama tersebut, penulis akan menghuraikannya dalam sub topik yang berikutnya.

### **3.2 RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA DI MALAYSIA**

Sebagaimana yang dimaklumi, negara Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang menjamin kebebasan beragama masyarakatnya khususnya penganut agama Islam yang menjadi agama rasmi. Peruntukan dalam undang-undang peringkat persekutuan dan negeri yang menjamin kedudukan agama Islam begitu signifikan dengan usaha penyebaran dan kawalan Islam di negara ini sama ada melalui saluran secara formal ataupun tidak.<sup>201</sup> Tidak terkecuali dalam konsep ruangan soal jawab agama, setiap individu dalam masyarakat mempunyai hak masing-asing untuk mengutarakan sebarang permaslahan berkaitan agama Islam dengan memilih antara dua ruang tersebut untuk mengutarakannya. Berdasarkan hakikat tersebut, muncul pelbagai ruangan soal jawab agama yang disediakan oleh jabatan-jabatan agama Islam persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan sebagai tindak balasnya.

Pelbagai saluran media dipilih bagi tujuan memenuhi permintaan masyarakat. Ejen maklumat terkini yang paling banyak menyediakan ruangan soal jawab agama ialah

---

<sup>201</sup> Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 250-255.

internet. Realiti ini tidak menghairankan kerana kepesatan teknologi maklumat zaman globalisasi telah menjadikan internet sebagai medan komunikasi tanpa had yang berpengaruh besar.<sup>202</sup> Berdasarkan statistik ejen carian internet seperti google dan yahoo, ruangan soal jawab agama atau soal jawab hukum yang diwujudkan oleh pengguna internet dari Malaysia dilihat begitu banyak dan memberangsangkan.<sup>203</sup> Bilangan sebenar ruangan tersebut sangat sukar untuk diterjemahkan penulis kerana beberapa faktor antaranya; alamat-alamat URL yang bertindih, berlaku penambahan dan pengurangan setiap hari, dan keaslian serta keautoritian yang meragukan.

Namun, ruangan rasmi terbitan badan fatwa rasmi persekutuan dan negeri dapat dikesan dengan mudah iaitu kesemuanya berjumlah tujuh buah yang aktif dan tiga dalam proses kemaskini.<sup>204</sup> Badan fatwa rasmi kerajaan yang dikesan aktif mengelolakan ruangan soal jawab agama di internet ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,<sup>205</sup> Jabatan Mufti Negeri Selangor,<sup>206</sup> Jabatan Mufti Negeri Melaka,<sup>207</sup> Jabatan Mufti Pulau Pinang,<sup>208</sup> Jabatan Mufti Negeri Perak,<sup>209</sup> Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Mufti Wilayah

---

<sup>202</sup> Lim Kim Hui & Har Wai Mun, *op. cit.*, hh. 428-442.

<sup>203</sup> Secara umum, sorotan penulis mendapati laman web dan blog yang terdapat soal jawab agama di dalamnya dikendalikan oleh 6 kategori pengendali; 1) Organisasi awam atau swasta, 2) Individu dalam organisasi awam atau swasta, 3) Individu, 4) Koleksi soal jawab, 5) Forum dan 6) Tidak dikenalpasti

<sup>204</sup> Laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Kelantan, Jabatan Mufti Negeri Sabah dan Jabatan Mufti Negeri Kedah, dilayari pada dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>205</sup> <http://baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf>, dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>206</sup> <http://www.muftiselangor.gov.my/SoalJawabAgama/SoalJawabUtama.html>, dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>207</sup> <http://alhuda.mmu.edu.my/jawapan/jawapan.php?list=tarikh&page=1>, dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>208</sup> <http://mufti.penang.gov.my/mufti.html>, dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>209</sup> [http://mufti.perak.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=category&id=17&Itemid=16](http://mufti.perak.gov.my/index.php?option=com_content&view=category&id=17&Itemid=16), dilayari pada 12 Oktober 2010.

Persekutuan Kuala Lumpur & Labuan.<sup>210</sup> Laman web badan fatwa kerajaan yang dalam proses kemaskini ialah Jabatan Mufti Negeri Kelantan, Jabatan Mufti Negeri Sabah dan Jabatan Mufti Negeri Kedah. Selebihnya tidak atau belum menyediakan ruangan interaksi hukum khusus untuk pelanggan mereka.<sup>211</sup> Namun, penemuan tersebut hanya sehingga kajian ini ditulis, kemungkinan laman-laman web tersebut mengalami perubahan kuantiti serta fungsi adalah amat tinggi. Perlu diingatkan juga, laman-laman web tersebut ialah laman ‘soal jawab agama’, bukan ‘fatwa’ rasmi yang difahami dalam konteks semasa.

Selain ruangan internet yang tidak terbatas, media lain yang dikesan turut menyediakan ruangan soal jawab agama yang tersendiri ialah telivisyen dan radio. Antara rancangan telivisyen yang terkenal dewasa ini ialah rancangan ‘*Tanyalah Ustaz*’ yang dikendalikan oleh TV9. Rancangan tersebut khusus untuk para penonton bersoal jawab bersama panelis dalam masalah-masalah agama tertentu yang disediakan tajuknya oleh pihak penertbit. Selain ‘*Tanyalah Ustaz*’, terdapat rancangan-rancangan telivisyen lain yang turut menyediakan ruang untuk bersoal jawab namun bukan menjadi aktiviti utama. Antara rancangan tersebut ialah rancangan *Halaqah* terbitan TV9, *Bicara Mufti* terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Radio Telivisyen Malaysia (RTM), *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* terbitan RTM, *al-Kuliyyah* terbitan TV3, *Anjakan Paradigma Bersama Dr. Fadzilah Kamsah*, *Bicara Kifayah*, *Rawat Hatinya Bangunlah*, *Ar-Rayyan* dan *Soal Asyraf* terbitan Astro Oasis. Realiti di radio pula menunjukkan kebanyakannya

---

<sup>210</sup>[http://www.muftiwp.gov.my/v1/index.php?option=com\\_content&view=article&id=104&Itemid=152&lang=en](http://www.muftiwp.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=104&Itemid=152&lang=en), dilayari pada 12 Oktober 2010.

<sup>211</sup> Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Jabatan Mufti Negeri Pahang dan Jabatan Mufti Negeri Sarawak, dilayari pada 12 Oktober 2010.

segmen agama yang dikendalikan oleh pihak penyiar turut memberikan ruang waktu untuk pendengar berinteraksi dengan panelis.

Menyentuh mengenai bidang penulisan pula, terdapat beberapa buah akhbar yang menyediakan ruangan soal jawab agama secara ekslusif di dalam akhbar mereka. Akhbar-akhbar yang dimaksudkan ialah akhbar *Berita Harian*, *Harakah*, *Mingguan Warta Perdana*, *Harian Metro* dan *Metro Ahad*. Disamping akhbar yang disebutkan, terdapat juga buku-buku ringan yang khusus berbincang tentang soal jawab agama antara ‘masyarakat’ dan penulis buku. Soalan-soalan di dalam buku tersebut dikatakan mewakili kemusykilan masyarakat tentang persoaln-persoalan agama tertentu kemudian dijawab oleh penulis berdasarkan kehendak penyoal. Berdasarkan observasi penulis, buku-buku dalam *trend* tersebut begitu banyak diterbitkan kini. Walaupun ianya tidak memberi maksud yang sama dengan skop ‘soal jawab agama’ kajian ini, semangat yang dipamer menunjukkan masyarakat memerlukan proses soal jawab agama yang berkualiti dari masa ke masa.

Demikianlah realiti ruangan soal jawab agama di Malaysia. Realiti tersebut direkod pada kajian ini ditulis dan kemungkinan mengalami perubahan adalah amat tinggi dan sukar untuk diramal. Apa yang boleh penulis perkatakan, secara umumnya ruangan-ruangan soal jawab agama yang dinyatakan sebelum ini memang dikendalikan oleh mereka yang mempunyai kefahaman agama. Namun sejauh mana tahap kefahaman mereka terhadap sesuatu isu masih boleh dibincangkan berdasarkan analisis terhadap jawapan-jawapan hukum yang diberikan. Topik berikutnya dalam penulisan ini akan menjurus terus tentang tentang subjek yang menjadi latar belakang kajian ini iaitu akhbar *Harian Metro* dan *Metro Ahad* dan ruangan soal jawab agama yang terdapat di dalamnya.

### **3.3 RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA AKHBAR HARIAN METRO**

Ruangan Soal Jawab Agama akhbar Harian Metro mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri kepada masyarakat di Malaysia. Kepentingan ruangan ini dapat dinilai berdasarkan prospek dan populariti yang dimiliki akhbar Harian Metro, aspek teknikal pengendalian ruangan serta nilai autoriti panelis yang terlibat.

#### **3.3.1 Latar Sejarah Harian Metro Dan Metro Ahad**

Sebelum kita melihat realiti perjalanan dan pengendalian ruangan soal jawab agama yang menjadi bahan utama kajian ini, elok terlebih dahulu penulis melampirkan latar belakang akhbar yang bertanggungjawab menyediakan ruangan tersebut, iaitu akhbar Harian Metro dan Metro Ahad. Walaupun mempunyai nama yang berlainan, kedua-kedua akhbar ini adalah pecahan daripada akhbar utama, iaitu akhbar Harian Metro. Harian Metro untuk terbitan harian, manakala Metro Ahad terbitan khas untuk hari Ahad sahaja.

Akhbar Harian Metro merupakan sebuah akhbar terbitan Kumpulan New Straits Times Press Sdn. Bhd. yang mengalami sejarah penerbitan tersendiri. Menyelusuri sejarah awal penerbitannya, Harian Metro adalah sebuah akhbar petang pertama di Malaysia yang berbentuk tabloid dan diterbitkan khusus kepada warga Lembah Klang sahaja. Majlis pelancaran akhbar ini diadakan pada tepat jam 2 petang, 25 Mac 1991 oleh Tan Sri Dato' Elyas Omar, yang pada ketika itu merupakan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pada waktu itu pesanan cetakan awal akhbar ini mencecah sebanyak 30,000 sehari. Dari segi bilangan hari

keluaran, Harian Metro diterbitkan hanya untuk enam hari seminggu iaitu hari Isnin hingga hari Sabtu.

Walaupun matlamat asalnya pada peringkat awal ialah untuk menyampaikan maklumat bagi penduduk Lembah Klang mengenai peristiwa yang berlaku di Kuala Lumpur dan sekitarnya sahaja, berdasarkan sambutan menggalakkan, Kumpulan NSTP telah mengambil keputusan untuk meluaskan pengedaran akhbar berkenaan ke seluruh Semenanjung. Pada 25 Mac 1992, Harian Metro melancarkan tabloid pagi edisi selatannya di Johor Bahru diikuti pada 16 Mei 1994 untuk edisi Timur. Perluasan penerbitannya diteruskan dengan Harian Metro edisi Utara dan Melaka Negeri Sembilan turut dilancarkan pada tahun yang sama. Terkini, akhbar ini dilancarkan di Sabah dan Sarawak pada 2 Mei 2010 yang lalu.

Berdasarkan permintaan yang tinggi di kalangan pembaca agar Harian Metro diterbitkan untuk edisi Ahad, maka pada hari Ahad 20 Ogos 1995, edisi Ahad pertamanya mula dilancarkan dengan keluaran sulung mencatat sebanyak 100,003 naskhah. Edisi Metro Ahad telah mencatatkan jualan tertingginya sebanyak 482,027 naskhah pada 18 April 2010. Manakala untuk terbitan harian pula, Harian Metro mencatatkan jualan tertingginya pada hari Sabtu, 3 April tahun yang sama dengan jualan mencecah 441, 867 naskhah. Akhbar Harian Metro turut mencatat sejarah apabila perkiraan statistik di awal tahun 2010 menunjukkan purata jualan edisi Ahadnya telah mencecah purata 450 000 naskhah sehari dan edisi hariannya pula sebanyak 400 000 naskhah. Ini adalah rekod jualan akhbar di Malaysia yang belum pernah dicapai oleh mana-mana akhbar di Malaysia. Fakta ini adalah

seiring dengan pengiktirafan terhadap akhbar Harian Metro yang dinobatkan sebagai akhbar harian Bahasa Malaysia nombor satu negara sejak tahun 2007.

Sebenarnya akhbar Harian Metro telah menunjukkan bibit-bibit kejayaan sejak awal penerbitan lagi apabila dalam tempoh 6 tahun telah mencatatkan peningkatan pembaca menjangkau 300 peratus. Selepas 2 tahun penerbitan, Harian Metro berjaya menarik seramai 106 ribu pembaca dan meningkat kepada 519 ribu pembaca pada 1999. Peningkatan itu dikesan berpunca daripada faktor Harian Metro tidak hanya dilanggan oleh pembaca Melayu malah turut diminati oleh bangsa Cina dan India. Keadaan ini juga berlaku kerana banyak faktor lain yang antaranya ialah ianya bersifat mesra masyarakat dan menyajikan maklumat terkini lagi menarik.<sup>212</sup>

Kini, mengikut laporan terakhir yang dikeluarkan oleh And Bureue of Circulations yang bertarikh 30 Jun 2010<sup>213</sup> menunjukkan bahawa akhbar Harian Metro dan Metro Ahad mendahului jauh akhbar-akhbar lain dari segi purata jualan harian. Dari 1.7.009 hingga 30.6.2010, purata jualan harian Akhbar Metro Ahad mencecah 431, 418 naskhah. Manakala Harian Metro ialah sebanyak 378, 354 naskhah sehari. Jumlah jualan yang dicapai oleh kedua-dua akhbar ini adalah jauh lebih tinggi berbanding akhbar-akhbar lain dengan

---

<sup>212</sup> Sumaiyah Ali (2010), *Kes Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia Dalam Harian Metro Pada Tahun 2008/2009: Permasalahannya Dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*, Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 15-17; Laman Web Rasmi NSTP Sdn. Bhd., <http://www.nstp.com.my/Corporate/nstp/aboutus/aboutHistory4.html>, dilayari pada 20 Januari 2010.

<sup>213</sup> The ABC Report, Circulation Figures For The Period Ending 30 June 2010, untuk maklumat lanjut sila lihat, <http://www.abcm.org.my/>

Mingguan Malaysia menjadi saingen terhampir dengan purata jualan sebanyak 372, 163 naskhah.

Rajah 1: Petikan Laporan And Bureue Of Circulations (ABC) Berkanaan Rating

Akhbar Di Malaysia Sehingga 30 Jun 2010.

	01.07.05 to 30.06.06	01.07.06 to 30.06.07	01.07.07 to 30.06.08	01.07.08 to 30.06.09	01.07.09 to 31.12.09	01.01.10 to 30.06.10	01.07.10 to 30.06.10	AVERAGE NET SALES PER PUBLISHING DAY AT PUBLISHED RATES
<b>BAHASA NEWSPAPERS</b>								
Berita Harian (a)	203,704	192,917	192,982	183,187	154,868	166,400	160,597	130,561
Berita Minggu (b)	333,334	305,256	297,950	275,143	230,539	231,925	231,231	218,206
Utusan Malaysia (a)	213,445	197,033	197,952	181,346	169,548	171,582	170,558	157,831
Mingguan Malaysia (b)	483,240	459,793	458,296	413,727	370,421	373,905	372,163	369,177
Kosmo (a)	-	100,798	115,967	129,633	172,253	172,251	172,252	170,488
Kosmo Ahad (b)	-	109,892	120,848	130,375	175,256	176,977	176,116	173,937
Harian Metro (a)	249,575	289,315	324,097	338,552	358,676	398,161	378,354	377,904
Metro Ahad (b)	263,649	314,321	363,319	386,795	405,506	457,331	431,418	430,540
<b>TOTAL</b>	<b>1,746,947</b>	<b>1,969,325</b>	<b>2,071,411</b>	<b>2,038,758</b>	<b>2,037,067</b>	<b>2,148,532</b>	<b>2,092,689</b>	<b>2,028,644</b>
<b>ENGLISH NEWSPAPERS</b>								
New Straits Times (a)	139,468	139,763	136,530	120,770	111,158	107,513	109,341	79,839
New Sunday Times (b)	152,575	153,409	156,910	141,986	131,518	127,591	129,554	102,198
The Star (a)	310,008	309,181	304,904	295,479	286,857	285,960	286,409	258,419
Sunday Star (b)	320,964	322,741	313,609	304,357	295,815	295,290	295,552	276,602
The Edge (b)	21,864	24,043	25,041	23,369	22,641	22,821	22,729	22,566
<b>TOTAL</b>	<b>944,879</b>	<b>949,137</b>	<b>936,994</b>	<b>885,961</b>	<b>847,989</b>	<b>839,175</b>	<b>843,585</b>	<b>739,624</b>

\* Sumber: <http://www.abcm.org.my/>

Dengan laporan tersebut, jelas kepada kita bahawa akhbar Harian Metro dan Metro Ahad paling digemari oleh masyarakat Malaysia dan pemilihan akhbar tersebut sebagai bahan utama kajian adalah begitu relevan dan signifikan.

### 3.3.2 Ruangan Soal Jawab Agama: Akhbar Harian Metro dan Metro Ahad

Ruangan interaktif akhbar Harian Metro diletakkan di bawah bahagian “Tanya Pakar” dan dipecahkan pula kepada dua bahagian iaitu ruangan ‘Anda Musykil Dr. Mashitah Jawab’, dan juga ‘Fikrah Dr. Salam’. ‘Fikrah Dr Salam’ disiarkan pada setiap

hari Jumaat dan ruangan ‘Anda Musykil Dr. Mashitah Jawab’ disiarkan pada setiap hari Ahad. Purata soal jawab agama yang disiarkan dalam ruangan ‘Fikrah Dr Salam’ pada tahun 2010 ialah sebanyak 3 soal jawab berdasarkan jumlah keseluruhan soal jawab berjumlah 176 dibahagikan 58 kali jumaat dalam tahun 2010. Manakala ruangan ‘Anda Musykil Dr Mashitah Jawab’ pula, purata soal jawab yang disiarkan ialah sebanyak 4 soal jawab berdasarkan 194 soal jawab yang telah dijawab dalam 49 kali hari ahad pada tahun 2010.


Ruangan “Fikrah Dr Salam” telah diwujudkan sejak 13 haribulan Oktober tahun 2000. Namun pada awal kewujudannya, ruangan ini diberi nama ‘Soal Jawab Agama’ sehingga pada 11 haribulan Mei tahun 2001, ruangan ini dijenamakan semula kepada nama yang ada sekarang iaitu ‘Fikrah Dr Salam’. Sejak dari awal kelahirannya, Abdul Salam Muhamad Shukri merupakan panelis yang bertanggungjawab menjawab setiap persoalan yang diajukan. Sama seperti Abdul Salam Muhamad, Mashitah Ibrahim adalah panelis ruangan “Anda Musykil Dr Mashitah Jawab” tersebut sejak dari awal penubuhan hingga kini.

Perbezaan yang dapat dilihat sepanjang mereka menjadi panelis ruangan-ruangan tersebut adalah dari segi kerjaya. Sepanjang penglibatan menjawab setiap permasalahan hukum dalam ruangan tersebut, Mashitah Ibrahim telah beberapa kali bertukar kerjaya besar, iaitu daripada seorang Pensyarah di Kuliyyah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) telah bertukar menjadi seorang Ahli Parlimen Malaysia bagi kawasan parlimen Baling, Kedah selepas Pilihan Raya Umum ke-11 yang kemudiannya dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri. Selepas

tidak bertanding pada Pilhanraya Umum ke-12, Mashitah Ibrahim dilantik ke Jawatan Senator di Dewan Negara dan menjadi Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Ini bermakna status kerjaya beliau sentiasa berubah dalam sejarah pengendalian sesi soal jawab dalam akhbar Harian Metro tersebut. Berbeza Abdul Salam Muhamad Shukri, sejak dari awal hingga kini beliau masih lagi bertugas sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Sebenarnya tidak banyak yang penulis boleh perkatakan tentang perjalanan teknikal kedua-kedua ruangan soal jawab agama tersebut kerana perjalannnya terlalu *simple*. Bagi memudahkan pembaca memahaminya, penulis lakarkan perjalanan teknikal tersebut dalam bentuk rajah seperti di bawah:

Jadual 1: Aliran Teknikal Ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro



Berdasarkan rajah di atas, kita dapat melihat bahawa editor ruangan soal jawab akhbar Harian Metro dan Metro Ahad berkenaan memainkan peranan yang penting dalam menentukan beberapa perkara, iaitu; 1) jenis soalan pembaca yang sesuai untuk dijawab oleh panelis, 2) olahan ayat dan persoalan pembaca bagi memudahkan panelis menjawab, 3) jenis soalan dan jawapan yang patut disiarkan dalam akhbar, 4) tajuk soal jawab yang

‘menarik’ disiarkan dalam akhbar. Bagi ruangan ‘Fikrah Dr Salam’, editor yang bertanggungjawab ialah Encik Roslan Ibrahim<sup>214</sup> sebagai Pengarang Rencana Harian Metro. Bagi ruangan ‘Anda Musykil Dr Mashitah Jawab’ pula, editor-editor yang bertanggungjawab ialah Encik Adam Salleh<sup>215</sup> selaku Pengarang Rencana Metro Ahad. Kedua-dua editor terbabit diketuai oleh Encik Johari Mohd<sup>216</sup> sebagai Pengarang Eksekutif (Rencana).

Menyentuh jadual aliran pemprosesan teknikal soalan dan jawapan dalam dua ruangan tersebut, kesemua soalan adalah diperolehi daripada surat atau email pembaca. Soalan-soalan tersebut disimpan dalam bank soalan dan kemudiannya disunting oleh editor mana-mana bahagian yang perlu untuk tujuan memudahkan panelis menjawabnya. Soalan dihantar kepada panelis tidak mengikut waktu tertentu tetapi berdasarkan keperluan yang difikirkan perlu oleh pihak editor. Kemudian panelis diberikan waktu untuk menjawabnya dan menurut Abdul Salam Muhamad Shukri,<sup>217</sup> tempoh beliau menjawab juga tidak menentu, tetapi berdasarkan kelapangan yang beliau miliki. Soalan-soalan yang telah dijawab kemudiannya dihantar semula kepada pihak editor untuk disiarkan. Namun, penyiaran sesuatu jawapan tidaklah mengikut minggu soalan yang dihantar dan dijawab, tetapi bergantung kepada pihak editor. Pihak editor akan menyiaran persoalan dan jawapan yang difikirkan bertepatan dengan kehendak pembaca minggu tersebut melalui

---

<sup>214</sup> Encik Roslan Ibrahim boleh dihubungi di lann@hmetro.com.my.

<sup>215</sup> Encik Adam Salleh boleh dihubungi di adam@hmetro.com.my.

<sup>216</sup> Encik Johari Mohd boleh dihubungi di joe@hmetro.com.my.

<sup>217</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, Prof. Madya di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Mazhab, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiann, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temubual pada 21 Januari 2011.

variasi jawapan, misalnya persoalan berkaitan puasa dilebihkan pada bulan Ramadan dan sebagainya.<sup>218</sup>

Apabila ditanyakan soalan mengenai campur tangan pihak luar serta maklum balas daripada pihak pembaca, Abdul Salam Muhamad Shukri menyatakan sepanjang beliau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, belum ada lagi campur tangan pihak luar yang menganggu konsentrasi tugas beliau. Maklum balas yang diterima juga positif melainkan satu maklum balas orang awam yang tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian yang dikemukakan. Ketidakpuasan hati orang tersebut kemudiannya diselesaikan oleh pihak Harian Metro sendiri.<sup>219</sup> Bagi Mashitah Ibrahim pula, walaupun terdapat sesetengah jawapan hukum yang beliau berikan mengundang polemik,<sup>220</sup> umumnya keseluruhan jawapan hukum yang diberikan adalah diterima dengan baik oleh masyarakat.<sup>221</sup> Namun, kapasiti beliau sebagai ahli politik serta pendakwah terkenal membuatkan Mashitah Ibrahim lebih terdedah kepada ruang kritikan umum yang lebih meluas berbanding Abdul Salam Muhamad Shukri.

Rumusannya, perjalanan teknikal ruangan soal jawab agama ‘Fikrah Dr Salam’ dan ‘Anda Musykil Dr Masyitah Jawab’ tidak berhadapan masalah yang boleh dianggap kritikal, tetapi hanya beberapa masalah kecil sampingan yang boleh diatasi dengan mudah. Persoalan-persoalan yang diajukan memang benar-benar daripada realiti masalah yang

---

<sup>218</sup> Roslan Ibrahim, Pengarang Rencana Akhbar Harian Metro. Temubual pada 25 Januari 2011.

<sup>219</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, *ibid.*

<sup>220</sup> Fatwa kontroversi Mashitah Ibrahim yang menghukum dimaafkan wanita menjual diri akibat ‘darurat’, rujuk Harian Metro, 19 Jun 2005, h. 38.

<sup>221</sup> Roslan Ibrahim, *op. cit.*

berlaku di kalangan masyarakat dan jawapan yang diberikan adalah benar-benar jawapan yang dikemukakan oleh kedua-dua panelis tersebut.

### **3.5 LATAR BELAKANG PANELIS**

Panelis ruangan soal jawab agama berperanan menggantikan tugas mufti sebagai tempat rujukan masyarakat yang menghadapi permasalahan hukum. Oleh yang demikian, seseorang panelis perlu mempunyai kelayakan yang sewajarnya dalam bidang hukum hakam Islam agar jawapan yang diberikannya tidak terpesong daripada kehendak sebenar agama. Dalam sub topik ini, penulis akan membincangkan tentang latar belakang akademik kedua orang ahli panelis terbabit bagi menggambarkan nilai sebenar kepakaran mereka.

#### **3.5.1 Prof. Madya Dr. Abdul Salam Muhamad Shukri**

Abdul Salam @ Zulkifli bin Muhammad @ Muhamad Shukri merupakan Prof. Madya di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Mazhab, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur. Beliau dilahirkan pada 1 haribulan Ogos 1966 dan berasal dari Kadok, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Ayah kepada tujuh orang anak ini mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Kadok, Kota Bharu, Kelantan dari tahun 1973 hingga 1978. Pengajian Peringkat Menengah beliau pula bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Falahiah, Pasir Pekan, Kelantan dari tahun 1979 hingga 1981 sebelum melanjutkannya ke Kolej Islam Klang dari tahun 1982 hingga 1983.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Abdul Salam Muhamad Shukri bermula di Pra Akademi Islam, Akademi Islam, Universiti Malaya dari tahun 1984 hingga 1986 sebelum melanjutkannya di Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin pada tahun 1990. Tidak terhenti setakat peringkat Sarjana Muda, Abdul Salam Muhamad Shukri kemudiannya meneruskan pencarian ilmunya ke luar negara. Pengajian peringkat Sarjana diteruskan di University of St. Andrews, Scotland, United Kingdom pada tahun 1992 dan telah berjaya memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang persuratan Islam pada tahun 1994. Pengajian beliau diteruskan lagi di universiti yang sama dalam pengajian peringkat Doktor Falsafah. Kali ini pengkhususan beliau ialah dalam bidang pemikiran Islam. Berkat azam dan usaha gigih, Abdul Salam Muhamad Shukri akhirnya berjaya menamatkan pengajiannya itu pada tahun 1997.

Menyentuh mengenai latar belakang kerjaya, Abdul Salam Muhamad Shukri memulakan kerjaya sebagai Pensyarah Pengajian Islam di Pusat Pendidikan Persediaan (PPP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dari tahun 1990 hingga 1992. Selepas tempoh tersebut, beliau bertukar lokasi kerjaya sebagai Pembantu Pensyarah di Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan (IRK), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Dalam tempoh bertugas, beliau menyambung pelajaran peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Scotland, United Kingdom. Jawatan sebagai Pembantu Pensyarah beliau berakhir pada tahun 2000 apabila beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Professor di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, IRK, UIAM. Dalam tempoh hampir 10 tahun beliau memegang portfolio sebagai Pembantu Professor, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Awam, IRK, IIUM dari tahun 2004 hingga 2006. Akhirnya pada tahun 2010, Dr Abdul Salam sekali lagi dinaikkan pangkat jawatan Professor Madya

di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, IRK. Jawatan tersebut beliau sandang sehingga kajian ini ditulis.

Sepanjang pengalaman Abdul Salam Muhamad Shukri dalam bidang akademik, beliau banyak menyumbang daya intelek dalam kajian-kajian peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau aktif menulis kertas kerja, artikel, pembimbing dan penyemak kajian peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah disamping terlibat dalam kajian projek universiti dan luar universiti. Bagi melihat dengan lebih dekat sumbangan yang beliau lakukan, *Curriculum Vitae* (CV) beliau dilampirkan bersama dalam bahagian lampiran kajian ini.

### **3.5.2 Senator Dato' Dr. Mashitah Binti Haji Ibrahim**

Mashitah binti Haji Ibrahim merupakan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Ibu kepada empat orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan Abdul Shukor Abu Bakar ini dilahirkan pada 19 Oktober 1964 di Alor Setar, Kedah Darul Aman. Pendidikan awal peringkat rendah beliau bermula di Sekolah Rendah Sultanah Asma, Alor Setar. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Sekolah Taufiqiah Pondok Shaikh Yahaya Junaid, Padang Lumat sebelum menyambung pelajaran peringkat menengahnya di Maktab Mahmud, Jalan Langgar, Alor Star.

Pengajian peringkat tinggi Mashitah Ibrahim bermula di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Pada tahun 1987 beliau telah berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Tafsir dan Hadis. Seterusnya beliau menyambung pengajian peringkat Ijazah

Sarjana pula di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang ‘*Revealed Knowledge and Heritage*’ dan selesai diijazahkan pada tahun 1992. Pada tahun yang sama, Mashitah Ibrahim terus menyambung pelajarannya ke peringkat Doktor Falsafah. Kali ini beliau memilih Universiti Kaherah, di Kaherah, Mesir. Hasil usaha keras beliau, Mashitah Ibrahim diiktiraf memperolehi Ijazah Kedoktoran Kelas Pertama Universiti Kaherah pada tahun 1997 dalam pengkhususan Tafsir dan Hadis.

Semasa bertugas sebagai Pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), jawatan terakhir yang disandang oleh Mashitah Ibrahim ialah Penolong Professor di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam. Bermula detik tersebut, beliau amat popular di kalangan masyarakat kerana banyak terlibat dalam program-program-program keagamaan seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan al-Kulliyyah. Selain itu, beliau juga banyak menghasilkan rencana dan penulisan berkaitan dengan kemosykilan agama, kaunseling serta motivasi di beberapa buah akhbar dan majalah tempatan.<sup>222</sup>

Mashitah Ibrahim juga aktif dalam bidang politik dan sosial. Beliau merupakan Ketua Wanita UMNO (United Malayan National Organization) Bahagian Baling setelah mengalahkan pencabarinya pada persidangan UMNO Bahagian pada 1 November 2008.<sup>223</sup> Dalam Pilihan Raya Umum 2004 beliau telah berjaya mengalahkan lawannya, Taib Azamudden Md Taib dari PAS (Parti Islam SeMalaysia) dengan majoriti 4,229 undi. Taib

---

<sup>222</sup> Muhamad Nasir Ambotuwo (ed.) (2005), *Wakil Pilihan Rakyat : Direktori Ahli Dewan Rakyat & Ahli Dewan Undangan Negeri 2004-2009*, Kuala Lumpur: Kaedah Kota Management Sdn. Bhd, h. 35.

<sup>223</sup> Lihat <http://www.umnobaling.com.my/senarai/umno-bahagian-baling/wanita-umno-bahagian-baling>, dilayari pada 2 Januari 2011.

Azamudden Md Taib merupakan bekas imam Masjid Negara, Kuala Lumpur. Selepas menang pilihan raya tersebut, pada 27 Mac 2004, beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Beliau mengangkat sumpah memegang jawatan pada 31 Mac 2004. Seterusnya, pada 14 Februari 2006 beliau telah berjaya mengekalkan kedudukan sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri walaupun berlaku rombakan kecil kabinet. Selain portfolio tersebut, beliau juga pernah menganggotai Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.<sup>224</sup> Kini, Mashitah Ibrahim merupakan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.<sup>225</sup>

Sebagai menghargai sumbangan dan jasanya sebagai pendakwah dan penggiat masyarakat, pada 24 Oktober 2000, Mashitah Ibrahim telah dianugerahkan beberapa pingat kebesaran. Antaranya ialah pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' daripada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Seterusnya pada 20 Januari 2007 beliau telah dianugerahkan pingat Dato' Setia DiRaja Kedah (DSDK) juga yang membawa gelaran Dato', kali ini daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.<sup>226</sup>

---

<sup>224</sup> Muhamad Nasir Ambotuwo (ed.), *op. cit.*

<sup>225</sup> Mashitah Ibrahim kini boleh dihubungi di Pejabat Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, email: mashitah.pmo.gov.my.

<sup>226</sup> Laman Web Rasmi Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, <http://www.pmo.gov.my/mashitah/> dilayari pada 2 Januari 2011.

### **3.6 KESIMPULAN**

Dengan tidak menafikan sumbangan dua ruangan agama kelolaan akhbar Harian Metro ini memerlukan kajian lain yang lebih mendasar, penulis menyimpulkan dapatan bab ini mendapati media massa khususnya akhbar memainkan peranan yang cukup signifikan kepada masyarakat. Peluang ini harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh semua pendakwah lebih-lebih lagi panelis ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro kerana statusnya sebagai akhbar nombor satu di Malaysia. Perjalanan teknikal ruangan tersebut berjalan lancar mengikut prosedur tertentu tetapi memberikan kebebasan kepada panelis untuk menyajikan jawapan hukum terbaik dari kaca mata Islam. Kelayakan dan pengalaman kedua orang panelis juga memberikan gambaran keautoritian jawapan hukum yang diberikan. Namun, sejauh mana metode yang mereka gunakan bertepatan dengan neraca pengeluran hukum dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*, bab berikut kajian ini akan menganalisisnya dengan lebih terperinci.

## **BAB 4:**

### **ANALISIS TERHADAP METODE JAWAPAN HUKUM DALAM RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA AKHBAR HARIAN METRO TAHUN 2010**

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Berdasarkan latar belakang subjek kajian, perjalanan teknikal dan responden yang terlibat seperti yang diterangkan penulis sebelum ini, ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro dilihat bukan sekadar ruangan biasa dalam akhbar tetapi sarat dengan jawapan-jawapan hukum yang berkualiti, berautoriti serta mampu memberikan impak yang besar kepada masyarakat pembaca. Namun bagi memastikan ruangan tersebut benar-benar menepati jangkaan, satu analisis kritis dan komprehensif perlu dilakukan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, penulisan dalam bab ini akan membincangkan hasil analisis yang telah dilakukan penulis terhadap keseluruhan soalan-soalan serta jawapan-jawapan hukum yang telah disiarkan dalam akhbar berkenaan sepanjang tahun 2010. Analisis yang dilakukan penulis adalah tertumpu kepada dua skop yang utama. Skop analisis yang pertama adalah dengan melihat kepada pembahagian bidang-bidang persoalan hukum dan sumber rujukan atau *al-marāji`* yang digunakan oleh kedua-dua panelis manakala skop analisis yang kedua adalah dengan melihat sejauh mana para panelis tersebut menepati metode asas berfatwa seperti yang telah dibincangkan penulis dalam bab 2 kajian ini.

## **4.1 ANALISIS JAWAPAN HUKUM**

Analisis jawapan hukum bertujuan untuk mengenal pasti *masā'il fiqhīyyah* umat Islam semasa serta bagaimakah metode *istinbāt* yang diamalkan oleh para penelis dalam menjawabnya. Penulis membahagikan skop analisis kepada 2 bahagian. Bahagian pertama melihat pembahagian bidang persoalan masyarakat manakalah bahagian kedua pula menilai sumber-sumber jawapan hukum yang digunakan oleh kedua-dua panelis.

### **4.1.1 Pembahagian Bidang**

Seperti yang telah penulis nyatakan dalam bab yang lepas, hasil penelitian terhadap jawapan hukum yang disiarkan sepanjang 2010 mendapati bahawa terdapat sebanyak 370 jawapan hukum telah disiarkan di kedua-dua ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro. 176 jawapan hukum disiarkan dalam rungan ‘Fikrah Dr Salam’, dan sebanyak 194 jawapan hukum telah disiarkan dalam rungan ‘Anda Musykil Dr Mashitah Jawab’. Jawapan-jawapan yang disiarkan adalah meliputi keseluruhan 12 bulan sepanjang tahun 2010. Berikut adalah senarai keseluruhan persoalan soal jawab agama akhbar Harian Metro sepanjang tahun 2010:

**Jadual 2: Persoalan Hukum ‘Fikrah Dr Salam’ Tahun 2010**

<b>Bulan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bil.</b>	<b>Persoalan Hukum</b>	<b>Persoalan Sampingan</b>
Januari	1	1	Terlanjur Sebelum Berkahwin	Anak Tak Sah Taraf
		2	Wanita Bujang Melakukan Onani	Mandi Wajib
		3	Memakai Cincin Emas Putih, Platinum Dan Suasa	
	8	1	Status Wuduk Ibu Sentuh Anak Belum Khatan	Bawa Anak Belum Khatan Ke Masjid
		2	Setubuhi Isteri Belum Mandi Wajib	
		3	Lelaki Gay Mahu Bertaubat	

		4	Jatuh Cinta Teruna 20-An	Suami Tidak Memberikan Nafkah
	15	1	Gadis Berusia Belum Temui Jodoh	
		2	Bayar Hutang Hasil Judi	
		3	Wandi Wiladah Dan Mandi Wajib	
		4	Berpeluk Bukan Muhrim	Zina
	22	1	Lazaf Talak Main-Main	
		2	Solat Subuh Tidak Baca Qunut	
		3	Ipar Datang Rumah Tanpa Pengetahuan	
		4	Korban Atas Nama Si Mati	
		5	Hukuman Zina	Gugur Kandungan
	29	1	Lelaki Homoseksual	Keluarga Restu Hubungan Sonsang
		2	Batas Aurat Suami Isteri	
		3	Beli Cincin Kahwin Guna Kad Kredit	Pinjam Duit Untuk Kahwin
		4	Bela Anjing Untuk Bermanja	
Februari	5	1	Buah Hati Pernah Berzina	Memilih Jodoh
		2	Solat Jamak Dan Qasar	
		3	Hendak Kahwin Untuk Elak Zina Tapi Belum Ada Wang	Nikah Gantung
		4	Makna Makmum Dan Masbuk	
		5	Hendak Kahwin Lari Di Thailand	Tidak Cukup Wang, Tentangan Keluarga
	12	1	Keturunan Syed/Syarifah	Kufu
	19	1	Simpan Seluar Dalam Dan Coli Perempuan Lain	
		2	Perniagaan Karaoke	
		3	Lambang Allah Dan Muhammad Dipakai Orang Bukan Islam	Bawa Masuk Ke Tandas
		4	Tawan Suami Dengan Seri Muka Dan Pengasih	
	26	1	Minum Air Ketum	
		2	Masuk Tahiyat Akhir Solat Jumaat	
		3	Pakai Baju Bergambar Artis, Jersi Bola Ketika Solat	
Mac	5	1	Wali Fasiq	Zina Dengan Anak
		2	Cara Terbaik Bayar Zakat	
		3	Hiasan Gambar Manusia, Patung Dan Objek Lukisan	
	12	1	Gadis Melakukan Onani	Cara Elak Nafsu
		2	Siram Air Yasin Pada Kereta Baru	
		3	Cerai Isteri Curang	
		4	Bertaruh Belanja Makan	
	19	1	Kahwin Wanita Yang Pernah Disetubuhi	Tentangan Keluarga
		2	Mandi Wajib Dua Kali	Onani
		3	Bukan Islam Mahu Belajar Al-Quran	
	26	1	Inai Berbentuk Lukisan	
		2	Siapa Yang Bertanggungjawab Tanggung Biaya <i>Walimah</i>	
		3	Gitar Dan Alatan Muzik	Batas Hiburan
		4	Beza Nafsu Berahi Dan Syahwat	Orang Berpuasa Keluar Mani Atau Mazi
April	2	1	Berkahwin Ketika Mengandung	
		2	Guna Kasut Kulit Babi	
	9	1	Makan Makanan Sembahan Berhala	

		2	Cara Mandi Wajib	
	16	1	Maksud Zina	Berpeluk, Bercium, Berkhalwat
		2	Guna Wang Hantaran Untuk Beli Barang Perkahwinan	
		3	Jampi Suami Dengan Sihir	
		4	Solat Isyak Pukul 5.30 Pagi	
	23	1	Wali Anak Hasil Zina	Kiraan Bulan Anak Sah Taraf
		2	Tunai Haji Dengan Wang Pinjaman	
		3	Suami Homoseks	Tekanan Seksual Isteri
		4	Pinggan Kena Daging Babi	
	30	1	Bercinta Sebelum Kahwin	
		2	Janji Talak Selepas Bersalin	Berhubung Dengan Kekasih Lama
		3	Membaca Al-Quran Dengan Tafsir	
		4	Samak Tempat Dilalui Anjing	
Mei	7	1	Beza Air Mani Dan Air Mazi	Bila Wanita Wajib Mandi Wajib
		2	Batang Ubi Kayu Disondol Babi	
		3	Ber'bin'kan Bukan Ayah Sebenar	
		4	Percampuran Tempat Simpanan Makanan Halal Dan Tidak Halal	
	14	1	Perkiraan Zakat Pendapatan	
		2	Pelaburan ASB Dan ASN	Wang Syubhah
		3	Terkencing Ketika Mandi Wajib	
		4	Suami Ketagih Laman Web Lucah	
	21	1	Cara Solat Orang Yang Sering Keluar Air Mazi	
		2	Mempersenda Fizikal Orang Lain	
		3	Wanita Haid Ajar Al-Quran	Wanita Haid Baca Al-Quran
	28	1	Gadis Sunti Bayang Perlakuan Seks Dengan Lelaki	Onani
		2	Suami Isteri Tidak Melakukan Hubungan Intim Dalam Tempoh Yang Lama	
		3	Lelaki Pakai Gelang Kaki	
		4	Tinggal Bersama Dengan Suami Murtad	Kedudukan Isteri Dan Anak
Jun	4	1	Doa Antara Dua Khutbah	
		2	Solat Imam Penzina	
		3	Pembahagian Pusaka Si Mati	Sengketa Keluarga
		4	Tinggal Sebumbung Tanpa Nikah	
	11	1	Isteri Haid Melakukan Onani Untuk Suami	
		2	Dengar Suara Buruk Ketika Azan	
		3	Cerita Kisah Zina Silam Kepada Bakal Suami	
		4	Tidak Percaya Lelaki Selepas Dikecewakan	
	18	1	Suami Halang Isteri Hubungan Hubung Keluarga Bekas Suami	
		2	Cara Mandi Wajib	
		3	Penzina Jadi Wali	
		4	Lafaz Talak Bersyarat	
	25	1	Gantung Gambar Kenangan	
		2	Ubat Pil Ekstrak Plasenta Kambing Biri-Biri	

		3	Barangan Kategori ‘Imitation Pig Skin’	
		4	Terganggu Dosa Silam Berzina Dengan Dua Isteri Orang	
Julai	2	1	Tempoh Qada’ Puasa	Fidyah
		2	Perselisihan Pendapat Suami Isteri Bersentuhan Ketika Ada Wuduk	
		3	Solat Qada’	
		4	Takut Mati Dalam Keadaan Berhutang	
	9	1	Suami Cinta Isteri Orang, Enggan Cerai, Tidak Beri Nafkah	
		2	Terpaksa Makan Makanan Diragui Halal	
		3	Geli Digeletek Sehingga Keluar Air Mazi	
	16	1	Suami Selalu Ugut Dengan Cerai	
		2	Cara Melakukan Tayammum	
		3	Lelaki Bujang Keluar Mani Dengan Cara Gesel Kepada Benda Lembut, Bukan Tangan	
		4	Ibu Hina Kekasih Gemuk	
	23	1	Cara Mandi Wajib Kaki Bersimen	
		2	Ayah Cabul Diri Jadi Wali	
		3	Mimpi Benar, Mimpi Mainan Dan Mimpi Jahat	
		4	Pendermaan Organ	
		5	Pakai Kanta Lengkap Ketika Berpuasa	
	30	1	Masukkan Zakar Tiruan Ke Dalam Dubur Sendiri	
		2	Tahan Kentuk Ketika Solat	
		3	Nama Baik Untuk Anak	
		4	Bercerai Kemudian Bersetubuh Tanpa Lafaz Atau Niat Rujuk	Hak Rujuk
Ogos	6	1	Bercinta Sebelum Kahwin	Bercinta Dalam Islam
		2	Dihantui Dosa Silam Gugurkan Anak	
		3	Solat Umat Islam: Pelbagai Mazhab	
		4	Bersetubuh Siang Bulan Ramadan	Kifarat Dan Qada’
	13	1	Tanda Ajal	
		2	Nikah Tanpa Wali Disebabkan Jauh	
		3	Keliru Niat Mandi Wajib Selepas Haid Dan Selepas Melakukan Seks	
	20	1	Kewajipan Zakat Fitrah Tidak Luput	
		2	Hutang Kepada Ayah Yang Sudah Meninggal	
		3	Lihat Gambar Dan Bercerita Lucah Ketika Berpuasa	
	27	1	Tangguh Mandi Wajib Dari Malam Hingga Lepas Waktu Zuhur	
		2	Tidak Pernah Bersolat, Berpuasa Dan Pernah Berzina Ingin Insaf	Pertunangan
September	3	1	Solat Hajat Dan Doa Untuk Orang Sukai Diri	‘Senyap Tanda Setuju’
		2	Wuduk Rambut Berminyak	
		3	Was-Was Pakaian Basuhan Kedai Dobi	
		4	‘Masjid Terasa Sempit’	
	10	1	Suami Masukkan Jari Ke Dalam Kemaluan Isteri Ketika Bulan Puasa	

		2	Berzina Tiga Kali Di Bulan Ramadan Sebelum Kahwin	Kifarah
	17	1	Puasa Wanita Hamil 8 Bulan	
		2	Video Malaikat Turun Atas Kaabah	
		3	Solat Hajat Sebelum Memulakan Perjalanan	Waktu Solat Hajat
		4	Suami Isteri Tidak Berpuasa Lakukan Jimak Pagi Ramadan	
	24	1	Talak 3 Menggunakan SMS	
		2	Status Puasa Orang Berjimak Selepas Waktu Imsak	
		3	Hutang Bank Untuk Berkahwin Dan Langsaikan Hutang	
Oktober	1	1	Talak Dengan Lafaz Kinayah	
		2	Tujuan Air Tanah Untuk Samak	
		3	Nafkah Terhadap Anak Isteri Kahwin Lain	
	8	1	'Cina Buta'	Nazar
		2	Wanita Pernah Berzina Ingin Cepat Kahwin Untuk Elak Berzina Dengan Pasangan Baru	
		3	Pemuda Hindu Hendak Tahu Cara Peluk Islam	
	15	1	Bimbang Bukan Islam Salah Guna Istilah Agama Islam	
		2	Tarian Dan Mengajar Menari	
		3	Tidur Sekali, Menyentuh Kemaluan Teman Wanita Menggunakan Jari	Batas Zina
		4	Imam Orang Cacat Anggota	Syarat-Syarat Imam
	22	1	Keutamaan Antara Suami Yang Menghina Ibu Dan Ibu Yang Kasar Terhadap Suami	
		2	Detik Hati Untuk Bercerai	
		3	Simpan Gambar Teman Wanita Dalam Dompet	
		4	Qada' Sembahyang Fardu Dengan Menjadi Makmum Sembahyang Sunat	Syarat Solat Jemaah
	29	1	Gadis Terlanjur Takut Untuk Menjalinkan Hubungan Dan Berkahwin	
		2	Solat Tidak Dapat Mencegah Melakukan Maksiat, Cara Terbaik Taubat Dari Menyetubuhi Isteri Yang Sedang Haid	
		3	Solat Dengan Pakaian Tentera Yang Kotor Dengan Lumpur Dan Tanah	Solat Jamak Dan Qasar
November	12	1	Kepala Zakar Di Pintu Faraj Tanpa Tusukan, Cara Berkahwin	
		2	Tidak Niat Rujuk Tetapi Tidur Sama	
		3	Nama Berunsur Kemewahan Dan Nasib Yang Baik Untuk Anak	
	19	1	Suami Tidak Izin Isteri Balik Kampung Ketika Mengandung 8 Bulan	
		2	Isteri Ingin Berpisah Dengan Suami Muallaf Yang Mati Pucuk Kritikal Dan Suka Minum Arak, Jalin Hubungan Dengan Lelaki Lain, Harap Suami Mati	Zina
	26	1	Khatan Budak Perempuan	

		2	Hubungan Datuk Dengan Cucu Isteri Baru	Pusaka
		3	Aqiqah Untuk Anak Angkat	
Disember	3	1	Rujuk Tanpa Saksi	
		2	Kesan ‘Gigitan Cinta’ Masih Ada Ketika Solat	Syarat Sah Solat
		3	Beza Harta Sepencarian Dan Nafkah	
	10	1	Suami Bercinta Dan Berzina Dengan Perempuan Kenalan Facebook	
		2	Pasangan Pelajar Bergelut Kekang Nafsu Akibat Tidak Dibenarkan Keluarga Untuk Berkahwin	
		3	Rakan Serumah Jalin Hubungan Sejenis	
	17	1	Nikah Mut’ah	Undang-Undang Malaysia Berkaitan Mut’ah
		2	Onani Dengan Tilam, Tangan Isteri Ketika Haid	
		3	Sering Menggeletar Takutkan Mati	
		4	Batas Pergaulan Pasangan Sebelum Kahwin	
	24	1	Berzina Dengan Abang Kandung Ketika Berusia 9 Tahun	Cara Menghadapinya
		2	Ibu Tua Tidak Hiraukan Kebersihan Ketika Solat	Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa
		3	Suami Letak Taklik Kepada Isteri Curang	
	31	1	Anak Luar Nikah Ingin Berkahwin	
		2	Mandi Hadas Besar Tanpa Wuduk	
<b>Jumlah</b>		<b>176</b>		

Jadual 3: Persoalan Hukum ‘Anda Musykil Dr Mashitah Jawab’ Tahun 2010

Bulan	Tarikh	Bil.	Persoalan Hukum	Persoalan Sampingan
Januari	10	1	Sepakat Serah Semua Harta Tinggalan Arwah Ayah Kepada Ibu	
		2	Tempat Miqat Umrah	
		3	Penentuan Hutang Atau Bantuan	
		4	Suami Mendera Isteri Dan Anak, Suka Melakukan Maksiat	
	17	1	Keperluan Samak Rumah Dan Barang Yang Disewa Dari Bukan Islam	
		2	Bedah Tambah Size Punggung	
		3	Gaji Isteri Milik Mutlak Isteri	
		4	Isteri Curang Kerana Sering Bergaduh Dengan Suami	
	24	1	Tidak Mahu Tinggal Serumah Dengan Madu	
		2	Cara Tunaikan Nazar Yang Terlupa	
		3	Jual Barang Tempahan Melebihi Harga Belian	
		4	Taklif Orang Bisu Dan Pekak	
	31	1	Ikatan Rahim Wanita Yang Telah Meninggal	

		2	Solat Jamak Jika Terperangkap Dalam Kesesakaan Lalu Lintas	
		3	Ubat Niat Sedekah	
		4	Isteri Ada Empat Orang Anak Tetapi Curang	
Februari	7	1	Kahwin Di Selatan Thailand Tanpa Pengetahuan Keluarga, Ingin Nikah Kali Kedua Secara Pura-Pura Di Malaysia	
		2	Ibu Muallaf Tukar Ke Agama Asal	
		3	Kulit Bangkai Haiwan Yang Telah Disamak	
		4	Cukur Bulu Kening Dan Bulu Mata Palsu	
	14	1	Suami Cerai Isteri Menggunakan SMS Dengan Paksaan Isteri Kedua	
		2	Susuk Emas Dan Emas Kosmetik	
		3	Ibadah Korban Untuk Si Mati	
		4	Nama Di Atas Batu Nisan Dan Yakjuj Makjuj	
	21	1	Wanita Hamil Ziarah Kubur Anak	
		2	Fidyah: Anggaran Hari, Bayar Dengan Wang Pinjaman	
		3	Cerai Isteri Atas Desakan Ibu, Rujuk Dengan Bercium Dan Lain-Lain Tanpa Hubungan Kelamin	
		4	Syafaat Bayi Yang Meninggal Dunia	
	28	1	Nafkah Isteri	
		2	Riba Pekerja Bank	
		3	Wasiat Bercanggah Dengan Islam	
		4	Telur Tidak Dibasuh Sebelum Masak	
MAC	7	1	Status Rumah Belian Anak Untuk Ibu Bapa, Barang Perabot	Roh Ibu Bapa Balik Rumah
		2	Status Kakak Kahwin Dengan Bukan Islam Dan Dikurniakan Anak-Anak	
		3	Dosa Biar Kawan Terus ‘Gay’	Doa Perkara Dosa
		4	Maksud Mati ‘Husnul Khatimah’	
	14	1	Anak-Anak Tidak Mahu Menjaga Ibu	Kewajipan Anak Perempuan Menjaga Ibu Hilang Dengan Berkahwin
		2	Tidak Bernafsu Kepada Wanita Untuk Berkahwin	Bernafsu Dengan Lelaki
		3	Pusaka Dari Ibu Bapa Bukan Islam	
		4	Antara Suami Atau Ibu	
	21	1	Solat Orang Yang Selalu Terkentut	
		2	Syarat Keluar Zakat	
		3	Terima Harta Ibu Angkat	
		4	Isteri Letak Syarat Tidak Mahu Mengadakan Hubungan Kelamin Jika Suami Tidak Mahu Bersolat	
	28	1	Daging Korban Diberikan Kepada Bukan Islam, Aqiqah Dari Daripada Daging Korban	
		2	Nazar: Orang Paling Kedekut Dengan Allah	
		3	Pinggan Tulang Haiwan	
		4	Bekerja Tanpa Izin Suami, Nusyuz,	

			Sengaja Nusyuz	
April	11	1	Ibu Diceraikan Melahirkan Dua Orang Anak Luar Nikah Dan Tinggal Bersama Lelaki Bukan Muhrim	Ibu Tempat Berlindung
		2	Suami Suka Melihat Video Lucah	Hak Isteri
		3	Aqiqah Dan Kenduri Kahwin Serentak	
		4	Kaedah Uruskan Jenazah Tidak Sempurna	
	18	1	Membaca Tahsil	Sumbang Pahala Kepada Si Mati
		2	Bayar Zakat Pendapatan Suami Tanpa Pengetahuan	
		3	Gay Prihatian Hukum	
		4	Upah Ajar Agama	
	25	1	Ibu Tuduh Anak Dan Suaminya Selalu Mencuri Berdasarkan Kata Bomoh	Suami Larang Berhubung Dengan Keluarga
		2	Hak Harta Pusaka	
		3	Anak Angkat Hidup Didera	
		4	Upah Orang Khatam Al-Quran Untuk Si Mati	
Mei	2	1	Ucapan Talak Bersyarat	Guna Bomoh
		2	‘Tiga Kali Suci’ Untuk Perempuan Yang Bercerai	Bersetubuh Dalam Tempoh Iddah Tanpa Niat Rujuk
		3	Susu Anak Susuan Dengan Susu Formula, Susu Badan Yang Diperah Alat	Bayi Disusukan Kakak Angkat
		4	Kerja Terlibat Dengan Loteri	
	9	1	Arwah Ayah Berhutang Mas Kahwin Dengan Ibu	Ibu Mencuri Duit Anak
		2	Ibu Taksud Kepada Bomoh	
		3	Kalimah ‘Allah Muhammad’ Pada Pakaian Seragam	
		4	Bekerja Sebagai Pemuzik Pancaragam Untuk Majlis Kematian Orang Bukan Islam	
	16	1	Suami Hilang Ingatan	Jika Suami Sembuh Dari Ingatan Yang Hilang
		2	Isteri Curang Bersekeduan Dengan Lelaki Lain	Tanggungjawab Cegah Kemungkaran
		3	Jabatan Pendaftaran Tidak Mahu Mengesahkan Status Anak, Jabatan Agama Islam Tidak Mahu Mengesahkan Status Perkahwinan	
		4	Tanggungjawab Anak, Suami Isteri Dan Menantu Terhadap Ibu Bapa Atau Mertua	
	23	1	Suami Jalinkan Hubungan Intim Dengan Isteri Rakan	Keluarga Mentua Tidak Percaya Cerita Isteri
		2	Terima Harta Ibu Bapa Bukan Islam	
		3	Suami Tinggalkan Isteri Kerana Tiada Darah Dara	Ujian Dara
		4	Status Perkahwinan	
	30	1	Arwah Ayah Hutang Orang Bukan Islam	
		2	Teman Serumah Tidak Mahu Solat	
		3	Ayat Pelembut Hati Wanita	
		4	Sembunyi Dosa Suami Rogol Anak Dan Kaki Perempuan	

			Haiwan Masuk Syurga	
		2	Tok Siak Mulut Celupar	
		3	Suami Isteri Mandi Wajib Selepas Waktu Imsak	Terlupa Bayar Zakat Fitrah
		4	Isteri Ketiga Menanggung Beban Sara Keluarga	
	13	1	Kadar Nafkah Suami	Fitnah Bekas Suami, Buka Aib Di Mahkamah
		2	Ustaz Minat Layari Laman Web Lucah	
		3	Rogol Isteri Dalam Tempoh Iddah	Isteri Berzina Dengan Lelaki Lain
		4	Masukkan Alat Kelamin Palsu Ke Dalam Dubur Isteri	
	20	1	Mandi Bunga Buang Sial	
		2	Status Nazar Ambil Anak Angkat Jika Tidak Berkahwin	
		3	Status Perkahwinan Guna Wali Tidak Ikut Tertib	
	27	1	Lafaz Cerai Taklik	
		2	Wanita Bersanggul Tinggi	
		3	Balas Perbuatan Jahat Bapa Dengan Perbuatan Sama Dengan Berniat Menyedarkannya	
		4	Barang Pusaka	
Julai	4	1	Tekanan Menguruskan Keluarga	
		2	Cukur Rambut Bayi	
		3	Lukisan Inai Di Tangan	
		4	Nikah Sepupu	
	11	1	Talak Tidak Jelas	Kahwin Ketika Mengandung Anak Zina Empat Minggu
		2	Baca Al-Quran Ketika Haid	
		3	Buih Petanda Air Rata Ketika Mandi Wajib	
		4	Hendak Bertaubat Tetapi Terus Melakukan Dosa	
	18	1	Inai Hitam Untuk Tutup Uban	
		2	Makanan Halal Dan Tidak Halal Dalam Satu Peti Ais	Syarikat Buka Kafe Jual Arak
		3	Solat Ketika Azan	
		4	Ibu Mertua Campur Tangan Urusan Keluarga, Terlalu Percayakan Bomoh	Isteri Tidak Taat Suami, Ikut Cakap Ibu
	25	1	Mewarnakan Rambut Dan Membesarkan Buah Dada Untuk Berkahwin	
		2	Alkohol Dalam Minyak Rambut Dan Alat Solek	
		3	Judi Bola Sepak	Manfaat Keuntungan Judi
		4	Sumpah Dalam Keadaan Haid, Sumpah Dipanah Petih Jika Langgar Sumpah	Suami Penagih Dadah
Ogos	1	1	Nikah Guna Wali Hakim Kerana Dipulaukan Keluarga	Bunuh Diri
		2	Bercinta Dan Melakukan Hubungan Sejenis Dengan Kakak Angkat	
		3	Insurans Bunuh Diri	
		4	Tuntut Ganti Rugi Melebihi Kos Kerugian Asal	

	8	1	Darah Nifas Melebihi Enam Minggu	
		2	Akad Nikah Dua Kali Kerana Prosedur	
		3	Suami Isteri Mandi Wajib Selepas Waktu Subuh Bulan Ramadan	
		4	Ijab Kabul Guna Nama Orang Lain	
	15	1	Hutang Ganti Puasa	
		2	Arwah Ayah Menamakan Kakak Angkat Sebagai Penama KWSP	Berbohong
		3	Suami Hanya Beri Kereta Sebagai Nafkah	Suami Larang Isteri Berhubung Dengan Keluarganya
		4	Masa Idah Tanpa Haid	
	22	1	Teman Lelaki Tidak Mahu Bertanggungjawab Selepas Berzina Atas Alasan Ibu Bapa Tidak Restu	
		2	Lelaki Bertindik Menjadi Imam Dan Wali	
		3	Hubungan Kelamin Dalam Tempoh Idah	
		4	Dosa Besar Qada' Solat	
	29	1	Status Rezeki Orang Islam Yang Tidak Solat	
		2	Gambar Dan Video Rakaman	
		3	Beritahu Niat Nazar Ketika Tunaikannya	
		4	Bercinta Dengan Lelaki Bukan Islam	
September	5	1	Wali Tidak Solat	
		2	Keluarga Tidak Restui Hubungan	
		3	Memasukkan Selain Zakar Ke Dalam Faraj Isteri Untuk Kepuasan Suami	'Ustaz' Halalkan Perbuatan Songsang
	12	1	Makan Buah Upacara Agama Bukan Islam	
		2	Suami Enggan Beri Nafkah	
		3	Wanita Cukur Bulu Kaki	
		4	Suami Tanggung Perbelanjaan Adik Berumur 25 Tahun	
	19	1	Minta Orang Alim Berdoa Guna Minyak Sebagai Pelaris Jualan	
		2	Peraduan Teka Bola	
		3	Kahwin Selepas Habis Pantang Lahirkan Anak Luar Nikah	Kahwin Selepas 6 Bulan Hamil Anak Luar Nikah
		4	Belum Tunai Nazar, Sumpah Untuk Mandul Jika Tidak Tunai Nazar	
	26	1	Wali Anak Luar Nikah	
		2	Simpan Gigi Babi Hutan Yang Sudah Kering	
		3	Janji Dengan Memegang Surah Yasin	
		4	Hukuman Biras Berzina	
Oktober	3	1	Buat Produk Untuk Syarikat Kasino	
		2	Majikan Tidak Beri Peluang Solat Maghrib	
		3	Cara Basuh Telekung	
		4	Solat Jamak Dan Qasar	
	10	1	Nafkah Anak Tinggal Dengan Bekas Isteri Yang Berkahwin Lain	
		2	Jadikan Anjing Sebagai Haiwan Peliharaan	Samak

		3	Had Umur Khitan Anak Perempuan	
		4	Gugur Anak Kerana Bimbang Masalah Kewangan	
	17	1	Ketagih Onani Selepas Diperkosa Ayah Angkat	
		2	Hak Anak Luar Nikah	
		3	Tidak Tahu Air Najis	
		4	Campuran Wang Haram Dengan Wang Halal	
	24	1	Waktu Solat Tahajud	Solat Isyak Lewat
		2	Doa Untuk Bukan Islam	
		3	Ungkit Pemberian Ketika Gaduh	
		4	Perniagaan MLM: Wang Tanpa Usaha	Cara Membelajakan Wang Haram
	31	1	Wanita Keluar Air Mazi Ketika Tonton Telivisyen	
		2	Aqiqah Bayi Meninggal	
		3	Solat Mangsa Kemalangan Yang Tidak Mampu Duduk Tahiyat Akhir	
		4	Binti Kepada Bapa Angkat	
November	7	1	Aurat Anak Angkat	
		2	Telur Penyu, Telur Ular Dan Telur Biawak	
		3	Wanita Berurut Dengan Lelaki Bukan Muhrim	
		4	Nenek Uzur Jamak Solat	
	17	1	Bersetubuh Tanpa Niat Rujuk	
		2	Memakai Baju Terdapat Lambang Salib	
		3	Menderma Secara Paksa	
		4	Was-Was Status Makanan	
	21	1	Status Tunang Dalam Islam	
		2	Keluar Zakat Terus Kepada Fakir Miskin	
		3	Uri: Najis, Tempat Tanam, Suci	
		4	Taraf Ibu Kandung, Ibu Tiri Dan Ibu Mertua	
	28	1	Wuduk Bagi Wanita Yang Memakai Penggaris Mata	
		2	Cukur Bulu Kening Bercantum	
		3	Wang Bulanan Sebagai Nafkah	
		4	Jimak Selepas Imsak Dan Selepas Subuh Ramadan	
Disember	5	1	Berzina Dengan Bukan Islam Sehingga Mengandung	
		2	Status Wuduk Sebelum Mandi Wajib	Potong Kuku Dan Rambut Ketika Haid
		3	Beri Nama Janin Yang Digugurkan Daam Tempoh Dua Bulan	
		4	Gigi Palsu	Mayat Pakai Gigi Palsu
	12	1	Izin Isteri Tindik Pusat	Tonton Cerita Lucah Dengan Isteri
		2	Status Wuduk Selepas Makan Minum	
		3	Naik Pelamin	

		4	Tengking Ibu Tujuan Menasihati	
	19	1	Umrah Dua Kali Tanpa Pergi Haji	
		2	Wanita Belum Berkahwin Makan Pil Hormon Keluarkan Susu Untuk Susukan Anak Angkat	
		3	Ibu Bergelumang Dengan Maksiat	Cara Menasihati Ibu
		4	Wasiat Secara Lisan Tanpa Bukti	
<b>Jumlah</b>		<b>194</b>		

Jawapan-jawapan hukum yang dikumpulkan ini kemudiannya diklasifikasikan penulis kepada 13 kategori bidang mengikut kesesuaian dengan permasalahan yang diutarakan. Kategori-kategori tersebut adalah meliputi kategori aqidah, bersuci, solat, puasa, zakat & sedekah, haji & umrah, munakahat, muamalat, korban & aqiqah, jinayat, pusaka, sosial dan umum. Kesemua kategori yang disebutkan adalah menjurus kepada disiplin ilmu yang disebutkan kecuali kategori ‘sosial’ dan ‘umum’. Persoalan yang diletakkan di bawah kategori ‘sosial’ ialah persoalan yang menjurus kepada maksud gejala sosial dan kategori ‘umum’ pula bermaksud persoalan hukum hakam yang selain daripada 11 kategori bidang yang disebutkan. Berikut adalah jadual pembahagian kategori persoalan hukum yang terkandung dalam ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro tahun 2010:

Jadual 4: Kategori Persoalan Khusus Mengikut Bidang

<b>Bil</b>	<b>Bidang Persoalan</b>	<b>Abdul Salam</b>	<b>Mashitah Ibrahim</b>
1.	Aqidah	4	11
2.	Bersuci	23	16
3.	Solat	14	7
4.	Puasa	5	2
5.	Zakat & Sedekah	3	5
6.	Haji&Umrah	1	2
7.	Munakahat	23	35
8.	Muamalat	4	9
9.	Korban&Aqiqah	2	4
10.	Jinayat	1	0

11.	Pusaka	0	9
12.	Sumpah & Nazar	0	5
12.	Sosial	8	2
13.	Umum	24	22
	<b>Jumlah</b>	<b>121</b>	<b>129</b>

Penulis menghadapi sedikit masalah dengan persoalan yang mengandungi pecahan bidang yang banyak seperti campuran persoalan munakahat dan muamalat, jinayat dan solat dan sebagainya kerana sukar untuk memasukkannya dalam perjumlahan persoalan mengikut kategori bidang. Contoh persoalan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:


**“Soalan:** Saya musykil mengenai hukum berpuasa seandainya tidak sempat mandi hadas besar selepas bersama dengan isteri kerana tertidur dan tersedar selepas waktu imsak. Kami berpuasa seperti biasa selepas mandi hadas. Adakah puasa kami sah seandainya kami mandi hadas selepas waktu subuh? Saya ingin bertanya, apa perlu saya lakukan jika terlupa membayar zakat fitrah untuk tahun ini? – Ila, Petaling Jaya.”<sup>227</sup>

Dari pada soalan tersebut dapat dilihat bidang persoalan yang ditanyakan ialah menyentuh bab bersuci, solat, puasa dan zakat. Oleh yang demikian perjumlahan mengikut bidang bagi soalan-soalan berbentuk sebegini adalah sukar. Namun penulis telah mengatasi masalah tersebut dengan membuat penjumlahan lain bagi setiap bidang yang bercampur. Secara keseluruhannya, jumlah bidang yang menjadi persoalan di kalangan pembaca akhbar Harian Metro dan Metro Ahad adalah seperti berikut:

---

<sup>227</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Tidak Sempat Mandi Hadas’, ‘Eksperesi’ dlm. *Metro Ahad*, 26 Jun 2010, h. 18.

Rajah 2: Jumlah Keseluruhan Persoalan Mengikut Bidang



Berdasarkan jadual 1, 2, 3 dan carta 2, didapati bahawa bidang munakahat, umum dan bersuci mendominasi permasalahan yang berlegar di fikiran masyarakat. Permasalahan di bidang munakahat adalah lebih tertumpu kepada masalah suami atau isteri yang curang, talak, rujuk, wali dan juga hubungan intim sama ada antara suami isteri mahupun bukan (zina diklasifikasikan juga dalam bidang jinayat). Bidang umum pula merangkumi soalan yang pelbagai seperti hukum mencukur bulu keping, inai rambut, onani, makanan halal dan sebagainya. Permasalahan bersuci pula lebih tertumpu kepada soal mandi wajib dan status wuduk. Selain itu, permasalahan di bidang aqidah dan solat juga popular, manakala di bidang-bidang lain mencatatkan jumlah yang kurang mendapat perhatian di kalangan pembaca.

Satu perkara yang perlu diberikan perhatian penting, jadual 1 dan 2 khususnya telah menunjukkan bahawa hampir keseluruhan persoalan yang ditanyakan merupakan persoalan lama. Persoalan lama bermaksud kesemuanya memang sudah terdapat dalam kitab-kitab pengajian Islam dan lain-lain sama ada yang berstatus *turath* mahupun semasa. Gambaran tersebut jelas menunjukkan bahawa kedua-dua panelis yang terlibat sepatutnya tidak mempunyai banyak masalah untuk merujuk tentang sesuatu hukum tetapi mungkin mempunyai masalah merealisasikan kaedah atau metode penyampaian yang efektif dalam ruang yang terbatas bagi memenuhi aspirasi metode berfatwa seperti yang telah digariskan sebelum ini.

#### **4.1.2 Sumber Jawapan Hukum**

Disiplin *uṣūl al-fiqh* amat mementingkan kekuatan sumber dalam menentukan tahap autoriti sesuatu hukum.<sup>228</sup> Tidak terkecuali ruangan soal jawab agama, sepatutnya setiap jawapan hukum yang dikemukakan haruslah berdasarkan sumber-sumber hukum yang diiktiraf dalam Islam. Dengan nilaian sumber tersebut dapat dikesan kekuatan dan kelemahan sesuatu hukum. Namun, realiti yang berlaku dalam ruangan akhbar Harian Metro dan Metro Ahad sedikit unik. Pernyataan sumber rujukan tidak berlaku kepada semua jawapan, tetapi kepada persoalan-persoalan tertentu mengikut penilaian panelis.

Berdasarkan analisis, penulis mendapati bahawa panelis pertama iaitu Abdul Salam Muhamad Shukri telah menggunakan 4 sumber rujukan untuk menjawab persoalan.

---

<sup>228</sup> Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*, Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd., hh. 63-64.

Sumber-sumber tersebut ialah al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab karangan ulama muktabar, fatwa dalam negeri dan laman-laman web. Sumber-sumber tersebut boleh dilihat daripada jawapan-jawapan yang beliau berikan dan juga pengakuan beliau sendiri dalam sesi temubual bersama penulis. Dalam temubual tersebut, Abdul Salam Muhamad Shukri telah menyatakan bahawa keperluan mengutamakan mana-mana sumber rujukan adalah tergantung kepada persoalan yang ditanyakan. Keadaan ini boleh difahami berdasarkan jenis-jenis persoalan yang ada kalanya terlalu *simple*, sederhana dan kadangkala bersifat sedikit kompleks.<sup>229</sup>

Walaubagaimanapun, beliau turut mengakui bahawa beliau lebih suka merujuk terus kepada dalil asasi persoalan yang ditanyakan untuk memastikan jawapan yang beliau berikan bertepatan dengan maksud dalil yang sebenar.<sup>230</sup> Bagi soalan-soalan yang bersifat ‘*fūrū` fiqhīyyah*’, Abdul Salam Muhamad Shukri akan merujuk kepada karya-karya fiqh *al-muqārin* atau perbandingan mazhab bagi menilai pendapat yang lebih kuat.<sup>231</sup> Disamping itu, dalil-dalil yang digunakan para ulama mazhab akan dianalisis oleh beliau sendiri. Apabila beliau berpuas hati dengan kekuatan dalil dan hujah yang dinyatakan barulah beliau akan memilih pandangan ulama terbaik untuk dijadikan sandaran jawapan.<sup>232</sup>

---

<sup>229</sup> Temubual bersama Abdul Salam Muhamad Shukri, *op. cit.*

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> Antara kitab yang sering menjadi rujukan utama Abdul Salam ialah kitab *Fiqh Sunnah* karangan Syed Sabiq, *Fiqh Ḥalāl wa al-Harām* karangan Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh Islāmī wa Adillatuhu* karangan Wahbah al-Zuḥailī dan *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid* karangan Ibn Rusyd, *ibid.*; Contohnya lihat Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Bimbang Taubat Tak Diterima’, ‘Variasi’ dlm. Harian Metro, 25 Jun 2010, h. 2; ‘Fizikal Imam Perlu Sama Dengan Maknum’, 15 Oktober 2010, h. 3.

<sup>232</sup> Kenyataan ini adalah bertepatan dengan ijtihad *tarjīḥi* dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*, lihat Abd al-Wahhab Khallaf (1956), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 7, Kaherah: Maktabah al-Da’wah al-Islāmiyyah, hh. 229-230.

Merujuk gaya persempahan jawapan hukum pula, hanya 81 persoalan atau 46% daripada 176 persoalan sepanjang tahun 2010 telah disertakan dengan sumber atau rujukan jawapan. Bakinya sebanyak 95 persoalan atau 54% telah dijawab tanpa penyertaan sumber rujukan. Penyertaan jenis sumber rujukan yang digunakan adalah seperti rajah di bawah:

Jadual 5: Bilangan Sumber Rujukan Abd Salam Muhamad Shukri

Bil	Sumber Rujukan	Bilangan Dirujuk
1.	Al-Quran	47 kali
2.	Hadis	39 kali
3.	Pendapat Ulama	24 kali
4.	Fatwa Rasmi	1 kali
5.	Laman Web	4 kali

Umumnya setiap rujukan beliau pula dinyatakan dengan jelas sumbernya. Bagi rujukan al-Quran dinyatakan nama surah dan nombor ayat, rujukan hadis disertakan nama perawi, pendapat ulama dinyatakan kitabnya dan fatwa serta laman web dinyatakan dengan jelas tahun serta sumbernya. Keadaan ini disebabkan kerjaya beliau sebagai ahli akademik yang mementingkan pernyataan sumber rujukan. Namun begitu terdapat juga beberapa pernyataan sumber rujukan yang tidak jelas seperti:

“Terdapat hadis yang menyatakan apabila seseorang menunaikan solat sunat di rumah selepas azan, syaitan akan lari meninggalkannya kerana sudah pasti selepas itu ia akan menunaikan solat fardu”.<sup>233</sup>

dan beberapa tempat lain.<sup>234</sup> Bahagian jawapan yang tidak dinyatakan sumber rujukan pula adalah disebabkan status persoalan yang lebih kepada kaunseling/psikologi ataupun soalan

---

<sup>233</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Lintasan Suara Buruk Ketika Azan’, 11 Jun 2010, *ibid*.

<sup>234</sup> ‘Suami Pelik Panas Baran’, 19 Februari 2010, *ibid*; ‘Takut Mati Dalam Dibebani Hutang’, 2 Julai 2010; ‘Tahan Kentut Ganggu Khusyuk’, 30 Julai 2010; ‘Hantar SMS Cerai Talak Tiga’, 24 September 2010; ‘Ibu Tidak Hirau Kebersihan Dalam Solat’, 24 Disember 2010, *ibid*.

yang bersifat *simple*.<sup>235</sup> Walaubagaimanapun umumnya Abdul Salam Muhamad Shukri dikira mengamalkan metode yang baik kerana hampir keseluruhan sumber rujukan beliau dinyatakan dengan jelas. Dengan cara ini bukan hanya memudahkan pembaca yang prihatin untuk menyemak status kebenarannya, malah secara tidak langsung menjamin keautorian setiap jawapan dan memberikan tambahan keyakinan kepada khalayak pembaca.

Bagi panelis kedua pula iaitu Mashitah Ibrahim, dengan purata jawapan hukum yang dikeluarkan beliau berjumlah 4 buah jawapan dalam ruangan 1 muka surat khabar setiap minggu, secara jelas menggambarkan kepada kita bahawa jawapan-jawapan hukum tersebut adalah lebih ringkas berbanding Abdul Salam Muhamad Shukri. Jumlah persoalan yang beliau jawab dinyatakan bersama sumber rujukan adalah sebanyak 45 persoalan atau 23% daripada keseluruhan persoalan yang diajukan. Pecahan kekerapan penggunaan sumber rujukan beliau adalah seperti berikut:

Jadual 6: Bilangan Sumber Rujukan Mashitah Ibrahim

Bil	Sumber Rujukan	Bilangan Dirujuk
1.	Al-Quran	14 kali
2.	Hadis	27 kali
3.	Pendapat Ulama	11 kali
4.	Fatwa Rasmi	3 kali <sup>236</sup>

Berdasarkan jadual di atas, jelas kepada kita berbanding Abdul Salam Muhamad Shukri, Mashitah Ibrahim lebih sedikit menyertakan sumber rujukan bagi setiap jawapan hukum beliau. Hal ini dapat difahami dengan melihat jenis soalan yang diajukan kepada beliau

<sup>235</sup> Temubual bersama Abdul Salam Muhamad Shukri, *op. cit.*

<sup>236</sup> Termasuk keputusan Panel Kajian Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), lihat Mashitah Ibrahim, ‘Hukum Sertai Perniagaan MLM’, 24 Oktober 2010.

umumnya adalah bersifat *simple* dan ringkas berbanding soalan-soalan yang diajukan kepada Abdul Salam Muhamad Shukri yang dikategorikan bersifat pelbagai. Oleh yang demikian, jawapan hukum yang disediakan Mashitah Ibrahim dilihat tidak banyak memerlukan jawapan yang terperinci serta dokongan dalil. Namun demikian, penulis dapat terdapat 4 sumber jawapan hukum yang telah digunakan oleh Mashitah Ibrahim iaitu al-Quran, al-Sunnah, pendapat ulama dan fatwa rasmi.

Analisis terhadap persembahan sumber rujukan jawapan-jawapan hukum yang dikeluarkan oleh Mashitah Ibrahim juga mendapat terdapat perbezaan ketara di antara kedua-dua panelis. Jika sebelum ini didapati bahawa Abdul Salam Muhamad Shukri tidak menyertakan sumber yang lengkap pada hanya sebilangan kecil rujukan, bagi Mashitah Ibrahim pula hanya sebilangan kecil rujukan dinyatakan sumbernya dengan lengkap. Selain rujukan al-Quran yang kadangkala tidak dinyatakan nama surah dan nombor ayat, aspek yang paling ketara ialah rujukan hadis. Kebanyakan jawapan Mashitah Ibrahim tidak menyatakan siapa periwayat hadis tersebut seperti yang dilakukan oleh Abdul Salam Muhamad Shukri. Contoh petikan jawapannya adalah seperti berikut:

“Allah juga berpesan dalam firmannya, “Ada banyak perkara yang engkau manusia benci tetapi ia baik untukmu dan begitu juga ada ketikanya engkau manusia suka kepada sesuatu tetapi perkara itu tidak baik untukmu.””<sup>237</sup>

dan,

“Sabda Nabi Muhammad saw “sebaik-baik amalan ialah doa seseorang untuk dirinya sendiri”. Nasihat saya ialah hentikan kepercayaan karut seperti ini.”<sup>238</sup>

---

<sup>237</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Ayat Pelembut Hati Kekasih’, 30 Mei 2010, *ibid.*

<sup>238</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Ibu Taksub Bomoh, Tangkal’, 9 Mei 2010, *ibid.*

Begitu juga rujukan terhadap pandangan ulama dan rujukan-rujukan lain, Mashitah Ibrahim tidak memilih untuk menyatakan sumbernya dengan jelas. Contohnya beliau menyatakan:

“Dr Wahbah Zuhaily dalam kitab feqahnya juz ke-3 halaman 634 menjelaskan pandangan Imam Shafei dengan jelas mengenai berkurban untuk orang lain. Imam Shafei berpendapat bahawa tidak boleh berkurban untuk orang lain ataupun si mati kecuali jika si mati berwasiat demikian.”<sup>239</sup>

Perbezaan persembahan sumber rujukan jawapan hukum Mashitah Ibrahim ini dilihat turut berpunca daripada jenis soalan-soalan yang diajukan disamping faktor-faktor lain seperti keterbatasan ruangan jawapan berbanding jumlah soalan, latar belakang akademik dan juga kerjaya. Abdul Salam Muhamad Shukri dilihat lebih mementingkan aspek persembahan sumber rujukan berbanding Mashitah Ibrahim kerana beliau merupakan ahli akademik yang terbiasa mementingkan penyertaan dalil dan bukti berbanding Mashitah Ibrahim yang bekerjaya sebagai ahli politik yang kurang mementingkan aspek tersebut.

Walaubagaimanapun, penulis merumuskan bahawa kedua-dua panelis soal jawab ini telah menggunakan sumber-sumber rujukan yang hampir sama (tidak termasuk jenis kitab) melainkan rujukan laman web yang menjadi pilihan tambahan Abdul Salam Muhamad Shukri. Gaya persembahan sumber-sumber rujukan tersebut pula berlainan di antara satu sama lain. Meskipun begitu, apabila panelis tidak menyatakan sumber rujukan yang jelas terhadap sesuatu jawapan hukum, ia tidaklah bermaksud panelis tidak mempunyai atau melakukan rujukan langsung. Pernyataan sumber rujukan adalah bergantung kepada keperluan yang difikirkan perlu oleh mereka mengikut tahap soalan dan keterbatasan ruang yang disediakan.

---

<sup>239</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Hukum Korban Untuk Si Mati’, 28 Februari 2010, *ibid.*, h. 14.

## **4.2 ANALISIS TERHADAP METODE ASAS PENGELUARAN JAWAPAN HUKUM**

Umat Islam moden hidup dalam zaman yang penuh dengan cabaran dan pergolakan antara mempertahankan keimanan dan dorongan hawa nafsu. Manusia hidup mengejar material, mementingkan diri sendiri dan majoritinya agak jauh dari ajaran agama. Oleh yang demikian, menjadi tugas para ilmuan Islam khususnya yang terlibat dalam pengeluaran fatwa (jawapan hukum) bersifat ‘adil’ dalam menjawab setiap persoalan berkaitan Islam agar ianya dapat memberikan penjelasan dan kemudahan beragama kepada masyarakat disamping mempertahankan asas-asas syariat yang telah disepakati.<sup>240</sup>

Sepertimana yang penulis telah nyatakan dalam kesimpulan analisis pembahagian bidang sebelum ini, cabaran sebenar yang dihadapai oleh kedua-dua panelis terlibat bukan dari aspek *istinbāt* hukum kerana persoalan hukum yang diajukan dalam ruangan soal jawab tersebut merupakan persoalan hukum yang mudah. Namun cabaran sebenar bagi mereka adalah dalam menyediakan jawapan hukum yang terbaik dan berkesan dalam ruangan yang terbatas. Oleh yang demikian, perbincangan selepas ini akan menganalisis jawapan-jawapan hukum sepanjang tahun 2010 tersebut secara textual dan kontekstual bagi mengenalpasti ketepatannya dengan metode asas berfatwa seperti yang telah diuraikan dalam bab 2. Penggunaan empat metode asas tersebut sebagai bahan analisis adalah kerana menurut dapatan kajian penulis, ianya merangkumi keseluruhan aspek penting yang menjadi asas keberkesanan sesuatu fatwa. Di sini juga penulis ingin jelaskan,

---

<sup>240</sup> Al-Qaradawī, Muhammad Yūsuf (1988), *op.cit.*, hh. 111-112; Muhammad ‘Uqlah (1991), *Al-Islām Maqaṣiduhu wa Khasāisuhu*, Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadisah, h. 112; Mannā‘ al-Qattān (1993), *Tārīkh al-Tasyrī al-Islāmī*, Beirut, Muassasah al-Risālah, h. 52.

perbandingan terperinci di antara kedua-dua panelis hanya akan dinyatakan bagi topik metode yang mempunyai perbezaan ketara antara mereka. Bagi metode yang diaplikasi secara bersama, penulis hanya akan membuat keterangan serta contoh umum.

#### 4.2.1 Memudahkan Tidak Menyusahkan

Antara prinsip asas syariah itu sendiri adalah memberikan kemudahan bukan kesusahan.<sup>241</sup> Prinsip ini bermaksud Islam merupakan sebuah agama yang bertoleransi, tidak sempit dan jauh sekali daripada ingin menyusahkan penganutnya.<sup>242</sup> Walaubagaimanpun, ini tidak bererti dalam melaksanakan syariah tidak ada beban langsung yang dipikul, tetapi beban tersebut adalah beban biasa yang mampu ditanggung dan dilaksanakan tanpa membawa apa-apa kemudaratannya.<sup>243</sup>

Analisis terhadap jawapan-jawapan hukum sepanjang 2010 mendapati metode ‘memudahkan tidak menyusahkan’ umumnya telah dipenuhi oleh panelis yang terlibat. Hakikat metode *taysir* ini telah dipenuhi dibuktikan dengan dua fakta utama yang telah dipenuhi oleh mereka. Pertama, panelis sentiasa menekankan tentang jawapan hukum yang paling mudah untuk diamalkan dan bertepatan dengan *maṣlahah* penyoal serta masyarakat. Jawapan hukum yang diberikan bukan sekadar menjawab persoalan mengikut konteks mazhab Syafi'i, malah turut mengemukakan alternatif, dalil atau pandangan ulama yang lebih ringan. Contohnya dapat dilihat dalam soal jawab berikut:

<sup>241</sup> Al-'Uthaimīn, Muḥammad Ṣālih (2002), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Iskandariah: Dār al-Baṣīrah, h. 21.

<sup>242</sup> Amir Husin Mohd Nor *et.al.* (2002), *Falsafah Perundangan Islam*, Selangor: Mahzum Book Services, hh. 127-128.

<sup>243</sup> Al-Khudarī Bik, Muhammad (1965), *Tārikh al-Tasyrī al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah al-Tijāriyah, h. 18.

**“Soalan:** Adik saya pernah terpakai kasut yang dibuat daripada kulit babi pada bahagian lapik dalamnya. Adakah dia perlu menyamak kakinya? Jika perlu disamak, perlukah dia menyamak tempat yang laluinya?-NOR, Perak.

**Jawapan:** Babi termasuk dalam kategori najis berat. Allah berfirman yang bermaksud: "Katakanlah: Aku tidak dapat dalam apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor, ..." (Surah al-An'am ayat 145). Berdasarkan ayat di atas, ulama bersetuju ketiga-tiga perkara itu termasuk babi haram dimakan. Kebanyakan ulama juga melarang penggunaan barang berasal daripada babi seperti bulu dan kulit, sama ada sebagai perhiasan, beg, kasut, pakaian dan sebagainya kerana ia adalah najis. Secara umum mazhab Shafie berpendapat apabila terkena atau tersentuh dengan najis babi hendaklah disamak seperti menyamak najis anjing. Semuanya dilakukan bagi memastikan kebersihan diri dan tempat. Bagaimanapun, ada pendapat ulama yang mengehadkan larangan itu kepada daging babi sebagai makanan semata-mata. Dengan itu penggunaan barang berasal daripada babi seperti bulu dan kulit masih dibenarkan apabila sudah melalui proses dibagh (samak)<sup>244</sup>

Dalam contoh jawapan hukum di atas, panelis menyedari bahawa penyoal menghadapi masalah yang turut dihadapi oleh ramai orang. Disamping menyatakan pandangan jumhur ulama dan mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan masyarakat setempat, panelis turut menyatakan pandangan alternatif sebagai ‘keringanan’ iaitu pandangan dalam mazhab Maliki yang tidak menganggap kulit babi tersebut sebagai najis setelah disamak kerana babi menurut pandangan tersebut hanya haram dimakan.<sup>245</sup> Contoh tersebut jelas menunjukkan panelis berusaha untuk memberikan kemudahan kepada penyoal serta masyarakat pembaca yang mungkin menghadapi masalah berdepan situasi yang hampir sama.

Fakta kedua yang menunjukkan metode ‘memudahkan tidak menyusahkan’ telah dipenuhi adalah dengan melihat jawapan-jawapan hukum mereka yang menunjukkan

---

<sup>244</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Guna Kasut Kulit Babi’, 2 April, 2010, *op.cit.*

<sup>245</sup> Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān (1994), *al-Fiqh `alā Madhāhib al-Arba`ah*, Kaherah: Dār al-Ḥadīs, h. 11.

ajaran Islam yang mudah, ringan (mempunyai beban yang sedikit) dan bertujuan menjaga *maslahah* manusia. Jawapan-jawapan jenis ini mudah didapati dalam koleksi soal jawab agama tahun 2010 tersebut. Contohnya boleh dilihat dalam soal jawab berikut:

**“Soalan:** Saya baru setahun berkahwin. Dua bulan lalu saya ditimpa kemalangan jalan raya hingga menyebabkan kaki saya patah. Kaki saya disimen dari atas paha sampai ke hujung jari kaki sejak tiga bulan lalu. Baru-baru ini, saya ada melakukan persetubuhan dengan isteri. Bagaimana cara mandi wajib sedangkan kaki saya berbungkus dan tidak dapat dibuka? – Suhairin, Selangor.

**Jawapan:** Bagi orang yang berhadas besar dan tidak dapat menunaikan mandi wajib untuk menyucikan diri kerana sebab tertentu seperti uzur kerana sakit atau ketiadaan air, mandi wajib dapat digantikan dengan tayammum. Begitu juga dengan anda yang dalam keadaan bersimen atau berbelat, boleh memilih sama ada tayammum atau mandi wajib. Jika anda memilih untuk mandi wajib, hendaklah mandi wajib seperti biasa dengan menyampaikan air ke seluruh anggota yang baik dan kemudian disapu air atas simen berkenaan. Anda tidak perlu membuka simen. Ini jelas apabila Ali r.a meriwayatkan dari Rasulullah katanya: “Salah satu sendi siku saya patah dan saya bertanya Rasulullah kemudian baginda suruh saya sapu atas belat.” (Ibnu Majah) Tayammum pula adalah satu cara bersuci dalam Islam bagi membolehkan seseorang menunaikan ibadat kepada Allah dalam keadaan tertentu dengan debu tanah. Rukun tayammum ada lima: (1) Niat tayammum untuk tujuan tertentu, contohnya menghilangkan hadas besar atau kerana menunaikan sembahyang; (2) memindahkan debu tanah ke anggota tayammum iaitu muka dan dua tangan hingga kedua-dua siku. Niat hendaklah pada permulaan memindahkan debu ke muka; (3) menyapu muka; (4) menyapu dua tangan ke dua-dua siku; dan (5) tertib. Cara tayammum adalah seperti berikut: (1) Untuk menyapu muka. Anda hendaklah menepuk kedua-dua tapak tangan atas debu tanah dan letakkan kedua-dua tapak tangan tadi atas muka anda dengan ke lapan-lapan jari mengarah ke atas dan kedua-dua jari ibu diletakkan di anak telinga. Seterusnya disapu dari atas ke bawah dengan sekali sapu saja. (2) Untuk menyapu kedua-dua tangan. Sekali lagi anda ulangi menepuk debu tanah. Letakkan tapak tangan kiri di bawah empat jari tangan kanan dan mulakan menyapu dari bawah tangan sehingga ke siku bahagian bawah tangan dan diteruskan lagi ke bahagian tangan atas sehingga ke hujung jari ibu tangan. Begitu juga cara menyapu tangan kiri dengan meletakkan tapak tangan kanan di bawah tapak tangan kiri dan diulangi cara seperti tangan kanan tadi. Allah berfirman dengan maksudnya: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu bersuci. Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang antara kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak

mendapat air, maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua-dua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.” (Surah al-Nisa' ayat 43).<sup>246</sup>

dan,

**“Soalan:** Saya seorang pelajar yang menuntut di luar negara. Saya akan menyewa sebuah rumah daripada seorang Kristian. Saya kurang pasti sama ada tuan rumah membela anjing atau tidak. Jadi saya ingin bertanya perlukah saya menyamak rumah berkenaan? Sekiranya perlu, bagaimanakah caranya? Di dalam rumah itu turut disediakan ketuhar. Besar kemungkinannya ketuhar berkenaan pernah digunakan untuk memasak makanan yang tidak halal. Adakah boleh saya menggunakan ketuhar itu dan adakah saya perlu menyamaknya?- Zamira Hasanah.

**Jawapan:** Agama Islam mempunyai sifat toleransi yang tinggi. Dalam keadaan kita berada di luar negara dan sukar dielakkan bagi negara bukan Islam, sifat toleransi Islam sangat perlu dilihat supaya tidak sampai menyusahkan. Jika ketika menyewa tidak ada petanda ia ada najis berat yang perlu disamak, puan tidak perlu merasa was-was dan merasa syak yang bukan-bukan. Ketuhar dan dapur yang ada harus digunakan dan bagi mengelakkan rasa was-was, cuci dan bersihkan terlebih dulu saja dan ia mencukupi. Berbeza jika puan melihat sendiri ada najis berat barulah

---

<sup>246</sup> Abd Salam Muhamad Shukri, ‘Cara Mandi Wajib Jika Kaki Bersimen’, 23 Julai 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat ‘Tak Batal Solat Sentuh Anak Belum Khatan’, 8 Januari 2010; ‘Bayar Hutang Hasil Judi’, 15 Januari 2010; ‘Mandi Wiladah Dulu Lebih Afdal’, 15 Januari 2010; ‘Mahu Kahwin Tetapi Wang Jadi Masalah’, 5 Februari 2010; ‘Bukan Solat Jumaat Jika Terlepas 2 Rakaat’, 26 Februari 2010; ‘Kaedah Terbaik Bayar Zakat’, 5 Mac 2010; ‘Kenduri Untuk Hebahkan Perkahwinan’, 26 Mac 2010; ‘Musykil Status Perkahwinan’, 2 April 2010; ‘Solat Isyak Jam 5.30 Pag’, 16 April 2010; ‘Tunai Haji Dengan Wang Simpanan’, 23 April 2010; ‘Tidak Jatuh Talak Selagi Tak Dilafaz’, 30 April 2010; ‘Makanan Halal Bercampur Haram’, 7 Mei 2010; ‘Pelaburan Dalam ASB, ASN Harus’, 14 Mei 2010; ‘Terkencing Ketika Mandi Wajib’, 14 Mei 2010; ‘Kaedah Ibadat Jika Sering Keluar Mazi’, 21 Mei 2010; ‘Sah Solat Imam Berzina’, 4 Jun 2010; ‘Ragu Jatuh Talak’, 18 Jun 2010; ‘Musykil Tempoh Qada Puasa’, 2 Julai 2010; ‘Takut Mati Dalam Keadaan Dibebani Hutang’, 2 Julai 2010; ‘Ayah Pencabul Jadi Wali’, 23 Julai 2010; ‘Dihantui Dosa Gugurkan Anak’, 6 Ogos 2010; ‘Pemuda Tak Tahu Cara Memeluk Islam’, 8 Oktober 2010.

disamak. Dengan kemudahan yang ada, sabun tanah liat samak boleh digunakan.”<sup>247</sup>

Dalam contoh jawapan pertama tersebut, panelis, Abdul Salam Muhamad Shukri telah memberikan jawapan tentang alternatif *tayammum* untuk menggantikan wuduk yang sukar dilaksanakan. Jawapan hukum tersebut jelas membuktikan hakikat kemudahan ajaran Islam dan menolak sebarang *masyaqqa* yang memudaratkan.<sup>248</sup> Begitu juga jawapan kedua yang dikeluarkan oleh Mashitah Ibrahim. Beliau telah menjelaskan Islam adalah agama Islam yang tidak membebankan penganutnya dengan perkara yang tidak diketahui seperti keadaan penyoal.<sup>249</sup> Namun, jika terdapat tanda-tanda tempat atau benda tersebut

---

<sup>247</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Pelajar luar Negara Sewa Rumah Bukan Islam’, 17 Januari 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat ‘Penat Bersabar Sikap Buruk Suami’, 10 Januari 2010; ‘Jual Melebihi Harga Beli’ 24 Januari 2010; ‘Solat jamak Kerana Sangkut Kesesakan Jalan’, 31 Januari 2010; ‘Ubah Niat Sedekah’, 31 Januari 2010; ‘Kahwin Di Selatan Thailand Tanpa Pengetahuan Keluarga’, 7 Februari 2010; ‘Susuk, Emas Kosmeti Tidak sama’, 14 Februari 2010; ‘Kaitan Batu Nisan, Yakujuj Makjuj’, 14 Februari 2010; ‘Ziarah Kubur Ketika Hamil’, 21 Februari 2010; ‘Sukar Penuhi Permintaan Karut Ayah’, 28 Februari 2010; ‘Isteri Nusyuz Ingkar Perintah Suami’, 28 Mac 2010; ‘Ibu Buat Maksiat’, 11 April 2010; Kaedah Betul Urus Jenazah Tidak Sempurna’, 11 April 2010; ‘Upah Khatam al-Quran Untuk Si Mati’, 25 April 2010; ‘Curiga Sumber Rezeki’, 2 Mei 2010; ‘Kalimah Suci Atas Seragam’, 9 Mei 2010; ‘Suami Hilang Ingatan’, 16 Mei 2010; ‘Hukum Menantu Prempuan Jaga Bapa Mentua’, 16 Mei 2010; ‘Terima Harta Bukan Islam’, 23 Mei 2010; ‘Teman Serumah Liat Solat’, 30 Mei 2010; ‘Sembunyi Dosa’, 30 Mei 2010; ‘Derita Isteri Ketiga’, 6 Jun 2010; ‘Hukum Bersetubuh Dalam Edah’, 13 Jun 2010; ‘Tawar hati Pada Suami’, 20 Jun 2010; ‘Hukum Mandi Buih Sabun’, 11 Julai 2010; ‘Sukar Jauhi Dosa Besar’, 11 Julai 2010; ‘Daging Khinzir, Biskut Dalam Satu peti Ais’, 18 Julai 2010; ‘Boleh Solat Ketika Azan’, 18 Julai 2010; ‘Tanda Rujuk’, 22 Ogos 2010; ‘Rezeki Tanpa Solat’, 29 Ogos 2010; ‘Hukum Wanita Buang Bulu Kaki’, 12 September 2010; ‘Tidak Tahu Air Najis’, 17 Oktober 2010; ‘Berdosa Ungkit Sedekah’, 24 Oktober 2010; ‘Solat Mangsa Kemalangan’, 31 Oktober 2010; ‘Binti Bapa Angkat’, 31 Oktober 2010; ‘Anak Angkat Anak Susuan’, 7 November 2010; ‘Nenek Uzur Jamak Solat’, 7 November 2010; ‘Sangsi Makanan’, 14 November 2010.

<sup>248</sup> Ibn ‘Abd al-Salām, ‘Izz al-Dīn (t.t), *Qawā'id al-Kubra al-Mausūm bi Qawā'id al-Āhkām fī Islāhi al-Anām*, Damsyik: Dār al-Qalm, h. 14.

<sup>249</sup> Mohamad Nidzam Abd Kadir (2009), *Fiqah Berinteraksi Dengan Non-Muslim*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., hh. 67-68.

telah terkena najis, cadangan penggunaan bahan cuci alternatif <sup>250</sup>oleh beliau mampu memberikan kemudahan kepada penyoal atau masyarakat yang menghadapi situasi yang sama.

Kedua-dua fakta yang dibentang telah menunjukkan sesungguhnya hukum hakam Islam adalah mudah. Pelbagai pandangan tentang sesuatu isu membuktikan sifat anjal hukum Islam walaupun hakikatnya tetap pada prinsip. Kemudahan tidak bererti tidak ada beban langsung, tetapi beban yang ditekankan amat sedikit, bersesuaian dengan fitrah serta bertujuan menjamin *maṣlaḥah* umat manusia sama ada dari agama, nyawa, akal, keturunan mahupun harta.<sup>251</sup> Kefahaman tentang hal-hal tersebut menunjukkan panelis secara umumnya telah memenuhi keperluan metode ‘memudahkan tidak menyusahkan’.

Secara keseluruhannya Abdul Salam Muhamad Shukri telah memberikan sebanyak 144 jawapan yang menepati metode ini mewakili 81.8% daripada keseluruhan jumlah persoalan yang telah dijawab manakala Mashitah Ibrahim pula telah memberikan sebanyak 171 jawapan yang menepati metode yang sama mewakili 87.2% keseluruhan jumlah persoalan yang telah dijawab. Peratusan Mashitah Ibrahim yang lebih tinggi disebabkan jenis persoalan yang diajukan terhadap beliau lebih ringkas berbanding Abdul Salam Muhamad Shukri. Namun demikian, perbezaan tersebut tidaklah memberikan kesan besar

---

<sup>250</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke 76 pada 21 - 23 November 2006 bersetuju memutuskan bahawa: “Sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis *mughallazah* dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak”. Lihat <http://kemusykilan.islamgrid.gov.my/questions/view/35827>, dilayari pada 14 Januari 2013.

<sup>251</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid (2006), *op. cit.*, h. 14.

kerana mereka memberikan jawapan berdasarkan realiti penyoal dan situasi setiap persoalan bukan berdasarkan tujuan untuk memudahkan semata-mata.

#### **4.2.2 Memahami Realiti *Mustafti* (Penyoal) dan ‘Ur’ Masyarakat**

Kefahaman terhadap soalan dan kesan jawapan hukum terhadap penyoal serta masyarakat merupakan ciri-ciri penting seorang mufti. Disamping itu, jawapan yang dikeluarkan mestilah relevan dengan keperluan konteks semasa tempatan.<sup>252</sup> Dalam mempertimbangkan sesuatu jawapan hukum, panelis ruangan soal jawab agama juga sepatutnya peka dengan kebarangkalian yang akan timbul dalam realiti masyarakat sama ada bersifat positif mahupun negatif.

Secara umumnya penulis mendapati bahawa kedua-dua orang panelis yang terlibat iaitu Abdul Salam Muhamad Shukri dan Mashitah Ibrahim telah berusaha untuk memenuhi keperluan ini dalam berfatwa. Buktinya sebahagian besar jawapan yang dikemukakan mereka menjawab persoalan sebenar yang ditanyakan dengan baik. Walaubagaimanapun, terdapat banyak juga jawapan yang bertentangan dengan fakta sebenar dan mengelirukan. Penulis akan membincangkan perkara tersebut dalam topik perbincangan terakhir nanti.

Aspek yang membuktikan kedua-dua panelis telah menepati kefahaman tentang realiti penyoal ialah kaedah mereka menjawab dengan memahami masalah sebenar yang dialami penyoal. Mereka telah mengambil pendekatan menjiwai dan seterusnya

---

<sup>252</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid (2000), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembentukan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd., h. 14.

memberikan langkah-langkah penyelesaian bukan sekadar menyatakan hukum yang *thābit*.

Bagi Abdul Salam Muhamad Shukri, banyak masalah yang diajukan sememangnya amat menyedihkan, menggambarkan kerosakan serta kejahilan masyarakat namun ianya sudahpun berlaku dan menjadi tanggungjawab beliau untuk menyelesaikan masalah tersebut bukan semata-mata menghukum.<sup>253</sup> Dengan cara tersebut, sarjana Islam tidak dilihat hanya tahu menghukum, tetapi mampu menyediakan alternatif penyelesaian yang bertepatan dengan kehendak jiwa manusia yang sebenar. Contoh jawapan hukum yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

**“Soalan:** Saya isteri kedua. Ketika awal perkahwinan, kami tinggal berasingan. Suami hanya balik rumah seminggu sekali dan tidak pernah bermalam. Baru-baru ini suami meminta saya dan madu untuk tinggal serumah. Pada mulanya saya tidak bersetuju kerana takut ada perasaan cemburu tetapi demi menjaga hati suami saya terpaksa mengalah. Hari pertama berpindah sudah ada tanda cemburu dari isteri pertama. Madu saya sangat cemburu dan boleh dikatakan dia dan suami selalu bertengkar. Apabila bertengkar, madu saya akan menyebut nama saya mengatakan suami berat sebelah. Pernah sekali madu hampir menampar saya kerana saya menegurnya bangun lewat sehingga terlepas solat. Dia sering berkata saya mengambil suaminya. Madu saya tidak bekerja sementara saya menjawat jawatan yang agak tinggi dan mempunyai pendapatan sendiri. Sudah banyak kali saya meminta untuk tinggal berasingan kerana saya berasa sangat tertekan sejak tinggal serumah dengan madu. Selepas banyak kali merayu, akhirnya suami setuju untuk mencari rumah lain. Saya ingin tahu, adakah saya dikira cuba memutuskan persaudaraan antara madu kerana niat saya baik, tidak mahu bergaduh kerana perasaan cemburu. Adakah tindakan ini wajar?-Umira, Petaling Jaya

**Jawapan:** Suami yang mengamalkan poligami perlu bersikap adil pada kedua dua isterinya. tidak wajar meletakkan kedua-dua isteri di bawah satu bumbung kerana ia akan menimbulkan rasa cemburu yang berlebihan bila melihat suami melayan seorang daripada mereka. Tidak timbul istilah puan memutuskan persaudaraan kerana ia lebih baik untuk puan dan madu. Duduk berjauhan bukan memutuskan saudara, sebaliknya ia mungkin lebih baik bagi mengekalkan persaudaraan yang ada. Puan sebenarnya memohon hak puan yang perlu diberikan suami iaitu menyediakan tempat tinggal bagi isteri. Usah terlalu memikirkan perkara yang bukan-bukan.Jaga dan laksana tugas sebagai isteri kedua dengan baik dan adil. Sesekali bila keadaan reda dan

---

<sup>253</sup> Temubual bersama Abdul Salam Muhamad Shukri, *op. cit.*

madu dapat menerima puan sebagai adiknya bolehlah puan berjumpa dengannya. Berilah dia sedikit masa untuk menerima keadaan ini.”<sup>254</sup>

Dalam contoh soal jawab di atas, panelis telah menjawab dengan menjiwai masalah sebenar yang berlaku dalam hubungan penyoal dan madunya tersebut. Penyoal menghadapi masalah dengan madunya yang kuat cemburu dan langkah yang diambil penyoal untuk tinggal berasingan disokong oleh panelis dengan memberikan relevansinya. Dengan cara tersebut penyoal tidak akan merasa bersalah memutuskan hubungan persaudaraan bahkan mendapat dorongan psikologi untuk meneruskan kehidupuan sebagai isteri kedua yang penuh dengan cabaran. Jawapan hukum sebegini menyerlahkan kematangan kerana ia bukan hanya menjawab persoalan, tetapi cuba menjiwai punca masalah dan mencadangkan langkah-langkah yang relevan dengan masalah penyoal. Walaubagaimanapun, menurut penulis, jawapan panelis tersebut tentu lebih bermutu jika disertakan dengan dalil syarak ataupun sirah kehidupan berpoligami pada zaman Rasulullah untuk dijadikan panduan.

Selain itu, secara umumnya para panelis juga memiliki kefahaman tentang realiti beragama masyarakat dengan baik. Panelis-panelis didapati memahami bahawa majoriti

---

<sup>254</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Hidup Tertekan Serumah Madu’, 24 Januari 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat; ‘Bayar Untuk Belajar Agama’, 18 April 2010; ‘Guna Bomoh Gugur Talak’, 2 Mei 2010; ‘Nikah Wali Hakim’, 1 Ogos 2010; ‘Cinta Songsang’, 1 Ogos 2010; ‘Hubungan Cinta Terhalang’, 5 September 2010; ‘Hukum Sertai Perniagaan MLM’, 24 Oktober 2010; ‘Anak Sukar Nasihatkan Ibu’, 19 Disember 2010; Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Isteri Jatuh Cinta Teruna 20-An’, 8 Januari 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat ‘Gadis Berusia Sedia Kahwin Tetapi Belum Temui Jodoh’, 15 Januari 2010; ‘Keluarga Restu Hubungan Songsang’, 29 Januari 2010; ‘Buah Hati Pernah Berzina’, 5 Februari 2010; ‘Cadang Nikah di Thailand’, 5 Februari; ‘Pusat Karaoke Banyak Keburukan’, 19 Februari 2010; ‘Isteri Curang Minta Cerai’, 12 Mac 2010; ‘Hubungan Hambar Isteri Mahu Cerai’, 28 Mei 2010; ‘Wanita Dihantui Dosa Silam’, 11 Jun 2010; ‘Tak Percaya Lelaki Selepas Dikecewakan’, 11 Jun 2010; ‘Nikah Gantung Pinjam Bank’, 24 September 2010; ‘Wanita Boleh Bersolat Dengan Pakaian Tentera’, 29 Oktober 2010.

masyarakat Islam di Malaysia adalah bermazhab Syafi'i.<sup>255</sup> Oleh yang demikian, majoriti jawapan hukum yang mereka keluarkan adalah selari dengan pandangan dalam mazhab Syafi'i bagi memberikan kesahaman mudah tentang sesuatu isu<sup>256</sup> walaupun terdapat juga jawapan yang mengandungi pendapat pelbagai mazhab untuk memberikan alternatif kemudahan kepada pembaca. Kefahaman realiti ini dapat dilihat dalam kenyataan salah seorang panelis terlibat berikut:

“Bagaimanapun, bagi mengelakkan kekeliruan dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan mazhab Syafie, pendapat sedemikian perlu diterangkan secara lebih lanjut. Saya berpendapat, tidak cukup dengan mengemukakan hadis di atas saja bagi menidakkan pegangan mazhab Syafie yang dipegang masyarakat Melayu turun temurun. Mungkin pengajian fiqah perbandingan antara mazhab perlu diketengahkan terlebih dulu supaya tidak timbul salah faham masyarakat.”<sup>257</sup>

Kenyataan dalam contoh jawapan hukum tersebut jelas menunjukkan bahawa beliau memahami realiti pegangan umum mazhab masyarakat. Begitu juga dari sudut sensitiviti beragama, jawapan-jawapan hukum yang melibatkan masyarakat bukan Islam dijawab dengan baik dan penuh hikmah bagi mengelakkan sensitiviti mereka tersinggung.<sup>258</sup>

Berdasarkan ciri-ciri tersebut serta contoh-contoh soal jawab yang dinyatakan, tanpa mengambil kira kekurangan-kekurangan yang wujud dalam jawapan-jawapan hukum tersebut, penulis membuat kesimpulan secara umumnya kedua-dua panelis memang telah memenuhi sebahagian besar metode memahami realiti penyoal dan kesan langsung serta

<sup>255</sup> Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran-Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan, h. 1.

<sup>256</sup> Contohnya lihat Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Terlanjur Sebelum Berkahwin’, 1 Januari 2010, *op. cit.*;; huraihan lanjut lihat topik Bebas Daripada Taqlid Terhadap Mazhab Tertentu.

<sup>257</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Perbezaan Pendapat Hal Batal Wuduk’, 2 Julai 2010, *ibid.*

<sup>258</sup> Contohnya lihat Mashitah Ibrahim, ‘Kekasih Lain Agama’, 29 Ogos 2010, *op.cit.*

tidak langsung jawapan hukum mereka terhadap masyarakat. Mereka berusaha memberikan jawapan yang tidak hanya menjawab persoalan hukum, tetapi jalan penyelesaian yang terbaik atas prinsip-prinsip Islam.

#### **4.2.3 Bebas Daripada *Taqlīd* Terhadap Mazhab Tertentu**

Menurut al-Qarađawī, jawapan hukum atau istilah popularnya fatwa (dalam persoalan fiqh) di zaman moden ini perlu bebas daripada sebarang unsur *taqlīd* kepada mazhab tertentu. Keperluan merujuk kepada sumber hukum (al-Quran dan al-Sunnah) bukannya terikat dengan hasil ijтиhad ulama terdahulu dilihat begitu mendesak bagi memastikan hukum hakam Islam sentiasa segar mendepani zaman.<sup>259</sup> Perlu difahami, yang dimaksudkan oleh al-Qaradawi tersebut adalah sikap *taqlīd* para sarjana Islam yang berkemahiran terhadap pandangan dalam lingkungan mazhab secara membuta tuli walaupun tanpa dokongan dalil yang kuat. Buktinya, bagi beliau kebolehan melakukan

---

<sup>259</sup> Al-Qarađawī, Muḥammad Yūsuf (1996), *al-Ijtihād fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalm, hh. 96-97.

ijtihad *tarjīḥ*<sup>260</sup> atau *juz'ī*<sup>261</sup> sahaja sudah cukup bagi seseorang untuk menjadi mufti yang relevan di zaman moden. Namun, untuk sampai ke tahap tersebut juga semestinya memerlukan asas-asas ilmu pengeluaran hukum yang kukuh.<sup>262</sup>

Ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro tidak dapat lari daripada hakikat seperti yang disebutkan. Hukum-hakam yang dikeluarkan perlulah bersifat segar dan relevan dengan keperluan hidup manusia zaman moden. Kepesatan teknologi maklumat khususnya internet memudahkan umat Islam mencari jawapan hukum yang lebih mudah atau lebih kuat dalilnya untuk mereka amalkan walaupun di luar pandangan mazhab yang mereka anuti. Oleh yang demikian, menjadi cabaran para panelis yang terlibat memikirkan jawapan hukum yang terbaik untuk memberikan keseimbangan antara tuntutan realiti beragama masyarakat Islam umum di Malaysia dan tuntutan realiti zaman moden.

---

<sup>260</sup> “Ijtihad *tarjīḥ* ialah suatu ijtihad untuk memilih pendapat yang paling kuat, ianya bukan perkara baru, sama ada sebagai istilah akademik mahupun sebagai pendekatan praktikal kepada ijtihad. Ianya disebut dan dipraktikkan oleh para fuqaha sejak zaman klasik lagi. Ini boleh difahami melalui pembahagian kategori mujtahid seperti mana yang terdapat di dalam kitab-kitab *uṣūl al-fiqh*. Antara kategori yang dikemukakan ialah *mujtahid tarjīḥ* yang didefinisikan sebagai golongan yang mentarjīḥkan pendapat yang diterima berdasarkan metode *tarjīḥ* yang telah sedia ada sebelumnya. Mereka akan memilih mana-mana pendapat berdasarkan kekuatan dalil atau kesesuaianya dengan persekitaran semasa dan keperluan”, Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Nor Hashri Junoh (2003), *Pendekatan Ijtihād Tarjīḥ Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an*. *Jurnal Syariah*, jil. 11, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya h. 28, <http://myais.fsktm.um.edu.my/7522/>. 3 Februari 2011.

<sup>261</sup> Ijtihad *juz'ī* ialah ijtihad seorang yang alim dalam satu-satu bidang yang menjadi kepakarannya sahaja, tidak keseluruhan. sesetengah ulama menentang ijtihad jenis ini kerana para *mujtahidin* zaman lampau apabila ditanya tidak akan menjawab kecuali sebahagian sahaja yang benar-benar *faqīḥ* kesemua bidang. Lihat Mohd Saleh Ahmad (1999), *Pengantar Syari'at Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, hh. 178-179. Lihat juga al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), hh. *op. cit*; 107-109.

<sup>262</sup> *ibid.*

Hasil analisis terhadap semua soal jawab agama akhbar Harian Metro sepanjang tahun 2010 tersebut, secara umumnya penulis mendapati bahawa kedua-dua panelis tidak menjadikan kemestian setiap jawapan hukum mereka *bertaqlid* kepada pandangan mazhab tertentu bahkan kebanyakan jawapan mereka memang tidak meletakkan sumber rujukan kepada pegangan mazhab. Mengikut pengamatan penulis, terdapat 4 *trend* jawapan hukum yang diamalkan oleh kedua-dua panelis. Pertama, jawapan hukum yang ringkas dan padat tanpa sandaran dalil al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, jawapan hukum yang bersandar secara langsung kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ketiga, jawapan hukum yang menjawab menggunakan teknik kaunseling. Keempat, jawapan hukum yang bersandarkan kepada pendapat dalam mazhab. 3 *trend* terawal akan dihuraikan dalam topik metode ‘Jelas dan Rasional’.

Bagi membincangkan jenis jawapan hukum yang keempat iaitu bersandar kepada mazhab tertentu, penulis membahagikannya pula kepada 2 *trend* utama. Pertama, jawapan hukum yang memilih pandangan mazhab Syafi'i dan yang kedua jawapan hukum yang mengetengahkan kesemua mazhab tanpa terikat dengan mana-mana pandangan. Bagi jawapan kategori pertama, ianya dapat dilihat terhadap persoalan-persoalan hukum yang memerlukan penyelesaian konkret serta mempunyai unsur-unsur tempatan yang jelas. Contohnya dapat dilihat dalam persoalan berikut:

**“Soalan:** Adakah sah rujuk tanpa saksi? Atau saya perlu memaklumkannya kepada mahkamah syariah? – Ashraf, Kedah.

**Jawapan:** Berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam, setiap pernikahan dan perceraian perlu didaftarkan dan dilaporkan kepada pendaftar kariah masjid atau mahkamah syariah. Adalah menjadi satu kesalahan apabila tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa agama. Rujuk tetap sah tanpa saksi dan tanpa pengetahuan isteri sekalipun. Ini sekiranya isteri masih dalam talak raj'i iaitu perceraian talak satu atau dua yang masih dalam idah. Bagaimanapun, lebih baik isteri diberitahu dengan kata-kata rujuk. Ini kerana

ketika talak raj'i, suami isteri masih dalam ikatan perkahwinan sebelum tamat idah. Suami tidak ditegah untuk bermesra dengan isteri sehingga kepada persetubuhan sekali pun. Menurut Sayyid Sabiq, rujuk sah dengan tiga cara iaitu melalui kata-kata, perbuatan seperti persetubuhan ketika dalam idah dan dorongan seksual seperti ciuman. Bagaimanapun, Imam Syafie mensyaratkan dengan kata-kata sahaja iaitu ‘aku rujuk engkau’. Ini kerana bagi Imam Syafie, talak memutuskan pernikahan (Sabiq, II: 178). Semuanya perlu dilaporkan kepada pendaftar kariah masjid di tempat pasangan bermastautin. Jika isteri bersetuju dengan rujuk berkenaan, mereka dibenarkan hidup sebagai suami isteri apabila suami memohon kepada mahkamah. Bagaimanapun, jika isteri tidak bersetuju, dia tidak boleh dipaksa untuk hidup bersama. Mahkamah hendaklah melantik jawatankuasa pendamai untuk menyelesaiakannya.”<sup>263</sup>

Jawapan hukum sebegini dilihat cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi penyoal dengan menyatakan pandangan-pandangan dalam mazhab tentang sesuatu isu. Namun demikian, penulis telah menekankan pemilihan mazhab Syafi'i agar tidak berlaku konflik dengan undang-undang tempatan.

*Trend* kedua yang dikesan penulis ialah panelis-panelis tidak meletakkan pegangan jawapan mereka kepada mana-mana mazhab. Pandangan setiap mazhab dinyatakan dan memberikan hak kepada penyoal untuk menilai serta memilih sendiri pandangan hukum termudah. Contohnya dapat dilihat dalam petikan soal jawab berikut:

**“Soalan:** Selain itu, hukum melakukan hubungan kelamin ketika isteri haid adalah haram. Bagaimakah cara terbaik suami menyesali perbuatan itu? - Anita, Selangor.

**Jawapan:** Melakukan hubungan kelamin ketika haid hukumnya haram. Sekiranya pernah terlanjur hendaklah banyak beristighfar dan memohon keampunan Allah dan berazam tidak melakukannya lagi. Itu pendapat

---

<sup>263</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Rujuk Tanpa Saksi Tetap Sah’, 3 Disember 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat; ‘Dilema Walikan Anak Hasil Zina’, 23 April 2010; ‘Terlanjur Sebelum Berkahwin’, 1 Januari 2010; ‘Perbezaan Pendapat Hal Batal Wuduk’, 2 Julai 2010; ‘Kata Putus Rujuk Hak Suami’, 30 Julai 2010; ‘Air Tanah Hapus Kumas Babi’, 1 Oktober 2010; ‘Hukum Khatan Budak Perempuan’, 26 November 2010;; Mashitah Ibrahim, ‘Kulit Bangkai Suci Selepas Disamak’, 7 Februari 2010, *op. cit.*; ‘Hukum Korban Untuk Si Mati’, 14 Februari 2010; ‘Kaedah Anak Susuan’ 2 Mei 2010; ‘Darah Nifas Keluar Hampir Enam Minggu’, 8 Ogos 2010.

menurut Imam Malik, Syafie dan Abu Hanifah. Bagaimanapun, Imam Ahmad mensyaratkan suami bersedekah sebanyak satu dinar atau separuh selain beristighfar. Ahli hadis menambah jika berlaku persetubuhan ketika masih berdarah, hendaklah bersedekah satu dinar dan sekiranya ketika sudah putus darah, separuh dinar (Ibn Rushd, 2000: I: 96).<sup>264</sup>

dan,

**“Soalan:** Saya ingin bertanya mengenai pembahagian daging korban. Buat pengetahuan Datuk, saya bekerja dan menetap di Kemboja. Majoriti penduduk di sini bukan Islam dan isteri saya sendiri mualaf. Saya ingin tahu, apabila kami menerima daging korban, adakah ia boleh dimakan bersama dengan ahli keluarga isteri yang bukan Islam? Selain itu, seekor lembu boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian korban. Bolehkah saya mengambil satu bahagian tetapi berniat untuk dijadikan akikah bagi anak?- M Suffian, Kemboja.

**Jawapan:** Daging korban boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pada orang miskin, jiran dan untuk makan sendiri. Mazhab Hanbali membolehkan daging korban dimakan bersama atau diberi kepada yang bukan Islam jika ia korban sunnah dan bukannya nazar atau yang wajib. Akikah dan korban dua ibadat berbeza. Daging korban lebih utama disedekahkan kepada fakir miskin dalam keadaan mentah iaitu belum dimasak. Manakala daging akikah lebih utama disedekah kepada fakir miskin dan boleh juga kepada orang kaya dalam keadaan sudah dimasak. Hadis riwayat Al-Baihaqi dari Aisyah menyatakan bahawa: "menyedekahkan daging akikah dalam keadaan sudah dimasak itu adalah sunnah." (maksud hadis). Malik, Asy Syafi'e, Ahmad dan jumahir ulama berpendapat, akikah adalah sah dengan penyembelihan haiwan empat kaki dan dibolehkan seekor unta atau seekor lembu misalnya dikongsi sehingga tujuh orang walaupun ada bahagian daripada lembu atau unta itu bukan untuk akikah."<sup>265</sup>

Dua contoh di atas jelas menunjukkan bahawa dalam sesetengah jawapan, panelis tidak menyatakan pandangan yang menjadi pilihan mereka tetapi menyerahkannya kepada

<sup>264</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Sembahyang Ingatkan Kita Kepada Allah’, 29 Oktober 2010, *op. cit.*; ‘Usah ‘Hampiri’ Sebelum Suci’, 8 Januari 2010; ‘Solat Belakang Imam Tidak Baca Qunut’, 22 Januari 2010; ‘Keliru Mengenai Solat Qasar, Jamak’, 5 Februari 2010; ‘Samak Tempat Dilalui Anjing’, 30 April 2010; ‘Batang Ubi Kayu Disondol Babi’, 7 Mei 2010; ‘Wanita Haid Tak Gigalak Ajar al-Quran’, 21 Mei 2010; ‘Tahan Kentut Ganggu Khusyuk’, 30 Julai 2010; ‘Usah Bertelagah Soal Tunai Solat’, 6 Ogos 2010; ‘Fizikal Imam Perlu Sama Dengan Maknum’, 15 Oktober 2010; ‘Sembahyang Ingatkan Kita Kepada Allah’, 29 Oktober 2010; ‘Mutaah Jatuh Martabat Wanita’, 17 Disember 2010.

<sup>265</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Bukan Islam Makan Daging Korban’ 28 Mac 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat ‘Hukum Adakan Majlis Tahlil’, 14 April 2010; ‘Pengiraan Tiga Kali Suci’, 2 Mei 2010; ‘Wali Tidak Solat’, 5 September 2010.

pembaca untuk memilih daripada pelbagai pandangan mazhab beserta dalil sandaran. Jawapan hukum sebegini adalah terhadap persoalan-persoalan berbentuk umum yang tidak melibatkan undang-undang dan *maṣlaḥah* tempatan. Alternatif pandangan disertakan adalah bagi mempermudahkan penyoal serta pembaca untuk beramal kerana seperti yang diterangkan sebelum ini, panelis sangat mementingkan jawapan yang mudah bagi masyarakat untuk beramal tanpa mengorbankan asas-asas syariat.

Kesimpulannya, kebanyakan jawapan hukum yang dikeluarkan oleh kedua-dua panelis adalah tidak berpandukan pegangan mazhab secara langsung bahkan dalam banyak keadaan, mereka menggunakan sandaran lansung daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dari segi sandaran mazhab pula, sama ada Abdul Salam Muhamad Shukri mahupun Mashitah Ibrahim, pertimbangan untuk *bertaqlīd* atau *talfiq* adalah tergantung kepada kehendak persoalan dan tahap kemudahan untuk penyoal serta masyarakat.<sup>266</sup> Kehendak persoalan tersebut pula adalah ditafsirkan daripada sudut pandang mereka berdasarkan keilmuan serta pengalaman yang dimiliki. Ini bermakna ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro adalah bersifat anjal, mempunyai sandaran hukum pelbagai dan tergantung kepada situasi persoalan.

#### 4.2.4 Jelas Dan Rasional

Penerangan dan kejelasan sesuatu fatwa atau jawapan hukum yang dikeluarkan amatlah penting. Jawapan hukum yang tidak jelas dan sempurna akan memberikan kesan yang amat buruk kepada masyarakat kerana ianya akan menyebabkan masyarakat keliru

---

<sup>266</sup> Temubual bersama Abdul Salam Muhamad Shukri, *op.cit.*

serta salah faham terhadap ajaran agama. Disamping jelas, jawapan hukum yang dikeluarkan juga perlulah rasional bagi memudahkan penyoal atau masyarakat untuk menerimanya. Yang dimaksudkan dengan jelas dan rasional disini ialah jawapan hukum yang dikeluarkan bukan hanya menjawab persoalan dengan bahasa yang jelas, malah memberikan alasan, hikmah serta mengetengahkan dalil-dalil kukuh yang menjadi sandaran hukum mereka.<sup>267</sup>

Hasil analisis yang telah dijalankan, penulis dapati terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua panelis dalam memenuhi kriteria ‘jelas dan rasional’ seperti yang dimaksudkan. Kebanyakan jawapan Abdul Salam Muhamad Shukri lebih menepati kriteria tersebut kerana ianya dipersembahkan dalam bentuk huraian yang lebih terperinci. Namun, ini tidak bermakna kebanyakan jawapan yang dikeluarkan Mashitah Ibrahim tidak jelas dan rasional. Bezanya ia disampaikan dalam bentuk yang lebih ringkas. Oleh yang demikian, penulis membahagikan penggunaan metode ini kepada 2 bahagian. Pertama, jawapan hukum yang dihuraikan secara terperinci beserta dalil (al-Quran, al-Sunnah, pendapat ulama, fatwa dan lain-lain). Kedua, jawapan hukum yang bersifat ringkas tanpa huraian terperinci tetapi masih jelas dan rasional.

Bagi kategori pertama, seperti mana yang disebutkan, jawapan-jawapan Abdul Salam Muhamad Shukri sebahagian besarnya menepati kriteria yang digariskan. Jika dilihat kepada *trend* jawapan beliau, beliau gemar memberikan dalil serta penjelasan terperinci. Keadaan ini disebabkan status kerjaya beliau sebagai seorang pensyarah

---

<sup>267</sup> Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1988), *op. cit.*, hh. 130-132.

universiti berjawatan Professor Madya yang terlatih menjawab persoalan dengan nilai akademik. Contohnya dapat dilihat dalam soal jawab berikut:

**“Soalan:** Saya pelajar di sebuah universiti tempatan dan tinggal di rumah sewa. Masalah saya ialah, seorang rakan perempuan suka memeluk dan menggeletek saya. Perkara itu menjadi biasa memandangkan kami sangat rapat. Kadangkala apabila dia memeluk atau menggeletek, saya berasa geli dan akan mengeluarkan lendir seperti cecair jernih. Saya keliru sama ada perlu atau tidak saya mandi wajib atau hanya perlu membersihkan cecair itu saja. - Zulaikha, Kuala Lumpur.

**Jawapan:** Cecair yang keluar itu adalah berupa air mazi yang keluar disebabkan perbuatan rakan sendiri sehingga menimbulkan rasa seronok atau ‘keghairahan seksual’. Keluar air mazi tidak perlu mandi wajib. Anda hanya perlu membersih kerana air mazi dikira najis. Bagaimanapun, perbuatan rakan itu hendaklah dihentikan kerana bimbang melampaui batasan perhubungan antara sesama wanita. Islam mengharamkan hubungan lesbian, iaitu perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenis. Anda hendaklah berhati-hati supaya tidak terjerumus dalam hubungan sedemikian kerana ia sukar untuk dibaiki. Ini jelas apabila al-Quran menyebut: “Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan itu, maka kurunglah mereka (perempuan itu) dalam rumah hingga sampai ajal matinya atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar daripada hukuman itu.” (al-Quran, al-Nisa’ (4): 15). Bagi mengelak hubungan sedemikian Rasulullah (s.a.w.) bersabda: “Lelaki tidak boleh memandang aurat lelaki dan perempuan tidak boleh memandang aurat perempuan. Lelaki tidak boleh bergesel dengan lelaki

dalam satu pakaian dan perempuan tidak boleh bergesel dengan perempuan dalam satu pakaian.” (Ahmad, Muslim, Abu Dawud dan Tirmizi).<sup>268</sup>”

Berdasarkan jawapan tersebut, kita dapat melihat bahawa panelis telah memberikan hukum yang jelas bagi persoalan yang diajukan iaitu cecair yang keluar akibat ransangan

---

<sup>268</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Geli Digeletek Hingga Basah’, *op. cit.*; contoh lain lihat ‘Kahwin Jalan Terbaik Bendung Nafsu’, 1 Januari 2010; ‘Sebab Islam Haramkan Emas Untuk Lelaki’, 1 Januari 2010; ‘Lelaki Gay Mahu Taubat’, 8 Januari 2010; ‘Berpeluk Hampiri Zina’, 15 Januari 2010; ‘Gugur Kandungan Hasil Zina’, 22 Januari 2010; ‘Suami Isteri Tiada Batasan Aurat’, 29 Januari 2010; ‘Beli Cincin Kahwin Guna Kad Kredit’, 29 Januari 2010; ‘Anjing Tak boleh Jadi Haiwan Manja’, 29 Januari 2010; ‘Makmum, Masbuk’, 5 Februari 2010; ‘Masalah Syed, Syarifah’, 12 Februari 2010; ‘Suami Pelik Panas Baran’, 19 Februari 2010; ‘Jaga Kesucian Lambang Agama’, 19 Februari 2010; ‘Isteri Dihalang Sihir Suami’ 19 Februari 2010; ‘Haram Salah Guna Air Ketum’, 26 Februari 2010; ‘Hukum Pamer Gambar Manusia di Rumah’ 5 Mac 2010; ‘Gadis Berfantasi Tewas Kekang Gelora’, 12 Mac 2010; ‘Hukum Memakai Inai Harus’, 26 Mac 2010; ‘Lagu, Tempat Perlu Selaras Ajaran Islam’, 26 Mac 2010; ‘Beza Nafsu Berahi, Syahwat’, 26 Mac 2010; ‘Guna Kasut Kulit Babi’, 2 April 2010; ‘Haram Jampi Suami’, 16 April 2010; ‘Lebih Baik Cinta Berpandu Agama’, 30 April 2010; ‘Was-was Mandi Hadas Besar’, 7 Mei 2010; ‘Suami Layari Web Lucah’, 14 Mei 2010; ‘Persenda Sifat Fizikal Orang’, 21 Mei 2010; ‘Gadis Mudah Terangsang’, 28 Mei 2010, ‘Doa Mustajab Ketika Antara Dua Khutbah’, 4 Jun 2010; ‘Sengketa Kerana Harta Pusaka’, 4 Jun 2010; ‘Minta Isteri Haid Puaskan Nafsu’, 11 Jun 2010; ‘Bimbang Taubat Tidak Diterima’, 25 Jun 2010; ‘Lakukan Solat Qada’ Secepat Mungkin’, 2 Julai 2010; ‘Suami Cinta Isteri Orang’, 9 Julai 2010; ‘Terpaksa Makan Makanan Diragui Halal’, 9 Julai 2010; ‘Cara Bertayammum Dengan Betul’, 16 Julai 2010; ‘Talak Jangan Dijadikan Ugutan’, 16 Julai 2010; ‘Boleh Bagi Elak Berzina’, 16 Julai 2010; ‘Kanta Lekap Tidak Batal Puasa’, 23 Julai 2010; ‘Cara Mandi Wajib Jika Kaki Bersimen’, 23 Julai 2010; ‘Jaga Maruah Diri, Keluarga’, 30 Julai 2010; ‘Pilih Nama Baik Untuk Anak’, 30 Julai 2010; ‘Batas Kasih Sayang Manusia’, 6 Ogos 2010; ‘Tanda Ajal’, 13 Ogos 2010; ‘Keliru Antara Dua Niat’, 13 Ogos 2010; ‘Puasa Tapi Teransang’, 10 September 2010; ‘Terlanjur 3 Kali Pada Ramadan’, 10 September 2010; ‘Wanita Hamil 8 Bulan Wajib Berpuasa’, 17 September 2010; ‘Video Sekadar Khayalan’, 17 September 2010; ‘Solat Hajat Sebelum Mulakan Perjalanan’, 17 September 2010; ‘Hantar SMS Cerai Talak Tiga’, 24 September 2010; ‘Allah Laknat Cina Buta’, 8 Oktober 2010; ‘Mahu Segera Nikah Elak Sering Zina’, 8 Oktober 2010; ‘Tarian Usah Melampaui Batas’, 15 Oktober 2010; ‘Salah Guna Istilah Agama’, 15 Oktober 2010; ‘Pergaulan Bebas Menjurus Zina’, 15 Oktober 2010; ‘Tersepit Diantara Suami dan Ibu’, 22 Oktober 2010; ‘Gadis Terlanjur Gusar Masa Depan’, 29 Oktober 2010; ‘Tidak Rujuk Tapi Tidur Sama’, 12 November 2010; ‘Isteri Mengharap Kematian Suami’, 19 November 2010; ‘Lelaki Baru Kahwin Janda, Haram Nikah Cucu Isteri’ 26 November 2010; ‘Beza Harta Sepencarian, Nafkah’, 3 Disember 2010; ‘Suami Main Cinta di Facebook’, 10 Disember 2010; ‘Rakan Serumah Bernafsu Songsang’, 10 Disember 2010; ‘Pasangan Bercinta Bergelut Dengan Nafsu’, 10 Disember 2010; ‘Cara Hidup Bebas Hanya Bawa Kerosakan’, 17 Disember 2010; ‘Hanya Tangan Isteri’, 17 Disember 2010; ‘Sering Menggeletar Takutkan Mati’, 17 Disember 2010; ‘Dinodai Abang Sendiri’, 24 Disember 2010; ‘Ibu Tidak Hirau Kebersihan Dalam Solat’, 24 Disember 2010.

(bukan kemuncak syahwat dan berwarna jernih) ialah air mazi dan tidak wajib mandi hadas besar. Namun, panelis telah memberikan peringatan jelas menggunakan kaedah *sad al-zarāī*<sup>269</sup> tentang bahaya perbuatan rakan penyoal tersebut. Dalil-dalil dilampir bersama untuk menunjukkan bahaya hubungan sejenis yang dbimbangi berlaku jika keadaan sama berterusan. Jawapan hukum sebegini dilihat tidak hanya menjawab persoalan penyoal dengan jelas, malah rasional memberikan bimbingan serta peringatan bagi khalayak pembaca yang lain untuk berhati-hati dengan masalah yang berlaku di sekeliling mereka.

Bagi panelis kedua iaitu Mashitah Ibrahim, terdapat juga jawapan-jawapan beliau yang menepati kriteria yang pertama, namun tidaklah sebanyak Abdul Salam Muhamad Shukri. Ini disebabkan oleh beban tugasnya sebagai Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang sangat sibuk dan *style* menjawab beliau yang mementingkan ‘ringkas tapi padat’. Contoh jawapan kategori pertama dapat dilihat dalam soal jawab berikut:

“**Soalan:** Saya pernah berzina beberapa kali dengan teman lelaki pertama dan kedua. Saya juga pernah menggugurkan kandungan sekali. Akhirnya, saya menyesal dengan perbuatan itu dan ingin berubah. Saya memutuskan hubungan dengan harapan tidak akan melakukan lagi perkara terkutuk itu. Satu hari, saya bertemu dengan seorang lelaki yang membuka hati untuk bercinta semula bagi kali ketiga. Tetapi malangnya, selepas berbulan bercinta, saya dan pasangan melakukan perbuatan sama. Untuk pengetahuan Dr, kami sudah bertunang pada Mac 2010 dengan perjanjian selama dua tahun. Masalahnya, kami sering bertengkar dan saya selalu memaksa pasangan agar segera bernikah kerana tidak dapat mengelak daripada berzina. Bagaimanapun, pasangan saya enggan kerana masih belajar di IPTA dan dijangka tamat pada Jun 2012. Saya pula sudah mempunyai pekerjaan tetap. Saya menasihati tunang mencari pekerjaan sambilan agar dapat segera bernikah tetapi dia tidak berani berbuat demikian. Perlukah kami berkahwin dengan segera memandangkan kami sudah berkali-kali melakukan zina? - Zura, Selangor

---

<sup>269</sup> *Sad al-Zarāī* ialah perkara yang pada asalnya tidak dilarang, tetapi apabila mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada *mafsadah*, maka ia ditegah dari melakukannya. Lihat al-Qurtūbī, Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t.), *al-Jāmi` lī al-Aḥkām al-Qur’ān*, Kaherah: al-Hai’ah al-Miṣriyyah al-`Ammah lī al-Kitāb, hh. 57-58.

**Jawapan:** Hubungan seksual di antara lelaki dan perempuan hanya dibenarkan Islam menerusi institusi perkahwinan. Selain perkahwinan, Islam melarang hubungan intim di antara lelaki dan perempuan termasuk dengan tunang sendiri. Sebagai agama yang bersumber wahyu Ilahi, Islam mengetahui ciri semula jadi manusia yang mempunyai dorongan seksual. Dengan sebab itu, Islam melarang muda-mudi daripada duduk berdua-duaan. Ini kerana perbuatan sedemikian mendorong kepada zina. Jenayah zina merosakkan keperibadian dan masyarakat Muslim. Pengguguran, pembuangan bayi dan permusuhan dalam masyarakat boleh berlaku dengan sebab jenayah zina. Allah berfirman yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat.” (Surah al-Isra' ayat 32). Nasihat saya kepada anda berdua dan mereka yang terbabit dalam zina supaya bertaubat dan berhenti daripada melakukannya. Individu dan masyarakat pula hendaklah menghalang jenayah zina daripada berleluasa. Anda berdua dinasihatkan melangsungkan perkahwinan secepat mungkin. Ia dapat dilakukan menerusi perbincangan dengan ahli keluarga masing-masing. Sepatutnya anda memberitahu perkara sebenar kepada keluarga. Dengan itu, mereka dapat mencari jalan penyelesaian untuk menyatukan anda berdua dalam ikatan yang sah.<sup>270</sup>

---

<sup>270</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Sesalan Gadis Ternoda’, 21 November 2010, ‘Varias’ dlm. Metro Ahad, h. 8; contoh lain lihat ‘Dilema Pekerja Bank’, 28 Februari 2010; ‘Pinggan Tulang Haiwan’, 28 Mac 2010; ‘Isteri Bayar Zakat Pendapatan Suami’, 18 April 2010; ‘Kufur Percaya Bomoh’, 25 April 2010; ‘Hak Harta Pusaka’, 25 April 2010; ‘Anak Angkat Hidup Derita’, 25 April 2010; ‘Hukum Ibu Ambil Duit Anak’, 9 Mei 2010; ‘Ibu Taksuh Bomoh, Tangkak’, 9 Mei 2010; ‘Suami Tak Buang Imej Buaya’, 23 Mei 2010; ‘Dara Dari Kaca Mata Islam’, 23 Mei 2010; ‘Mandi Bunga Amalan Syirik’, 20 Jun 2010; ‘Nazar Perkara Baik Saja’, 20 Jun 2010; ‘Suami Utamakan Keluarga Sendiri’, 4 Julai 2010; ‘Boleh Nikah Sepupu’, 4 Julai 2010; ‘Suami Utamakan Keluarga sendiri’, 4 Julai 2010; ‘Ibu Mertua Campur Tangan’, 18 Julai 2010; ‘Bersumpah Disambar Petir’, 25 Julai 2010; ‘Ketepi Ibu Bapa Kerana Patuh Suami’, 15 Ogos 2010; ‘Antara Ibu Bapa dan Tanggungjawab’, ‘Simpan Gambar Arwah’, ‘Wali Tidak Solat’, 5 September 2010; ‘Permintaan Songsang Bakal Suami’, 5 September 2010; ‘Suami Enggan Beri Nafkah’, 12 September 2010; ‘Pemberian Erat Hubungan Adik Beradik’, 12 September 2010; ‘Biras Berzina’, 26 September 2010; ‘Buat Produk Untuk Kasino’, 3 Oktober 2010; ‘Hukum Pelihara Anjing’, 3 Oktober 2010; ‘Had Umur Sunat Anak Perempuan’, 10 Oktober 2010; ‘Gugur Anak Sifat Jahiliah’, 10 Oktober 2010; ‘Bimbang Bermenantukan Anak Luar Nikah’, 17 Oktober 2010; ‘Hukum Guna Wang Cukai Haram’, 17 Oktober 2010; ‘Aqiqah Bayi Meninggal’, 31 Oktober 2010; ‘Telur Penyu Halal Dimakan’, 7 November 2010; ‘Berjimak Selepas Subuh Ramadan’, 28 November 2010; ‘Ambil Wuduk Selepas Mandi Hadas’, 5 Disember 2010; ‘Berzina Dengan Bukan Islam’, 5 Disember 2010; ‘Hukum Pakai Gigi Palsu’, 5 Disember 2010; ‘Izin Isteri Bertindik Pusat’, 12 Disember 2010; ‘Hukum Naik Pelamin’, 12 Disember 2010;

Jawapan terhadap persoalan yang ditanyakan di atas menunjukkan panelis telah membuka pernyataan dengan pandangan Islam yang memuliakan institusi perkahwinan. Kemudian panelis membentangkan bahana zina kepada masyarakat dan disusuli firman Allah yang melarang jenayah tersebut untuk dihampiri sama sekali. Selepas itu barulah panelis memberikan nasihat atau jalan penyelesaian terbaik bagi pasangan tersebut. Jelasnya jawapan tersebut menunjukkan panelis telah menepati saranan-saranan yang telah digariskan sebelum ini iaitu menyediakan pernyataan pendahuluan, sokongan dalil dan pernyataan hikmah. Cuma perbandingan dengan agama lain sahaja yang tidak dinyatakan kerana tiada keperluan.

Kategori kedua pula ialah jawapan hukum yang ringkas tetapi jelas dan rasional. Jawapan hukum yang dimaksudkan berkisar kepada persoalan-persoalan hukum yang mudah. Biasanya soalan-soalannya juga ringkas. Panelis akan menjawab soalan jenis ini kadangkala beserta dalil yang ringkas, kadangkala hanya jawapan beserta alasan ringkas. Apa yang penting bagi mereka adalah penyoal mendapat jawapan yang diinginkan. Contoh jawapan hukum jenis ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

**“Soalan:** Adakah jatuh talak jika saya melafaz cerai secara jelas, tetapi berseorangan (tiada saksi) dan hanya suka-suka iaitu tiada niat? - Wan, Perak.

**Jawapan:** Talak dan kahwin bukan perkara yang boleh dimain-mainkan. Ia perkara serius kerana membabitkan hubungan suami isteri. Dengan akad nikah, persetubuhan dihalalkan apabila sebelumnya adalah haram. Begitu juga dengan talak, hubungan seksual suami isteri menjadi haram. Dengan sebab itu, kata talak tidak boleh dimain-mainkan. Berkaitan kes anda, jatuh talak dengan sebab kata-kata berkenaan walaupun ia hanya main-main dan berseorangan tanpa saksi. Bagaimanapun, jatuh talak itu hendaklah disahkan di mahkamah dengan melaporkan kepada pihak berkuasa agama. Anda hendaklah menceritakan perkara sebenar kepada mahkamah dan isteri.

Dengan itu mahkamah boleh mensabitkan cerai jika ia sabit. Jika berlaku rujuk, ia juga boleh disahkan di mahkamah nanti.”<sup>271</sup>

dan,

**“Soalan:** Saya ingin membayar hutang ayah saya yang meninggal dunia. Saya ada dengar orang berkata jika kita berhutang dengan orang kafir, kita hanya dipersalahkan di dunia saja (undang-undang) tetapi di akhirat kelak kita tidak dipersoalkan oleh Allah. Soalan saya adakah wajib waris membayar hutang berkenaan? – Jainal, Melaka.

**Jawapan:** Hutang wajib dibayar tidak kira sama ada yang memberi hutang itu orang Islam atau kafir. Islam agama adil pada manusia sejagat. Jika ayah mempunyai hutang pada orang bukan Islam, langsaikan hutang berkenaan kerana ia tetap dipersoalkan di akhirat nanti. Jika masih ada daripada pusakanya langsaikan dulu sebelum dibahagikan. Jika sudah difaraidkan maka menjadi tanggungjawab saudara selaku anak untuk menyelesaikan yang

---

<sup>271</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Jatuh Talak Walaupun Lafaz Main-main’, 22 Januari 2010, ‘Variasi’ dlm. Harian Metro, h. 3. Contoh lain sila lihat ‘Ipar Datang Tanpa Pengetahuan’, 22 Januari 2010; ‘Si Kalah Belanja Makan Dianggap Judi’, 12 Mac 2010; ‘Terlanjur Dengan Gadis Indonesia’, 19 Mac 2010; ‘Perlukah Saya Mandi Wajib 2 Kali?’, 19 Mac 2010; ‘Keliru Cara Mandi Wajib Betul’, 9 April 2010; ‘Masuk Jari Bukan Zina’, 16 April 2010; ‘Keliru Bukan Berbinkan Bapa Sebenar’, 7 Mei 2010, ‘Pekerja Kontrak Wajib Bayar Zakat’, 14 Mei 2010; ‘Hukum Lelaki Pakai Gelang Kaki’, 28 Mei 2010; ‘Tinggal Bersama Walaupun Suami Sudah Murtad’, 28 Mei 2010; ‘Wuduk Sebelum Mandi Wajib’ 18 Jun 2010; ‘Boleh Gantung Gambar Kenangan’, 25 Jun 2010; ‘Masalah Nikah Gadis Seberang’, 13 Ogos 2010; ‘Tak Bayar Zakat Fitrah’, 20 Ogos 2010; ‘Hutang Masuk Dalam Pusaka’, 20 Ogos 2010; ‘Larang Bangkti Syahwat’, 20 Ogos 2010; ‘Puasa Sah Meskipun Tidak Berjunub’, 27 Ogos 2010, ‘Pelajar Perubatan Akhirnya Insaf’, 27 Ogos 2010; ‘Tidak Salah Doa Orang Sukai Kita’, 3 September 2010; ‘Hukum Wuduk Jika Rambut Berminyak’, 3 September 2010; ‘Terlanjur 3 Kali Pada Bulan Ramadan’, 10 September 2010; ‘Suami Isteri Tak Puasa Lakukan Jimak’, 17 September 2010; ‘Jatuh Talak Guna SMS’, 1 Oktober 2010; ‘Dosa Simpan Foto Teman Wanita Dalam Dompet?’, 22 Oktober 2010; ‘Keliru Soal Sembahyang Qada’, 22 Oktober 2010; ‘Resah Lepas Laku Mukadimah Zina’, 12 November 2010; ‘Beri Nama Bermaksud Baik Untuk Anak’, 12 November 2010; ‘Tak Dapat Izin Balik Kampung’, 19 November 2010; ‘Melakukan Akikah Untuk Anak Angkat’, 26 November 2010; ‘Gigitan Cinta Tak Jejas Ibadat’, 3 Disember 2010; ‘Dilema Anak Luar Nikah’, 31 Disember 2010.

tertunggak, semoga Allah merahmati kita semua.”<sup>272</sup>

Dalam soal jawab pertama Abdul Salam Muhamad Shukri telah memulakan jawapan dengan pernyataan ringkas tentang kepentingan mengambil berat soal lafaz talak sebelum menjawab persoalan dengan ketentuan hukum. Kemudian panelis telah memberikan cadangan langkah susulan bagi penyoal untuk mengesahkan status perkahwinan mereka. Jawapan sebegini walaupun ringkas, ianya sangat jelas dan rasional kerana jawapan bukan hanya terjawab, tetapi disertakan dengan pengetahuan serta langkah

---

<sup>272</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Hutang Si Kafir Wajib Bayar’, 30 Mei 2010, ‘Ekspresi’ dlm. Metro Ahad, h. 19; ‘Serah Semua Harta Ayah Kepada Ibu’, 10 Januari 2010; ‘Hutang Tanpa Akad’, 10 Januari 2010; ‘Hukum Bedah Punggung’, 17 Januari 2010; ‘Gaji Isteri Hak Sendiri’, 17 Januari 2010; ‘Isteri Mualaf Mohon Fasakh’, 17 Januari 2010; ‘Ditimpah Masalah Kerana Abai Nazar’, 24 Januari 2010; ‘Pekak, Bisu Mampu Tunai Ibadat’, 24 Januari 2010; ‘Hukum Ikat Rahim’, 31 Januari 2010; ‘Isteri Asyik Bercinta’, 31 Januari 2010; ‘Perlu Anuti Islam Dengan Rela Hati’, 7 Februari 2010; ‘Paksa Lafaz Cerai’, 14 Februari 2010; ‘Fidyah Tertinggal Puasa’, 21 Februari 2010; ‘Cerai Isteri Atas Desakan Ibu’, 21 Februari 2010; ‘Nafkah Isteri’, 28 Februari 2010; ‘Hukum Tak Tunai Nazar’, 28 Mac 2010; ‘Akikah, Kenduri Kahwin Serentak’, 11 April 2010; ‘Pancaragam Orang Mati’, 9 Mei 2010; ‘Isteri Mengaku Ada Kekasih’, 16 Mei 2010; ‘Dua Anak Tanpa Status’, 16 Mei 2010; ‘Ayat Pelembut Hati Kekasih’, 30 Mei 2010; ‘Tok Siak Mulut Celupar’, 6 Jun 2010; ‘Tak Sempat Mandi Hadas’, 6 Jun 2010; ‘Dicela Ketika Tuntut Nafkah Anak’, 13 Jun 2010; ‘Salah Guna Alat Palsu’, 13 Jun 2010; ‘Ikut Tertib Susunan Wali’, 20 Jun 2010; ‘Lafaz Cerai Bersyarat’, 27 Jun 2010; ‘Tegur Ibu Bapa Dengan Contoh Baik’, 27 Jun 2010; ‘Pusaka Mesti Faraid’, 27 Jun 2010; ‘Sunnah Cukur Rambut Bayi’, 4 Julai 2010; ‘Boleh Nikah Sepupu’, 4 Julai 2010; ‘Ragui Status Tiga Anak’, 11 Julai 2010; ‘Tuntut Ganti Cermin Kereta Pecah’, 1 Ogos 2010; ‘Nikah Dua Kali’, 8 Ogos 2010; ‘Lapan Tahun Hutang Puasa’, 15 Ogos 2010; ‘Penama Tiada Ikatan Keluarga’, 15 Ogos 2010; ‘Masa Idah Tanpa Haid’, 15 Ogos 2010; ‘Tertinggal Solat Wajib Qada’, 22 Ogos 2010; ‘Nazar Kenduri’, 29 Ogos 2010; ‘Guna Pelaris Majukan Kedai’, 19 September 2010; ‘Hukum Sertai Teka Bola’, 19 September 2010; ‘Nazar Baik Wajib Tunai’, 19 September 2010; ‘Wali Anak Luar Nikah’, 26 September 2010; ‘Simpan Gigi Babi Hutan’, 26 September 2010; ‘Sumpah Surah Yasin’, 26 September 2010; ‘Sara Anak Tanggungjawab Bapa’, 10 Oktober 2010; ‘Cara Hindari Maksiat’, 17 Oktober 2010; ‘Solat Isyak Tengah Malam’, 24 Oktober 2010; ‘Doa Untuk Kawan Bukan Islam’, 24 Oktober 2010; ‘Keluar Air Mazi’, 31 Oktober 2010; ‘Rujuk Tanpa Niat’, 14 November 2010; ‘Sumbangan Secara Paksaan’, 14 November 2010; ‘Sembilan Tahun Janji Bertunang’, 21 November 2010; ‘Bayar Zakat Terus Kepada Fakir Miskin’, 21 November 2010; ‘Cara Urus Uri Ikut Islam’, 21 November 2010; ‘Tarat Ibu Kandung, Tiri, Mentua’, 21 November 2010; ‘Pemberian Wang Bulanan’, 28 November 2010; ‘Makan Sebelum Solat’, 12 Disember 2010; ‘Tegur Ibu Perlu Berhemah Biarpun Dia Bersalah’, 12 Disember 2010; ‘Wasiat Lisan Perlukan Saksi’, 19 Disember 2010.

penyelesaian. Dengan demikian, penyoal mendapat jawapan, khalayak pembaca lain mendapat maklumat berguna sebagai panduan hidup mereka.

Dalam jawapan kedua pula, Mashitah Ibrahim bukan hanya menjawab persoalan tetapi sebenarnya telah menampakkan keindahan ajaran Islam yang mementingkan keadilan tanpa mengira latar agama. Jawapan sebegitu sememangnya jelas serta rasional dalam mengetengahkan kelebihan Islam. Walaupun tanpa sandaran dalil, ianya dilihat sudah cukup memberikan kefahaman bermanfaat. Namun, jika disertakan dalil-dalil al-Quran serta al-Sunnah, tentu sahaja ia akan menjadi lebih berkualiti dan berautoriti tinggi. Dalam persoalan-persoalan yang penulis sertakan dalam ruangan rujukan, terdapat juga jawapan hukum beliau yang disertakan dalil tetapi bersifat ringkas.

Walaubagaimanapun, perlu diingatkan juga, contoh-contoh yang diberikan tersebut tidaklah menggambarkan keseluruhan metode menjawab yang digunakan kedua orang panelis. Terdapat juga beberapa kekurangan kedua panelis dalam memberikan jawapan dengan jelas dan rasional bahkan didapati terdapat perbezaan jawapan hukum di antara mereka terhadap persoalan yang hampir sama. Penulis akan membincangkannya dalam topik yang terakhir nanti. Berbalik persoalan metode yang jelas dan rasional, kesimpulan yang boleh dibuat ialah sama seperti sub topik sebelum ini iaitu jawapan-jawapan yang diberikan mereka adalah bergantung kepada persoalan yang diajukan. Persoalan yang *simple* biasanya akan dijawab dengan ‘ringkas dan padat’. Manakala soalan yang sedikit sukar akan dihuraikan dengan lebih terperinci. Dengan kenyataan tersebut, penulis dapat simpulkan bahawa keperluan menilai status soalan sangat penting. Jika panelis salah

menilai soalan, jawapan yang diberikan tidak akan mampu memberikan penjelasan yang baik kepada penyoal atau khalayak pembaca.

#### **4.3 REALITI METODE PENGETAHUAN JAWAPAN HUKUM DALAM RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA AHKBAR HARIAN METRO**

Perbincangan dalam sub topik ini akan membahaskan secara lebih kritis tentang realiti metode jawapan hukum yang diamalkan oleh panelis soal jawab agama yang terlibat. Untuk perbincangan tersebut, penulis membahagikan skop perbincangan kepada dua aspek iaitu aspek kelebihan dan kekurangan.

##### **4.3.1 Aspek Kelebihan Atau Positif**

Soal Jawab Agama yang berlaku saban minggu dalam akhbar Harian Metro dan Metro Ahad merupakan satu yang terpuji. Usaha murni pihak yang terlibat khususnya Harian Metro dan panelis patut diberikan penghargaan kerana telah memberikan ruang bagi masyarakat Islam mengutarakan pelbagai persoalan mengenai agama disamping mempelajari ilmu-ilmu baru yang mungkin tidak pernah mereka fahami. Walaupun dalam suasana ringkas dan santai, ruangan soal jawab agama tersebut mampu memberikan impak yang berkesan kerana fakta statistik menunjukkan khalayak pembaca akhbar Harian Metro tersebut semakin bertambah tahun demi tahun.

Secara umumnya, tanpa melihat aspek kekurangan yang akan dibincangkan selepas sub topik ini, realiti soal jawab yang berlaku menunjukkan bahawa kebanyakan jawapan hukum yang dikeluarkan kedua-dua panelis telah memenuhi empat piawaian asas berfatwa yang digariskan. Apa yang penulis maksudkan telah dipenuhi adalah jawapan-jawapan hukum bersifat memberikan kemudahan bukannya kesusahan, memahami kehendak penyoal dan masyarakat dengan baik, tidak bersifat *taqlid* buta kepada mazhab-mazhab tertentu dan mempunyai keterangan yang jelas serta rasional.

Jawapan-jawapan hukum yang dikeluarkan mempunyai nilai ilmiah yang tersendiri. Nilai ilmiah tersendiri yang dimaksudkan penulis adalah merujuk kepada latar belakang kedua-dua panelis yang berautoriti dalam bidang agama serta keabsahan sebahagian besar jawapan hukum yang mereka keluarkan. Persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua panelis pula dapat dilihat menerusi sikap terhadap nukilan sumber, ilmu pentafsiran nas dan pendapat ulama, kaedah *tarjih*, *talfiq* serta teknik menjawab. Kesemua elemen tersebut dilihat telah mencorak secara langsung jawapan panelis terhadap sesuatu persoalan.

Aspek psikologi agama juga menjadi antara kelebihan yang dikenal pasti. Kedua-dua panelis telah memainkan peranan sebagai ‘kaunselor agama’ berpandukan keilmuan dalam bidang agama disamping pendekatan psikologi. Seperti mana yang sedia maklum, banyak persoalan ditangani berkisar tentang masalah rumah tangga, gejala sosial dan kisah keterlanjuran. Kedua-dua panelis membuktikan para agamawan mampu membimbing dan menyumbang bagi memperbetulkan kesalahan penyoal di masa lalu. Metode yang digunakan mereka seperti mencetuskan kesedaran, menyediakan langkah susulan dan ancaman (dalam soal-soal tertentu) begitu positif untuk diteruskan.

#### **4.3.2 Aspek Kekurangan Atau Negatif**

Sesuatu jawapan hukum yang lengkap memerlukan kepada ruang untuk menjawab yang mencukupi. Aspek kekurangan pertama ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro adalah ruangannya yang terbatas. Limitasi tersebut telah menyukarkan kedua-dua panelis memberikan jawapan-jawapan hukum yang lengkap dan terperinci. Sebenarnya pendekatan menghadkan jumlah persoalan boleh mengatasi masalah ini seperti yang telah diamalkan oleh sebahagian majalah dan akhbar lain.<sup>273</sup> Realiti jawapan hukum dalam akhbar Harian Metro yang kadangkala terlalu ringkas mengurangkan autoriti malah dibimbangi tidak memberikan kefahaman yang benar kepada penyoal atau masyarakat.

Sepertimana yang penulis telah nyatakan sebelum ini, walaupun secara umumnya kebanyakan jawapan hukum yang dikeluarkan menepati *standard* piawaian asas berfatwa, masih terdapat ruang-ruang kekurangan yang boleh dikenal pasti daripada sebahagian jawapan-jawapan hukum yang lain. Aspek kekurangan kedua yang dikenal pasti adalah tanggungjawab panelis yang kurang mementingkan pernyataan sumber rujukan jawapan hukum yang diberikan.<sup>274</sup> Dalam dunia globalisasi yang mencabar ini, masyarakat bukan sahaja dahagakan maklumat berkaitan agama, malah sangat mementingkan nilai kebenaran sesuatu fakta sesuai dengan disiplin *uṣūl al-fiqh* itu sendiri.<sup>275</sup>

---

<sup>273</sup> Contohnya seperti majalah *MIDI*, *Majalah I*, *al-Ustaz*, *Solusi* dan akhbar *Berita Harian*.

<sup>274</sup> Kelemahan dalam kaedah mengemukakan sumber rujukan seperti yang dituntut dalam disiplin *Uṣūl al-Fiqh* sebenarnya turut berlaku dalam institusi fatwa rasmi di Malaysia. Lihat Ahmad Hidayat Buang, *op. cit.*, h. 50.

<sup>275</sup> Noor Azliyyah Razalli (2008), *Penggunaan Metode Uṣūl al-Fiqh Dalam Menganalisis Dasar Pendidikan Negara*, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 63.

Aspek ini mungkin kurang diberi perhatian kerana ruang soal jawab yang terbatas, namun apabila menyentuh soal autoriti, pasti aspek ini diberikan perhatian utama. Analisis sebelum ini<sup>276</sup> menunjukkan panelis pertama iaitu Abdul Salam Muhamad Shukri hanya menyertakan sebanyak 46% sumber daripada keseluruhan jawapan hukum yang dikeluarkan manakala panelis kedua, Mashitah Ibrahim hanya 23% penyertaan sumber rujukan. Jumlah ini dikira masih rendah apatah lagi ianya belum disaring dengan tahap autoriti keseluruhan sumber secara terperinci.

Aspek kekurangan ketiga yang dikenalpasti penulis adalah aspek penghujahan yang kadangkala kurang kuat dan berbeza di antara satu sama lain. Contohnya dapat dilihat dalam dua soal jawab berikut:

**“Soalan:** Saya bakal melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi dan pernah mendengar ceramah yang mengatakan memakai inai (mengukir di tangan dengan corak bunga) adalah salah. Penceramah itu berkata sesiapa yang melukis inai di tangan akan dilaknat Allah. Adakah perkara itu benar? - Nani, Johor.

**Jawapan:** Memakai inai termasuk dalam kategori berhias. Islam membenarkan berhias bagi wanita asalkan ia tidak melanggar syariah. Contohnya, berhias untuk suami dan bukan untuk tontonan orang lain. Secara khusus, memang ada pendapat yang melarang memakai inai dalam bentuk lukisan. Ia berdasarkan alasan memakai inai itu seperti memakai tatu yang secara jelas diharamkan. Bagaimanapun, memakai inai tidak seperti mengukir tatu di badan yang kekal dan tidak dapat dihilangkan. Inai hanya buat sementara saja berbanding dengan tatu. Lagipun memakai inai dibenarkan Rasulullah. Contohnya dalam hadis diceritakan bahawa: “Abu Quhafah dibawa pada hari penaklukan Makkah ke hadapan Rasulullah dengan rambut dan janggutnya memutih seperti thaghmah (sejenis tumbuhan bunga dan buahnya berwarna putih seperti putih uban).” Maka Rasulullah bersabda: “Ubahkan (warna rambut dan janggut) kamu dengan sesuatu dan jauhi

---

<sup>276</sup> Lihat hh. 103-105.

(warna) hitam.” (Muslim). Dengan itu memakai inai itu diharuskan.”<sup>277</sup>

dan,

**“Soalan:** Saya difahamkan, jika seseorang itu menghitamkan rambutnya dengan tujuan menipu, hukumnya adalah haram. Namun saya ingin kepastian untuk hukum bagi individu yang masih muda mewarnakan rambutnya dengan inai berwarna hitam dengan alasan malu kerana rambut beruban dalam usia muda. Inai itu disahkan halal dan mendapat kelulusan kementerian. Minta pandangan daripada perspektif Islam.- Samsuddin

**Jawapan:** Harus bagi umat Islam menggunakan inai bagi menghitamkan rambut kerana ia baik bagi pertumbuhan rambut selain bertujuan menghitamkan. Apa saja yang dilakukan berbalik pada niat kita. Jika alasan menghitamkan rambut adalah untuk menutup uban, ia tidak haram di sisi agama. Sabda Rasulullah SAW: “Allah itu cantik dan suka pada perkara yang cantik.”<sup>278</sup>

Kedua-dua contoh soal jawab tersebut menunjukkan beberapa kekurangan penghujahan jawapan hukum yang dikeluarkan oleh kedua-dua panelis. Jawapan hukum soalan yang pertama dilihat menyertakan dalil penghujahan yang kurang jelas terhadap isu yang ditanya. Isu yang ditanya ialah keharusan melukis inai corak bunga di tangan, tetapi dalil yang disertakan ialah dalil umum keharusan menggunakan inai di rambut yang ditumbuhki uban. Bagi penulis, jika panelis tersebut berhujah dengan dalil umum menggunakan kaedah *al-qiyās* sekalipun, keterangan perlu disertakan bagi mengelak kekeliruan kefahaman di kalangan masyarakat.

---

<sup>277</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Hukum Memakai Inai Harus’, 26 Mac 2010, *ibid.*; contoh lain lihat ‘Hukum Makan Makanan Yang Disembah Kepada Berhala’, 9 April 2010; ‘Bukan Solat Jumaat Jika Terlepas 2 Rakaat’, 26 Februari 2010; ‘Baju Bergambar Sah Dipakai Solat’, 26 Februari 2010; ‘Korban Atas Nama Si Mati’, 22 Januari 2010; ‘Makanan Halal Bercampur Haram’, 7 Mei 2010; ‘Perbezaan Pendapat Hal Batal Wuduk’, 2 Julai 2010; ‘Tarian Usah Melampaui Batas’, 15 Oktober 2010; ‘Tak Batal Solat Sentuh Anak Belum Khatan’, 8 Januari 2010.

<sup>278</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Inai Baik Untuk Rambut’, ’18 Julai 2010’, *ibid.*; contoh lain lihat lihat ‘Buah Upacara Agama Haram’, 12 September 2010; ‘Cukur Bulu Kening’, 28 November 2010; ‘Bayi Mati Tiada Syafaat’, 21 Februari 2010.

Jawapan hukum panelis kedua pula menggunakan dalil yang umum untuk menunjukkan keharusan menggunakan inai berwarna hitam bagi menutup uban. Jawapan hukum sebegini menunjukkan kekurangan dari segi penghujahan kerana jika dilihat dalil yang digunakan panelis pertama jelas menunjukkan pengharaman menggunakan inai hitam berdasarkan dalil yang lebih khusus. Sebenarnya terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam membahaskan tentang keharusan menggunakan inai berwarna hitam bagi rambut beruban, tetapi difokuskan kepada golongan muda bukan keseluruhan golongan.<sup>279</sup> Oleh yang demikian, bagi penulis dalil umum yang digunakan panelis adalah kurang tepat. Begitu juga seperti contoh soal jawab berikut:

**“Soalan:** Menjadi kebiasaan saya pada setiap malam sebelum tidur saya akan membaca surah Al-Fatiyah, ayat 3 Qul dan ayat Kursi. Saya ingin tahu, bolehkan seseorang yang dalam keadaan haid membaca surah Al-Fatiyah dan ayat Al-Quran tanpa memegang kitab berkenaan. Disebabkan saya keliru, saya cuma mengucap dua kalimah syahadah saja sebelum saya tidur ketika dalam haid. Minta penjelasan Datuk mengenai keraguan itu. – Puan Zai, Kuala Lumpur

**Jawapan:** Membaca ayat Al-Quran seperti Fatihah atau apa-apa surah yang sudah dihafal sewaktu dalam keadaan haid atau hadas besar dibolehkan. Yang menjadi pertikaian dan perbezaan pendapat beberapa ulamak adalah memegang mushaf itu sendiri. Jika sekadar membacanya ia adalah harus.”<sup>280</sup>

Jawapan terhadap persoalan yang ditanyakan berlaku sedikit pertikaian. Sebenarnya perbezaan pendapat ulama juga berlaku bagi perbuatan membaca ayat-ayat suci ketika dalam keadaan hadas besar.<sup>281</sup> Panelis pertama sendiri telah menjawabnya dalam soal jawab berikut:

---

<sup>279</sup> Al-Qarađawī, Muḥammad Yūsuf (1997), *al-Ḥalāl wa al-Harām fī al-Islām*, c. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah, hh. 84-85.

<sup>280</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Hukum Baca Ayat Suci Ketika Uzur’, 11 Julai 2010, *ibid.*, h. 18.

<sup>281</sup> Al-Zuḥailī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 1, c. 2, Damsyik: Dār al-Fikr, hh. 470-471.

**“Soalan:** Adakah Islam membenarkan seorang wanita yang dalam keadaan haid mengajar mengaji al-Quran dan menyentuhnya? Ini kerana saya pernah membaca artikel mengatakan wanita dalam haid tidak boleh menyentuh al-Quran, hanya boleh membaca ayat yang dijadikan amalan harian seperti al-Fatiha. Saya agak keliru, mohon penjelasan. Ini kerana saya berhajat untuk mengajar sendiri anak saya al-Quran, jadi adakah saya masih boleh mengajar walaupun dalam keadaan haid?

**Jawapan:** Kebanyakan ulama tidak membenarkan membaca al-Quran ketika dalam keadaan berjunub. Begitu juga dengan memegang mashaf. Ini berdasarkan ayat al-Quran: “Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk yang diakui bersih suci.” (Surah al-Waqi’ah ayat 79). Bagaimanapun, ada pendapat yang membenarkan membaca al-Quran dengan alasan perempuan dalam haid berbeza dengan orang yang dalam keadaan junub yang biasa. Menurut mazhab Maliki, wanita yang dalam keadaan haid dibenarkan membaca al-Quran dalam bilangan yang sedikit sahaja (Ibn Rushd, 2000: I: 83-84). Berkenaan mengajar al-Quran semasa haid pula, anda tidak dinasihat mengajarnya berdasarkan pendapat di atas.”<sup>282</sup>

Berdasarkan perbincangan contoh-contoh tersebut, jelas kepada kita bahawa alasan penghujahan yang jelas serta rasional sangat penting dalam sesuatu jawapan hukum. Jawapan-jawapan yang diberikan walaupun benar dari satu dimensi, ianya boleh menjadi salah jika keterangannya tidak jelas serta mengelirukan apatah lagi jika dibandingkan dengan pandangan lain yang lebih kuat. Kepakaran dan kefahaman yang kukuh terhadap hukum-hukum fiqh dilihat begitu penting bagi menghadapi situasi-situasi tersebut.

Aspek kekurangan keempat yang dikenal pasti adalah kedua-dua panelis tidak menjawab soalan yang diajukan dengan sepenuhnya. Kekurangan jenis ini paling banyak dikenal pasti oleh penulis. Contohnya dapat dilihat dalam soal jawab berikut:

**“Soalan:** Apakah hukumnya jikalau suami saya gemar menonton video lucu. Dia akan simpan di dalam telefon bimbit. Tapi apa yang menghairankan saya suami saya ini sembahyang mengaji memang tidak tinggal. Sebagai isteri, saya memang terguris kerana sikapnya belum berubah walaupun sudah 10 tahun kahwin, umur pula sudah menjangkau awal 40-an. Apakah yang perlu saya lakukan kerana saya makin buntu sekarang. Bila

---

<sup>282</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Wanita Haid Tak Digalak Ajar al-Quran’, 21 Mei 2010, *ibid.*, h. 2.

saya hendak melihat telefon bimbit pun akan dimarah kerana baginya benda itu tidak memudaratkan. Apakah saya mempunyai hak untuk melihat apa-apa yang ada di dalam telefon suami? - Liza, Shah Alam.

**Jawapan:** Salah satu perbuatan maksiat ialah menonton gambar lucah. Kita dituntut dalam agama supaya menjaga pandangan dan menundukkan pandangan dari perkara yang haram. Saya pernah mengendalikan kes suami yang suka melihat video lucah ini. Bila disoal siasat didapati suami mempunyai keinginan yang tinggi terhadap keperluan seksual tetapi sama ada dia sendiri tidak mampu melaksanakannya kerana masalah dirinya atau dia mampu tetapi tidak mendapat rangsangan sama daripada isteri yang dingin. Puncanya daripada salah satu sebab yang disebut tadi. Puan lebih tahu masalah rumah tangga puan, jika sukar untuk menyelesaikan sendiri, puan mesti merujuk pada pakar bagi menyelesaikan masalah ini. Usah dibiarkan dosa ini berlarutan dan cubalah bawa berbincang keinginan suami jangan biarkan masalah ini menjadi 'taboo' dan sukar dibincangkan antara puan dan suami. Bawa bincang bersama secara terbuka demi mencari kebaikan bersama.”<sup>283</sup>

dan,

“**Soalan:** Apakah hukum memakan masakan yang dimasak menggunakan telur ayam yang tidak dibasuh? Contohnya peniaga roti canai, kue teow goreng atau murtabak yang mengambil telur ayam yang tidak dibasuh terus dari rak telur untuk memasak. Umum diketahui bahawa telur yang dibeli dari kedai mempunyai bekas najis ayam yang terlekat. Jadi jika tidak dibasuh sudah tentu makanan yang dimakan akan mengandungi najis. Jika diperhatikan lebih dari 70 peratus kedai makan tidak membasuh telur ayam sebelum dimasak hingga saya bingung untuk makan di kedai. Walaupun masakan seterusnya tidak menggunakan telur, tetapi tangan dan alat masakan tentu masih terpalit sisa telur tadi. Adakah status makanan itu menjadi haram? Bolehkah kita sentiasa berfikiran bersangka baik terhadap tukang

---

<sup>283</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Suami Ketagih Video Lucah’, 11 April 2010, *op. cit.*; contoh lain lihat Mashitah Ibrahim, ‘Umrah 2 Kali, Belum Tunai Haji’, 19 Disember 2010, ‘Izin Isteri Bertindik Pusat’, 12 Disember 2010; ‘Hukum Naik Pelamin’, 12 Disember 2010; ‘Berzina Dengan Bukan Islam’, 5 Disember 2010, ‘Pakai Penggaris Mata’, 28 November 2010; ‘Cukur Bulu Kening’, 28 November 2010; ‘Lambang Salib Pada Baju’, 14 November 2010; ‘Elak Berurut Bukan Muhrim’, 7 November 2010; ‘Bimbang Bermenantukan Anak Luar Nikah’, 17 Oktober 2010; ‘Hukum Guna Wang Cukai Haram’, 17 Oktober 2010; ‘Buat Produk Untuk Kasino’, 7 Oktober 2010; ‘Hukum Lelaki Bertindik Jadi Imam’, 22 Ogos 2010; ‘Lewat Mandi Wajib, 8 Ogos 2010; ‘Insurans Bunuh Diri’, 1 Ogos 2010; ‘Besarkan Buah Dada’ 25 Julai 2010; ‘Wanita Boleh Bersanggul Tinggi Selagi Menutup Aurat’, 27 Jun 2010; ‘Ustaz Minat Porno’, 13 Jun 2010; ‘Suami Hilang Ingatan’, 16 Mei 2010; ‘Curiga Sumber Rezeki’, 2 Mei 2010; ‘Upah Khatam al-Quran Untuk Si Mati’, 25 April 2010; ‘Risau Cukur Bulu Kening’, 7 Februari 2010; ‘Solat Jamak Kerana Sangkut Kesesakan Jalan’, 31 Januari 2010; lihat juga Abdul Salam Muhamad Shukri, ‘Haram Salah Guna Air Daun Ketum’, 26 Februari 2010, ‘Terpaksa Makan Makanan Diragui Halal’, 9 Julai 2010; ‘Musykil Tempoh Qada’ Puasa’, 2 Julai 2010; ‘Penzina Jadi Wali’, 18 Jun 2010, *op. cit.*

masak? Adakah sebab memakan makanan yang tidak jelas sumbernya punca penyebab masalah jiwa generasi sekarang?- Pintarmas, Kuala Lumpur

**Jawapan:** Telur ayam sewajarnya dibasuh kerana dari segi perubatan dan kesihatan membuktikan betapa di situ banyak kuman yang melekat dan boleh menjadikannya bahaya. Daripada sudut agama pula kebersihan menjadi topik perbincangan utama dan pertama. Pada telur ayam ada kemungkinan melekat tahi ayam. Tahi ayam tidak haram seperti babi tetapi ia najis yang wajib dibersihkan. Pilihannya sekarang ialah sama ada makan di rumah atau jika terpaksa mestilah memaklumkan pada tukang masak berkenaan. Semuanya pada pilihan kita. Moga-moga dengan tersiar ruangan ini juga menjadi satu peringatan dan kesedaran pada semua gerai, restoran dan tukang masak bahawa pelanggan mahukan yang halal dan toyyib iaitu halal dan juga bersih.”<sup>284</sup>

Contoh-contoh soal jawab di atas menjelaskan kepada kita bahawa terdapat juga jawapan-jawapan hukum yang tidak menjawab persoalan dengan sepenuhnya. Merujuk contoh soal jawab pertama, penyoal bertanya tentang hak isteri melihat kandungan yang ada dalam telefon bimbit suami sedangkan suami tidak mengizinkannya, namun langsung tidak dijawab oleh panelis. Soal jawab kedua pula berkenaan telur ayam yang tidak dibasuh. 3 pecahan soalan yang diajukan penyoal tidak dijawab dengan jelas oleh panelis iaitu apakah status halal atau haram makanan, keperluan bersangka baik terhadap tukang masak dan benarkan sumber yang tidak diketahui menjadi punca masalah jiwa generasi sekarang. Panelis hanya menerangkan secara umum tentang kepentingan makanan yang bersih dan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh penyoal.

Berdasarkan seluruh kekurangan beserta contoh-contoh yang dilampirkan, jelas kepada kita bahawa ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro mempunyai banyak kekurangan disamping kelebihan-kelebihan yang telah dijelaskan sebelumnya. Seperti

---

<sup>284</sup> Mashitah Ibrahim, ‘Curiga Kebersihan Makanan’, 28 Februari 2010, *ibid.*

faktor kelebihan, faktor kekurangannya turut berpunca daripada faktor ruangan soal jawab dan faktor latar belakang kepakaran panelis itu sendiri.

#### 4.4 KESIMPULAN

Pelbagai permasalahan hukum telah diunjurkan kepada ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro dan Metro Ahad. Permasalahan tersebut membuktikan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai masalah-masalah serius yang pelbagai. Mereka memerlukan ruang untuk ‘meluahkan’ permasalahan yang dihadapi seperti yang disediakan dalam soal jawab agama akhbar dan sebagainya. Walaupun permasalahan tersebut bersifat ‘*simple*’ kepada panelis yang mempunyai latar belakang agama yang tinggi, kebanyakan masalah tersebut memang sangat serius dan kritikal lantas menggambarkan kejahilan masyarakat tentang Islam. Dalam menjawab sebarang permasalahan hukum tersebut, kedua-dua panelis mempunyai cara atau metode yang tersendiri. Umumnya, metode seperti *tarjīh*, *taqlīd* dan *talfiq*<sup>285</sup> dalam disiplin *uṣūl al-fiqh* boleh didapati berpandukan kaedah jawapan hukum yang diberikan namun untuk menentukan dengan tepat mereka memang menggunakan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang sebenar masih terdedah kepada pertikaian. Sesungguhnya kedua panelis juga tidak menetapkan diri untuk mengikuti metode asas berfatwa seperti yang digariskan oleh sarjana hukum, tetapi berdasarkan analisis jawapan hukum jugalah boleh

---

<sup>285</sup> *Tarjīh* ialah memilih pendapat yang paling kuat atau paling sesuai, *taqlīd* ialah meniru dan mengikut pendapat ulama lain manakala *talfiq* pula ialah menghimpunkan beberapa pendapat daripada mazhab-mazhab yang berbeda tentang sesuatu perkara. Maklumat lanjut sila lihat Muḥammad Abū Zahrah (tt), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Fikr al-`Arabi, h. 396; al-Sa`idī, `Abdullah Muḥammad (tt.), *al-Talfiq wa Ḥukmuhu fī al-Fiqh al-Islāmi*, Jamī`ah al-Mālik al-Sa`ūd, hh 5-7; al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1994), *op. cit.*, h. 20.

didapati mereka umumnya ‘telah’ dan ‘tidak’ memenuhi metode-metode asas tersebut berdasarkan penilaian kelebihan (positif) dan kekurangan (negatif) realiti amalan soal jawab agama yang berlaku.

## **BAB 5:**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini merupakan bab terakhir yang mana penulis akan mengemukakan kesimpulan bagi keseluruhan bab-bab yang dibincangkan di dalam kajian ini. Di samping itu, penulis juga akan cuba mengemukakan kritikan serta cadangan yang membina sebagai satu usaha untuk meningkatkan lagi mutu ruangan jawab agama di Malaysia amnya, akhbar Harian Metro khususnya di samping metode jawapan-jawapan hukum yang dikeluarkan. Walaupun ruangan soal jawab agama yang dikaji penulis dikendalikan dengan baik setakat ini, cadangan dan saranan yang bakal dikemukakan adalah untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan serta keautoritian jawapan hukum yang dikeluarkannya pada masa akan datang. Penilaian yang dibuat adalah diasaskan kepada pemerhatian dan juga kajian yang telah dijalankan dengan melihat dari beberapa aspek yang penting seperti pengurusan ruangan, metode pengeluaran jawapan hukum, sumber-sumber rujukan serta temubual yang penulis jalankan.

Adalah menjadi hasrat penulis menampilkan sesuatu yang bukan sahaja bersifat akademik tetapi juga *real* dalam dunia pengajian Syariah Islam supaya kekurangan yang ada dapat diatasi. Biarpun begitu, pengamatan ini tidaklah dianggap mutlak sehingga memperkecil atau mempertikaikan jawapan-jawapan hukum yang telah dikeluarkan tetapi sekadar cetusan minda berdasarkan sedikit pengamatan terhadapnya.

## **5.2 PENILAIAN DAN RUMUSAN**

Kehadiran dunia baru yang bertunjangkan kemajuan ilmu dan teknologi moden telah menjadikan masyarakat khususnya mereka yang beragama Islam semakin terdedah kepada pelbagai sumber ilmu tentang agama Islam termasuk fatwa atau jawapan hukum. Situasi ini sememangnya mempunyai impak yang positif dan negatif bergantung kepada sejauh mana kebenaran fakta serta keberkesanan sumber-sumber tersebut menyebarkan hakikat Islam. Kajian yang bertajuk *Analisis Metode Jawapan Hukum Dalam Ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro Tahun 2010* ini telah merumuskan bahawa ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro merupakan sebuah ruangan ilmiah yang telah memainkan peranan tersendiri dalam menjawab permasalahan-permasalahan hukum agama yang timbul di kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Melihat dari sudut teknikal, ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro telah dikelolakan dengan baik walaupun dalam ruang yang terbatas. Ketelusan jawapan yang disiarkan beserta soalan yang tidak diubah maknanya menggambarkan hakikat ruangan ini tidak berhadapan dengan campur tangan pihak luar yang boleh mempengaruhi autoriti jawapan. Walaubagaimanapun keterbatasan ruang telah menjadikan jawapan hukum yang diberikan terdedah kepada ketidak sempurnaan. Kedua-dua panelis terpaksa menyediakan jawapan yang ringkas lagi padat yang menurut hemat penulis tidak bersesuaian dengan konsep jawapan hukum yang mesti dijelaskan dengan dalil dan hujah terperinci.

Merujuk kepada latar belakang akademik kedua-dua panelis pula, mereka sememangnya mempunyai kepakaran yang luas dalam bidang agama tetapi tidak menjurus

kepada bidang hukum-hakam amali atau syariah. Seperti mana yang telah dibentangkan, majoriti persoalan masyarakat dalam ruangan soal jawab ini pada tahun 2010 adalah berkenaan persoalan hukum hakam amali. Sebanyak lebih 70% persoalan hukum-hakam amali diajukan kepada Abdul Salam Muhamad Shukri manakala 72 % persoalan hukum-hakam amali pula diajukan kepada Mashitah Ibrahim. Situasi tersebut walaupun secara umumnya dilihat tidak memberikan masalah yang besar terhadap kedua-dua panelis untuk memberikan jawapan hukum kerana hampir keseluruhan persoalan adalah bersifat mudah namun masih terdapat banyak jawapan-jawapan hukum yang diberikan dilihat tidak menepati metode *istinbāt* dan persembahan hukum yang sebenarnya dalam disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh*.

Sebagaimana dibincangkan sebelum ini, sesuatu hukum fiqh itu boleh berubah berdasarkan kepentingan zaman dan tempat. Juteru itu seseorang panelis tidak boleh bergantung kepada hasil nukilan hukum daripada kitab fiqh silam semata-mata walaupun permasalahan tersebut kelihatan mudah pada zahirnya. Kefahaman terhadap hukum fiqh silam walaupun mudah tetapi tetap memerlukan penguasaan ilmu syariah lebih-lebih lagi penulisan tersebut dijadikan sebagai panduan orang awam bukannya untuk beramal sendiri. Oleh yang demikian, relevansi kepakaran dalam bidang syariah untuk menjadi panelis dalam ruangan soal jawab agama akhbar Harian Metro walaupun tidak begitu mendesak namun menjadi lebih baik jika sesuatu bidang itu diserahkan kepada mereka yang berkepakaran khusus mengenainya.

Istilah ‘jawapan hukum’ yang digunakan penulis dalam kajian ini telah berkongsi makna yang sama dengan ‘fatwa’ walaupun mempunyai konotasi yang berbeza dari segi

realiti penggunaan. Oleh kerana ‘jawapan hukum’ dan ‘fatwa’ berkongsi makna yang sama, setiap jawapan hukum yang dikeluarkan turut terikat dengan asas-asas berfatwa yang digariskan Islam. Umumnya dapatlah penulis merumuskan bahawa kedua-dua panelis yang terlibat mengelolakan ruangan Soal Jawab Akhbar Harian Metro ‘telah’ dan ‘tidak’ menepati keperluan-keperluan asas berfatwa tersebut. Keperluan-keperluan asas berfatwa yang dimaksudkan telah dipenuhi oleh kedua-dua panelis ialah mereka telah memberikan jawapan-jawapan yang boleh memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam, memahami dengan baik realiti khalayak yang bertanya dan tujuan pertanyaan tersebut diajukan, tidak terikat dengan pandangan mazhab tertentu walaupun mengutamakan mazhab setempat (*Shāfi`ī*) dan mereka juga telah menyediakan jawapan dengan jelas dan rasional. Keperluan-keperluan asas berfatwa yang dimaksudkan tidak dipenuhi pula adalah jawapan-jawapan hukum yang tidak bertepatan dengan metode asas berfatwa seperti yang dinyatakan.

Dapatan kajian yang berunsur ‘pro’ dan ‘kontra’ menunjukkan kedua-dua panelis tidaklah menjadikan metode asas berfatwa atau disiplin *uṣūl al-fiqh* sebagai garis panduan dalam memberikan jawapan hukum. Walaupun realiti jawapan hukum mereka sebahagiannya adalah memenuhi kesemua aspirasi asas-asas berfatwa tersebut, kekurangan-kekurangan yang timbul menjadikan kedua-dua panelis terdedah kepada kritikan daripada sudut autoriti kesarjanaan dalam menjawab persoalan-persoalan dalam bidang syariah memandangkan mereka mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang berbeza.

Hasil daripada penelitian yang dilakukan juga, didapati metode yang banyak digunakan oleh kedua-dua panelis berdasarkan jawapan-jawapan yang dikeluarkan mempunyai persamaan dengan metode *tarjīh* berbanding metode-metode lain dalam *uṣūl al-fiqh*. Metode ini digunakan dengan membuat rujukan secara terus kepada kitab-kitab fiqh atau pendapat ulama-ulama mengenai masalah yang dihadapi. Seterusnya mereka akan memilih mana-mana antara pendapat-pendapat tersebut yang lebih kuat dari segi alasan penghujahannya dan sesuai dijadikan sebagai sandaran hukum dengan melihat realiti semasa untuk diaplikasikan ke dalam jawapan hukum mereka. Metode yang diamalkan menggambarkan kebanyakkan permasalahan-permasalahan yang diajukan adalah bersifat mudah dan telahpun mempunyai jawapan dalam kitab-kitab karangan para ulama terdahulu. Namun demikian, perlu ditekankan bahawa metode *tarjīh* memerlukan kepada kefahaman yang mendalam terhadap pembinaan sesuatu hukum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Latar belakang akademik kedua-dua panelis sekali lagi terdedah kepada pertikaian.

Seterusnya penelitian yang dibuat terhadap kandungan fatwa mendapati bahawa aspek pendalilan dalam *istinbāt* hukum kurang dititikberatkan oleh kedua-dua panelis dalam penulisan teks jawapan hukum mereka. Perkara ini sebenarnya amat penting untuk didedahkan bagi memastikan sesuatu fatwa yang dikeluarkan itu mempunyai autoriti dan kehujahan yang jelas dan mampu dipertahankan sekiranya dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Segala dalil dari sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, *Ijmā`* dan *al-Qiyās* disamping penggunaan sumber lain seperti *masāliḥ mursalah*, *'urf*, *sadd al-dharā'i`* dan sebagainya tidak dinyatakan dengan jelas dalam teks jawapan yang dibuat. Keadaan ini juga bukanlah bermakna kedua-dua panelis tidak melakukan rujukan secara

sistematik, cuma mereka tidak merekodkan di dalam teks jawapan hukum mereka seperti yang sepatutnya dilakukan oleh sarjana-sarjana di bidang hukum fiqh.

### **5.3 SARANAN DAN CADANGAN**

Untuk memastikan kewibawaan ruangan soal jawapan agama khususnya dalam akhbar Harian Metro terus meningkat dan jawapan-jawapan hukum terus dihormati dan disanjung tinggi, maka penulis akan mengemukakan beberapa saranan serta cadangan yang membina kepada beberapa pihak. Cadangan-cadangan ini timbul hasil daripada pemerhatian penulis bagi setiap aspek kajian berkaitan ruangan soal jawab agama in beserta jawapan-jawapan hukum yang telah dikeluarkan. Antara saranan dan cadangannya adalah seperti berikut:

#### **5.3.1 Saranan kepada para panelis yang terlibat mengeluarkan sebarang jawapan hukum kepada masyarakat.**

1. Memuatkan nas-nas yang menjadi sandaran dalam membuat pendalilan serta penghujahan terhadap sesuatu isu yang dibincangkan selain menyebutkan sumber rujukan (kitab) yang digunakan agar sumbernya jelas terutama apabila ia menjadi rujukan dan kajian yang dilaksanakan oleh mana-mana penyelidik.
2. Mewujudkan dokumentasi teks-teks jawapan hukum yang telah dikeluarkan dengan sistematik dan sebuah laman web koleksi soal jawab agama yang

menghimpunkan semua koleksi soal jawab agama yang dikendalikan oleh akhbar Harian Metro dan pihak-pihak lain untuk memudahkan rujukan kepada anggota masyarakat dan pihak-pihak yang memerlukan bahan-bahan penting berkaitan jawapan hukum untuk tujuan penyelidikan.

3. Satu format laporan jawapan hukum yang baku (*standard*) bagi semua panelis terlibat perlu diwujudkan agar semua keperluan dalam *istinbāt* hukum boleh dipastikan terpelihara dalam setiap jawapan yang dikeluarkan. Mana-mana jawapan hukum yang didapati tidak memenuhi *standard* yang ditetapkan akan dapat dikesan kelebihannya dan dengan segera boleh dibuat semakan semula. Sebagaimana amalan sekarang, jawapan yang dikeluarkan tidak bersifat standard dari aspek penjelasan hujah, dalil dan sebagainya. Jika ianya juga dapat diseragamkan mengikut kategori soalan mudah, sederhana atau sukar, pasti jawapan hukum yang sesuai dan berkualiti tinggi akan dapat dikeluarkan
  
4. Mewujudkan satu jawatankuasa yang menghimpunkan pakar-pakar dalam bidang hukum sebagai rujukan rasmi bagi para panelis yang berkecimpung secara langsung menjawab persoalan semasa masyarakat. Dengan kewujudan jawatankuasa tersebut akan memudahkan para panelis berkongsi maklumat serta pendapat dalam menyediakan jawapan hukum bagi mana-mana persoalan yang sukar diselesaikan oleh mereka. Jawatankuasa tersebut juga boleh berperanan sebagai badan pemantau bagi menjamin kesahihan jawapan-jawapan hukum yang dikeluarkan.

**5.3.2 Saranan kepada akhbar Harian Metro dan pihak-pihak yang terlibat menyediakan ruangan soal jawab agama.**

1. Menyediakan ruangan soal jawab yang lebih besar atau dihadkan jumlah persoalan yang ingin disiarkan agar setiap persoalan mendapat penjelasan daripada panelis yang terlibat dengan sejelas-jelasnya. Dicadangkan juga ruangan soal jawab agama disediakan untuk terbitan setiap hari kerana permasalahan agama masyarakat begitu banyak. Ruang yang lebih besar ini memungkinkan persoalan lebih banyak dapat disiarkan dapat disiarkan lalu berkongsi jawapannya dari sudut agama dengan anggota masyarakat yang lain. Ini akan meningkatkan lagi minat masyarakat untuk membeli dan menjadikan akhbar khususnya Harian Metro sebagai bacaan ilmiah sehari-an.
2. Mengutamakan individu yang berkelayakan khusus dalam bidang hukum hakam sebagai panelis ruangan soal jawab agama. Individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang hukum akan dapat menyediakan jawapan hukum yang lebih bertepatan dengan kehendak syarak dan keadaan sekitar.

**5.3.3 Saranan kepada pengkaji terkemudian**

1. Melakukan kajian terhadap ketepatan jawapan hukum menurut perseptif syarak. Seperti yang telah dinyatakan penulis di awal disertasi ini, kajian tentang jawapan-jawapan hukum dalam ruangan soal jawab agama masih

baru berbanding kajian-kajian berkaitan fatwa-fatwa rasmi. Kajian penulis ini juga lebih menekankan tentang metode pengeluaran jawapan hukum berbanding aspek kesahihan dan ketepatan setiap jawapan hukum yang dikeluarkan. Oleh yang demikian, ianya membuka ruang kepada mana-mana pengkaji selepas ini untuk meniliti secara mendalam aspek kesahihan dan ketepatan tersebut bagi menjamin keautoritian jawapan hukum panelis-panelis terlibat.

#### **5.4 PENUTUP**

Bidang fatwa atau soal jawab hukum telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam terutamanya dalam memberikan kefahaman hukum kepada masyarakat. Keperluan terhadap jawapan-jawapan hukum semakin bertambah, hari demi hari seiring dengan arus kemodenan dunia dan permasalahan masyarakat yang turut sama mengalami proses perkembangan. Hakikat ini dapat dibuktikan apabila semakin tersebarnya ajaran Islam di alam maya ini, semakin berkembangnya bidang perbahasan hukum-hakam kerana para ulama terpaksa berdepan dengan pelbagai bentuk budaya baru dan nilai-nilai pembangunan setempat yang memerlukan daya *ijtihād* yang tinggi. Justeru itu pihak panelis atau orang yang bertanggungjawab menyediakan jawapan hukum dalam ruangan-ruangan soal jawab agama di media elektronik dan cetak dewasa ini perlu memiliki kebijaksanaan yang tinggi dalam menangani setiap persoalan yang diutarakan. Kebijaksanaan dari sudut akademik dan kebijaksanaan menyesuaikan jawapan dengan persoalan ini amat mustahak dalam memastikan agama Islam dilihat sentiasa relevan dan

mudah diamalkan di mata masyarakat dalam masa yang sama tidak menggadaikan prinsip-prinsip asas ajarannya. Sememangnya setiap jawapan hukum yang dikeluarkan terdedah kepada perbahasan dan kritikan dari pihak masyarakat mahupun sarjana namun jika metode-metode asas setiap jawapan hukum itu dipenuhi, tentu sekali nilai-nilai positif daripadanya akan lebih jelas kelihatan berbanding nilai-nilai negatif yang wujud. Masyarakat juga wajar memahami tugas mengeluarkan jawapan hukum itu bukannya mudah. Di samping itu usaha murni para panelis ruangan soal jawab agama yang ikhlas menyebarkan ilmu mereka sewajarnya dihargai kerana mereka juga penyambung lidah Rasulullah s.a.w. dalam lapangan yang berbeza-beza.

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN BAHASA ARAB

- ˋAbd al-Karīm Zaydān (2006), *al-Waj̄iz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah Nāsyirūn.
- ˋAbd al-Wahhāb Khallāf (1943), *ˋIlm Uṣūl al-Fiqh*, Mesir: Maktabah Da`wah al-Islāmiyyah.
- ˋAbd al-Wahhāb Khallāf (1956), *ˋIlm Uṣūl al-Fiqh*, c. 7, Kaherah: Maktabah al-Da`wah al-Islāmiyyah.
- ˋAbd al-Wahhab Khallaf (t.t.), *Khulāṣah Tārīkh al-Tasyri ̄ al-Islāmi*, Kuwait: Dār al-Qalam.
- Ibn ˋAbd al-Salām (2000), *Qawā'id al-Aḥkām fī Islāh al-Anām*, j. 1, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Al-ˋĀlim, Yūsuf (1994), *al-Maqāṣid al-ˋĀmmah li al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, c. 2, Amerika Syarikat: al-Ma`ahad al-ˋĀli li al-Fikrī al-Islāmī.
- Al-ˋUthaymīn, Muḥammad Ṣālih (2002), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Iskandariyyah: Dār al-Baṣīrah.
- Al-ˋAmidī, ˋAlī Ibn Muḥammad (2003), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 1, c. 1, Riyādh: Dār al-Shamī'i.
- Al-Badakhshī (1953), *Sharḥ al-Badakhshī Manāhij al-'Uqūl*, j. 3, Kaherah.
- Al-Baghdādī, Abī Bakar Aḥmad (1996), *Kitāb al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*, j. 1, Riyadh: Dār Ibn al-Jauzī.

Al-Badawī, Yūsuf Aḥmad Muḥammad (1999), *Maqāṣid al-Syarī‘ah ‘Inda Ibn Taymiyyah*,

Jordan: Dār al-Nafāis. (tak baiki?, ana dah buat komen)

Al-Baiḍāwī, Qādī Nāṣir al-Dīn Abū Sa‘īd Ḥabīb b. ʻAbdullah ʻUmar Muḥammad al-Syīrāzī (685H),

*Minhāj al-Wuṣūl fī Ma‘rifah ‘Ilm al-Ūṣūl*, Mesir: Maktabah wa al-Maṭba`ah al-Maḥmūdiyyah.

Al-Bukhārī, Abī Ḥanīfah Muḥammad, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, kitab al-Ṭiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, bab Ajr al-Hakīm Izā Ijtahada fa Aṣoba aw Akhto’, no. Hadis 7352, dlm.

Salleh Abd Ḥamid (1999), *Mausū‘ah al-Hadīth al-Syarī‘ah*.

Al-Būṭī, Sa‘īd Ramaḍān (1985), *Allā Madhabiyah*, Damsyiq: Dār al-Farābi.

Al-Harrānī, Aḥmad Ibn Ḥamdan (1380H), *al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafī*, j.1, Damsyik: Mansyūrat al-Maktab al-Islamī.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1423h), *I‘lām al-Muwāqi’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, Madinah: Dār Ibn al-Jauzī.

Al-Jazīrī, Abd al-Rahmān (1994), *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah*, Kaherah: Dār al-Hadīth.

Al-Khudārī Bik, Muḥammad (1965), *Tārīkh al-Tasyīrī al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah al-Tijāriyah.

Al-Mughnī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Ḥusayn (t.t.), *Dawabit al-Fatwā*, Mesir: Dār al-Furqān.

Al-Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf (1988), *al-Fatwā Bainā al-Inḍibāt wa al-Tasayyub*, Kaherah: Dār al-Šahwah li al-Nasyar wa al-Tawzī’. Betulkan semua al-qaradawi

Al-Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf (1996), *al-Ijtihād fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalam.

Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1996), *Fī Fiqh al-Awlawiyyāt wa Dirāṣah al-Jadīdah fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qaraḍawī, Muḥammad Yūsuf (1997), *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, c. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qāsimī, Jamāl al-Dīn (1986), *al-Fatwāfī al-Islām*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Qāsimī, Jamāl al-Dīn (1986), *al-Fatwā fī al-Islām*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Qurṭubī, Muḥammad Ibn Aḥmad (t.t.), *al-Jāmi` li al-Āḥkām al-Qur'ān*, Kaherah: al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-`Ammah li al-Kitāb.

Al-Rāzī, Abū `Abd Allah Muḥammad (t.t.), *Manāqib al-Imām al-Syāfi`ī*, Kaherah: Maktabah al-`Allāmah.

Al-Sa`idī, `Abd Allah Muḥammad (tt.), *al-Talfīq wa ḥukmuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*, Jāmi`ah al-Malik al-Sa`ud.

Al-Suyūtī, Jalal al-Din `Abd al-Rahmān (2003), *al-Asybāh wa al-Naẓā'ir*, Beirut: al-Maktabah al-`Asriyyah.

Al-Syalabī, `Alī Muḥammad (2006), *Tārīkh al-Khulafā' al-Rasyidīn*, jil. 2, Damsyik: Dār Ibn Kathīr.

Al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsa (t.t.), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī`ah*, j. 2, (t.p.).

Al-Syīrāzī, Abī Ishāq Ibrāhīm, Yūsuf `Alī Bayḍawi, Mahyuddin Dib Mastu (ed.) (2002), *al-Luma` fī Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr.

Al-Tha`alabī (t.t.), *al-Fikr al-Samī` fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, j.1, (t.tmp):(t.p.).

Al-Wakīlī, Muḥammad (1997), *Fiqh al-Awlawiyyat*, Virginia: Ma`ahad al-`alamī li al-Fikr al-Islāmī.

Al-Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad (1998), *al-Madkhal al-Fiqhī al-Ām*, jil.1, Damsyik: Dār al-Qalam.

Al-Zuḥaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 1, c. 2, Damsyik: Dār al-Fikr.

Al-Zuḥaylī, Wahbah (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fikr.

Al-Zuḥaylī, Wahbah (1996), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 2, Damsyik: Dār al-Fikr.

Al-Zuḥaylī, Wahbah (1999), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Ma`āṣir.

Al-Zuḥaylī, Wahbah (2001), *Tafsīr al-Waṣīṭ*, juz. 3, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`āṣir.

Badrān, Abū al-`Ainain Badrān (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariyah: Mu`assasat Thaqāfah al-Jamī`iyyah.

Badrān, Abū al-`Aynain Badrān, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Nahdah al-`Arabiyyah.

Ibn `Abd al-Salām, `Izz al-Dīn (t.t), *Qawā'id al-Kubrā al-Mausūm bi Qawā'id al-Ahkām fī Islāh al-Anām*, Damsyik: Dār al-Qalam.

Ibn Ḥajar al-`Asqalānī, Aḥmad ibn `Alī (t.t), *Fath al-Bārī*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Ḥamdan, Aḥmad (1934), *Sifat al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*, Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, h. 60.

Ibn Kathīr, Ismā`īl `Umar (774H), *Tafsīr al-Qur'ān al-`Azīm*, j. 2, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Khaldun (2006), *Mukadimah Ibn Khaldun*, (ter.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Khaldūn (t.t), *Muqaddimah al-`Allāmah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Rusyd (2003), *Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtaṣid*, jil. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

Khālid Ramaḍān Ḥasan (1997), *Mu`jam Uṣūl al-Fiqh*, Mesir: Dār al-Ṭarābisyī.

Mannā` al-Qattān (1993), *Tārīkh al-Tasyrī* al-Īslāmi, Beirut, Mu'assasah al-Risālah.

Muhammad `Uqlah (1991), *Al-Islām Maqāṣiduhu wa Khaṣāṣuhu*, Amman: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah.

Muhammad Abū Zahrah (tt), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi.

Muhammad Abū Syahbah (2003), *al-Sīrah al-Nabawiyyah fī Daw'i al-Qur'ān wa al-Sunnah*, jil. 1, Dimashq: Dār al-Qalam.

Muhammad Abū Zahrah (t.t.), *Fī Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi.

Muhammad Makhluf (1965) *Fatāwā Syar`iyyah wa Buḥūth Islāmiyyah*, j.1, Kaherah: Dār al-Kutb al-`Arabi.

Muṣṭafā Zāyid (2006), *al-Maṣlaḥah fī al-Tasyrī* al-Īslāmi, c. 3, Mesir: Dār al-Yasar.

Nur `Abdī Judlī (2006), *Manāhij al-Fuqahā'* al-Arba`ah, Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd.

## RUJUKAN BAHASA INGGERIS

A. Zameno (2008), “The Story in The Fatwas and The Fatwas in History”, in Baudouin Dupret *et.al.* (ed.), *Narrative of Truth in Islamic Law*, New York: I.B Tauris & co. Ltd.

Afzalur Rahman (1980), *Islam Ideology and The Way of Life*, London: The Muslim School Trust.

Imran Ahsan Khan Nyazee (2002), *Theories of Islamic Law: The Methodology of Ijtihad*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

J.R Walsh, “Fatwa”, dlm *The Encyclopedia Of Islam*, New Edition, j.2, Leiden: B.J. Brill.

Pasha Syed H. (1993), "Towards a Cultural Theory of Political Ideology and Mass Media in The Muslim World" dlm. *Media, Cultural and Society*, j. 15.

Shmuel Bar (2005), *Jihad Ideology in Light of Contemporary Fatwas*, Washington: Hudson Institute.

Wael B. Hallaq (1997), *A History of Islamic Legal Theories*, United Kingdom: Cambridge University Press.

## **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

Ab. Aziz Mat Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Latiff Abu Bakar (1991), *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Monir Yaacob (2000), "Kedudukan dan Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia", dlm. Abdul Munir Yaacob & Sarina Oyhman (ed.), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Munir Yaacob & Wan Roslili Abdul Majid (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*, c. 1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran-Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan.

